Jilid I
Bil. 31

Hari Rabu
18hb Disember, 1974

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

## PARLIMEN KEEMPAT

*Fourth Parliament*

## PENGGAL PERTAMA

*First Session*

## KANDUNGANNYA

**USUL-USUL:**

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2917]**

**Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 2917]**

**Ahli-ahli Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia [Ruangan 2918]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1975:**

**Jawatankuasa (Hari Ketiga Belas)—**

**Jadual—**

**Kepala B. 56 hingga B. 62 [Ruangan 2919]**

**Kepala B. 63 [Ruangan 2952]**

**Kepala B. 64 dan B. 65 [Ruangan 2973]**

**Kepala B. 66 [Ruangan 3013]**

**Anggaran Pembangunan, 1975:**

**Jawatankuasa (Hari Ketiga Belas)—**

**Kepala P. 56 hingga P. 62 [Ruangan 2919]**

**Kepala P. 63 [Ruangan 2952]**

**Kepala P. 64 dan P. 65 [Ruangan 2973]**

**Kepala P. 66 [Ruangan 3013]**

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

*Penyata Rasmi Parlimen*

## PENGGAL YANG PERTAMA

---

Hari Rabu, 18hb Disember, 1974

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

" Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

" Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

" Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

" Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

" Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).

" Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).

" Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

" Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

" Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

" Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).

" Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).

" Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

" Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).

" Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).

" Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).

„ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

„ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindastrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).

„ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).

„ TUAN (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).

„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

„ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).

„ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).

„ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).

„ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).

„ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

„ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).

„ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

„ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

„ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

„ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).

Yang Berhormat DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).

„ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).

„ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).

„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).

„ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

„ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).

„ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

„ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., B.K., J.P. (Sandakan).

„ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).

„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).

„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).

„ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).

„ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

„ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).

„ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).

„ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

„ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).

„ TUAN OH KENG SENG (Petaling).

„ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

„ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).

„ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).

„ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

„ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).

„ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).

„ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).

Yang Berhormat Tuan Sanusi bin Junid (Jerai).

„ Tuan Shaari bin Jusoh, p.p.n., p.p.m. (Kangar).

„ Tuan Shamsuddin bin Din, p.p.n. (Gerik).

„ Tuan Shamsuri bin Md. Saleh, a.m.n., j.p. (Balik Pulau).

„ Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang).

„ Wan Sulaiman bin Haji Ibrahim, s.m.k. (Pasir Puteh).

„ Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Parit Buntar).

„ Tuan Su Liang Yu (Bruas).

„ Pengiran Tahir bin Pengiran Patera (Kimanis).

„ Dr Tan Chee Khoon (Kepong).

„ Tuan Tan Cheng Bee, a.m.n., j.p. (Bukit Mertajam).

„ Tuan Wee Ho Soon (Bandar Sibu).

„ Tuan Yang Siew Siang (Miri-Subis).

„ Datuk Stephen Yong Kuet Tze, p.n.b.s. (Padawan).

„ Tuan Haji Yusof Rawa *alias* Haji Yusof bin Haji Abdullah, j.p. (Ulu Muda).

„ Tengku Zaid Al-Haj bin Tengku Ahmad, d.p.m.k., j.m.k., s.m.k. (Pasir Mas).

„ Wan Zainab binti M. A. Bakar, a.m.n., p.j.k. (Sungai Petani).

„ Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut).

„ Tuan Haji Zakaria bin Ismail (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, s.m.n., k.o.m. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, Datuk Hussein bin Datuk Onn, s.p.m.j., p.i.s. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, Tuan Abdul Ghafar bin Baba (Alor Gajah).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, Datuk Lee San Choon, s.p.m.j., k.m.n. (Segamat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindastrian, Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah, s.m.k., d.s.r., s.i.m.p. (Temerloh).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie, p.m.n., d.i.m.p., p.d.k. (Lipis).

„ Menteri Kesihatan, Tan Sri Lee Siok Yew, p.m.n., a.m.n., p.j.k. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof, p.m.n. (Tenggaroh).

„ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud, p.g.d.k. (Samarahan).

„ Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, Tuan Haji Mohamed bin Yaacob, p.m.k., s.m.t. (Tanah Merah).

„ Menteri Perusahaan Utama, Datuk Musa Hitam, s.p.m.j. (Labis).

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

„ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

„ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).

„ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).

„ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

„ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).

„ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

„ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

„ TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).

„ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).

„ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).

„ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).

„ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).

„ DATUK ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

„ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

„ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).

„ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).

„ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).

„ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

„ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

# DEWAN RAKYAT

## PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

## BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Rani bin Rahim.
Suhor bin Husin.
Jamaludin bin Haji Ali.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Quah Mei Lan.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.

## BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

# DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

# USUL-USUL

## WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan dan Usul Anggaran Pembangunan, 1975 diluluskan.

**Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan dan Usul Anggaran Pembangunan, 1975 diluluskan.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT

**Datuk Abdullah Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) Majlis ini akan terus menimbangkan perkara 25 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) Majlis ini akan terus menimbangkan perkara 25 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

## AHLI-AHLI JUMAAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

**Datuk Abdullah Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Ahli-ahli yang berikut:

1. Y.B. Encik Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh)
2. Y.B. Encik Zakaria *alias* Ibrahim bin Haji Abdul Rahman (Besut)
3. Y.B. Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
4. Y.B. Encik Hishamuddin bin Haji Yahya (Maran)

hendaklah menjadi Ahli-ahli Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah perenggan (*k*) Seksyen 3 Perlembagaan Universiti tersebut.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Ahli-ahli yang berikut:

1. Y.B. Encik Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh)
2. Y.B. Encik Zakaria *alias* Ibrahim bin Haji Abdul Rahman (Besut)
3. Y.B. Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
4. Y.B. Encik Hishamuddin bin Haji Yahya (Maran)

hendaklah menjadi Ahli-ahli Jumaah Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah perenggan (*k*) Seksyen 3 Perlembagaan Universiti tersebut.

# RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

### Jawatankuasa

### DAN

# USUL

## ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Anggaran Pembangunan, 1975 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (17hb Disember, 1974).

*Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa hari ini ialah hari yang akhir sekali Dewan ini akan membahas dan memutuskan berkenaan dengan Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan dan juga Usul Anggaran Pembangunan, 1975 supaya diluluskan.

Kita ada empat Kementerian lagi yang akan dibahaskan. Saya telah susun lebih kurang waktu-waktu yang diperuntukkan bagi tiap-tiap Kementerian yang empat itu iaitu:

(1) Kementerian Perhubungan akan ditamatkan pada pukul 4.15 dan saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab lebih kurang pukul 4.00.

(2) Kementerian Kebajikan Am akan ditamatkan lebih kurang pukul 5.30 dan saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawabnya lebih kurang pukul 5.15.

(3) Kementerian Pengangkutan dan Kerja Raya akan ditamatkan pada pukul 6.45 dan saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab lebih kurang pukul 6.30; dan akhirnya

(4) Kementerian Tanah, Galian dan Tugas-tugas Khas akan ditamatkan pada pukul 8.30 dan saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab lebih kurang pukul 8.15.

Saya jemput Yang Berhormat Menteri Perhubungan mencadangkan peruntukan di bawah Kementeriannya, di bawah Kepala-kepala B. 56 hingga B. 62 dan juga P. 56 hingga P. 62.

*Kepala B. 56, B. 57, B. 58, B. 59, B. 60, B. 61 dan B. 62 (Jadual)—*

*Kepala P. 56, P. 57, P. 58, P. 59, P. 60, P. 61 dan P. 62 (Anggaran Pembangunan, 1975)—*

*2.42 ptg.*

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Pengerusi, saya membentangkan anggaran belanja mengurus bagi Kementerian Perhubungan dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya di bawah Kepala-kepala B. 56 hingga B. 62 diambil semua sekali berjumlah $80,123,630 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Saya suka juga membentangkan Anggaran Pembangunan bagi Kementerian Perhubungan serta Jabatan-jabatan di bawahnya Kepala-kepala P. 56 hingga P. 62 iaitu berjumlah $301,953,435 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1975 yang berjumlah $80,123,630 telah bertambah hanya sebanyak $655,070 jika dibandingkan dengan anggaran tahun 1974 yang berjumlah $79,468,560. Tambahan ini di antara lain merupakan tambahan perbelanjaan kakitangan dan kenaikan-kenaikan perbelanjaan biasa.

Tambahan yang besar anggaran pembangunan ini sebahagian besarnya adalah disebabkan projek-projek baru Lembaga Pelabuhan Kelang dan pemindahan dua projek besar—Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad, dan Limbungan Kapal dan Kejuruteraan Malaysia Sendirian Berhad ke Kementerian ini.

Anggaran pembangunan bagi tahun 1975 yang berjumlah $301,953,435 adalah juga merupakan tambahan sebanyak $101,609,335 jika dibandingkan dengan anggaran 1974 yang berjumlah $200,344,100. Projek-projek pembangunan Rancangan Malaysia Kedua akan dilaksanakan dengan lebih giat lagi supaya dapat menepati jadual yang telah dirancangkan.

Tuan Pengerusi, tahun ini Jabatan Penerbangan Awam telah disusun semula yang melibatkan pemindahan pegawai-pegawai Kementerian yang selama ini mengendalikan projek-projek pembangunan Penerbangan Awam ke Jabatan Penerbangan Awam. Dengan ini adalah diharapkan perlaksanaan dasar-dasar Kerajaan terhadap Penerbangan Awam dapat dilaksanakan dengan lebih licin dan berkesan lagi. Adalah menjadi usaha utama Kementerian ini untuk memperbaiki lagi organisasi-organisasi pengurusan supaya dapat membantu mencapai matlamat-matlamat pembangunan negara.

JABATAN POS

Bagi Perkhidmatan Pos, peruntukan sebanyak $5,298,120 adalah diminta untuk perbelanjaan pembangunan dan $48,788,800

untuk perbelanjaan mengurus yang menjadikan jumlah besarnya sebanyak $54,086,920 ini bererti tambahan sebanyak $4,652,880 jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1974 sebanyak $49,434,040.

Daripada sebanyak 116 projek Pejabat Pos di bawah Rancangan Malaysia Kedua, 72 buah sudahpun disiapkan, 34 buah sedang dalam proses pembinaan dan 10 buah lagi dalam berbagai-bagai peringkat pelaksanaan. Semua 44 projek yang dimaksudkan itu dijangka siap pada akhir tahun 1975. Kerja-kerja akan juga dimulakan terhadap 22 projek lain dalam tahun 1975 yang mana akan siap di peringkat awal Rancangan Malaysia Ketiga.

Di antara projek-projek besar yang akan dilaksanakan dalam tahun 1975 ialah Pejabat Pertukaran Mel di Butterworth yang dijangka siap menjelang hujung tahun 1975, Pejabat-pejabat Besar Pos Kota Bharu dan Kuantan, Pejabat Pos Miri yang dijangka siap dalam tahun 1975 dan Institiut Pos. Pembinaan Institiut Pos yang akan menampung segala keperluan latihan bagi kesemua peringkat kakitangan di Jabatan Perkhidmatan Pos dijangka akan bermula dalam tahun 1975.

Perkhidmatan Pos sentiasa bergerak maju untuk tujuan mengadakan perkhidmatan pos yang cemerlang yang akan menjadi infrastruktur untuk mencapai kemajuan ekonomi dan sosial yang lebih pesat di negara kita.

JABATAN TALIKOM

Perkhidmatan Talikom terus berkembang dengan pesatnya sejajar dengan perkembangan ekonomi negara. Anggaran hasil tahun 1975 adalah sebanyak $221,412,000 dan projek-projek pembangunan akan menelan belanja sebanyak $168,057,000.

Jumlah pemohon-pemohon talipon dijangka bertambah dari 64,380 orang dalam tahun 1974 kepada 96,880 orang dalam tahun 1975. Rancangan-rancangan pembangunan dalam tahun 1975 termasuklah mengadakan 18 buah ibusawat otomatik yang membolehkan kira-kira 46,700 talian ibusawat tambahan disiapkan, dan kerja-kerja juga akan dimulakan terhadap pembinaan 39 buah ibusawat-ibusawat baru dan membesarkan ibusawat-ibusawat yang ada pada masa ini untuk disiapkan dalam tahun 1976 dan tahun 1977. Sementara itu sebanyak 147,700 pasangan talian akan disiapkan hujung tahun 1975 untuk pelanggan-pelanggan talipon dan telex yang dijangka meningkat angka 40,000 bagi pelanggan-pelanggan talipon dan 600 bagi pelanggan-pelanggan telex yang baru. Bagi sambung jauh dan cawangan pula di antara ibusawat-ibusawat besar sebanyak 4,300 saluran laluan-laluan mikero besar "spur" dan 9,420 saluran-saluran sekim gelombang mikero besar akan disiapkan. Kemudahan-kemudahan stesyen satelite bumi di Kuantan juga akan ditambah dengan bertambahnya perhubungan-perhubungan antarabangsa melalui satelite. Sebanyak 15 bangunan-bangunan ibusawat di 12 stesyen-stesyen gelombang mikero akan disiapkan dalam tahun 1975 dan kerja-kerja pula akan dimulakan terhadap 7 ibusawat-ibusawat baru, 4 stesyen gelombang mikero dan meluaskan 15 stesyen-stesyen gelombang mikero yang ada pada masa ini. Sementara pembinaan bangunan stor di Petaling Jaya akan diteruskan dan disiapkan juga bersama-sama dengan peringkat 4 Pusat Latihan Talikom.

PELABUHAN

Jumlah peruntukan sebanyak $119,530,434 adalah diperlukan untuk kerja-kerja pembangunan di Pelabuhan Kelang, Pulau Pinang, Kuantan dan Johor dan projek-projek pembangunan jeti di Kuala Trengganu dan Melaka. Dari jumlah ini sebanyak $68,200,000 merupakan pinjaman kepada Lembaga-lembaga Pelabuhan di Semenanjung Malaysia dan $5,810,434 kepada Lembaga-lembaga Pelabuhan di Sabah dan Sarawak dan bakinya adalah perbelanjaan langsung.

Pelabuhan Kuantan apabila siap kelak pada pertengahan tahun 1977 di antara lain akan mempunyai dermaga dalam sepanjang 725 meter, dermaga untuk kapal-kapal minyak kelapa sawit dan jeti bagi kapal minyak galian selain daripada kemudahan-kemudahan pelabuhan yang biasa seperti gudang-gudang, bangunan pentadbiran dan lain-lain lagi.

Pelabuhan Johor pula yang telahpun memulakan perkhidmatannya sebahagian aktiviti-aktiviti pengurusan pada masa ini terdiri daripada kerja-kerja perancangan seperti menyediakan peraturan-peraturan mengenai perkhidmatan kadar dan bayaran yang akan dikenakan ke atas kapal-kapal, pembentukan sistem akaun yang sempurna, penyewaan

mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan pelaburan pada tahun 1975. Di samping projek-projek pengurusan yang tersebut di atas tadi pelabuhan Johor juga sudahpun mempunyai sebuah jeti minyak yang siap dibina pada bulan Ogos, 1974. Mengikut jadual kerja-kerja pembinaan bagi kemudahan-kemudahan lain seperti dermaga coaster, dermaga kapal laut yang pertama, dermaga kapal laut yang kedua dijangka siap dalam tahun 1975. Sebuah gudang di belakang dermaga kapal laut pertama dan sebuah "yad" terbuka di belakang kapal laut kedua akan siap dibina bersama-sama dengan dermaga-dermaga tersebut. Adalah dijangka bahawa pada awal tahun 1976 pelabuhan Johor akan mula memberi perkhidmatan-perkhidmatan sepenuhnya seperti pelabuhan-pelabuhan yang lain.

Bagi Pelabuhan Pulau Pinang pula projek pengeluaran perkhidmatan feri, kemudahan-kemudahan kontena dan gudang-gudang, bangsal simpanan pelabuhan sedang dibina pada masa ini dan dijangka siap dalam tahun 1975 sementara projek-projek pembangunan yang lain seperti projek-projek Dermaga ke 6 Butterworth, Pengkalan Kago Pukal Prai masih lagi dalam peringkat perancangan dan rekabentuk. Projek-projek ini akan bermula dalam tahun 1975 dan diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

Di Pelabuhan Kelang, dengan bertambahnya kago kontena, dermaga kontena kedua akan dibina dan dijangka siap untuk memulakan perkhidmatannya dalam tahun 1975. Gudang-gudang besar sedang dalam pembinaan dan dijangka siap dalam tahun 1975.

Kerja-kerja pembangunan Pelabuhan Kuching dan Sibu di Sarawak dan Kota Kinabalu dan Sandakan di Sabah sedang berjalan dengan lancar dan dijangka siap mengikut jadual.

PENERBANGAN AWAM

Aktiviti-aktiviti pengurusan dan pembangunan terus berkembang dengan pesatnya sejajar dengan perkembangan ekonomi negara. Dengan terlaksananya Sistem Penerangan Penerbangan (Flight Information Region) di Kuala Lumpur tanggungjawab pengurusan kian bertambah dan adalah diharap dengan penyusunan semula Jabatan Penerbangan Awam kesemua aktiviti-aktiviti pengurusan dapat berjalan dengan lancar.

Peringkat pelaksanaan pertama Kawasan Penerbangan akan bermula pada Januari 1975 dan peringkat kedua pula dijangka bermula dalam bulan Oktober 1975. Di antara aktiviti-aktiviti yang wujud akibat perlaksanaan Kawasan Penerangan Penerbangan ini ialah menyediakan buku-buku "Malaysia Aeronautical Information. Publication", pertubuhan mencari dan menyelamat, dan perkhidmatan kawalan radar yang dijangka memulakan tugas pada akhir tahun 1975 di Kuala Lumpur dan Johor.

Selain daripada ini aktiviti-aktiviti pembangunan yang lain telah diteruskan dengan lebih giat lagi. Rekabentuk penuh bangunan terminal dan komplek Kota Kinabalu, serta landasan terbang 11,000 kaki bersama-sama dengan sistem pembantu di Pulau Pinang telah diteruskan mulai tahun 1973. Dalam tahun 1974 pula rekabentuk yang penuh juga telah dijalankan bagi memperbaiki lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Projek-projek ini dijangka akan siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 1977 bagi Lapanganterbang Kota Kinabalu, tahun 1976 bagi Lapanganterbang Pulau Pinang, dan awal tahun 1977 bagi Lapanganterbang Kuala Lumpur.

Kerja-kerja juga telah dimulakan bagi memanjangkan landasan Lapanganterbang Kuching dari 6,300 kaki kepada 8,200 kaki. Ianya akan diperkuatkan lagi untuk membolehkan kapalterbang jenis Boeing 707 ataupun yang sama dengannya untuk menggunakan lapanganterbang itu. Di samping itu juga landasan lapanganterbang di Miri telah dipanjangkan dari 4,500 kaki kepada 6,500 kaki dan dibesarkan dari 100 kaki kepada 150 kaki dan diperkuatkan untuk membolehkan kapalterbang jenis Boeing 737 menggunakannya. Di Kota Bharu pula kapalterbang jenis Boeing 737 telahpun menggunakan landasan yang telah diperbaiki yang telah juga diperbesarkan dan dipanjangkan kepada 6,500 kaki. Sebuah bangunan terminal yang baru adalah di dalam peringkat rekabentuk. Penyelidikan-penyelidikan sedang berjalan bagi sebuah lapanganterbang baru di Sibu untuk kapalterbang jenis Boeing 737.

JABATAN KAJICUACA

Sebagai Jabatan yang memberi khidmat dan yang membekalkan kemudahan-kemudahan Kajicuaca, perkhidmatan Kajicuaca

terpaksa dikekalkan bersama dengan kemajuan-kemajuan negara terutama sekali dalam bidang penerbangan awam dan perkembangan ekonomi.

Kesedaran baru-baru ini terhadap mustahaknya Kajicuaca dalam berbagai-bagai percubaan-percubaan manusia dan kegiatan Kerajaan yang mengambil berat tentang alam sekeliling, memerlukan bahagian-bahagian baru bagi membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang istimewa dalam bidang-bidang seperti pencemaran udara, sismoloji, kajicuaca pertanian dan lain-lain. Lapangan aktiviti-aktiviti yang ada sekarang termasuk kajicuaca pertanian, kajicuaca haidro, kajicuaca perkapalan dan lain-lain sains kajicuaca yang akan terus menggunakan kebolehan perkhidmatan ini.

Perkhidmatan Kajicuaca Malaysia telah menyumbangkan dan akan terus memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara ini dengan membekalkan data kajian iklim yang penting untuk kegunaan projek-projek pembangunan. Untuk mempastikan usaha perkhidmatan ini dapat memainkan peranan yang aktif dalam hal ini perkhidmatan kajicuaca Malaysia akan terus memperbaiki lagi teknik pengambilan data dan meramal cuaca bersaingan dengan polisi dan objektif supaya berkebolehan dan layak memenuhi kehendak-kehendak pengguna-pengguna maklumat kajicuaca.

JABATAN LAUT

Di antara beberapa projek pembangunan di Semenanjung Malaysia yang dilaksanakan dalam tahun 1974, jeti Kuala Kedah dan jeti dan komplek pejabat Kuala Perlis telahpun disiapkan. Satu projek baharu telah juga dipersetujui dilaksanakan tahun ini iatu jeti Kuah, Pulau Langkawi. Sementara itu pembinaan limbungan Pelabuhan Kelang telah ditangguhkan ke tahun 1975.

Pembinaan bangunan Jabatan Laut, Sarawak yang dijangka dimulakan pada akhir tahun 1974 ini akan diteruskan di dalam tahun 1975. Demikian juga Jabatan Laut, Sarawak akan memulakan pembinaan sebuah kapal air dan kapal pendarat yang akan digunakan untuk membantu pelaksanaan projek-projek pembangunan di Sarawak. Di Sabah pula kerja-kerja membina jeti baru di Labuan telahpun selesai. Bengkel-bengkel di Labuan dan Sandakan telah diperbaiki lagi untuk menghadapi kerja-kerja penyelenggaraan kapal-kapal Kerajaan dan dagang yang kian bertambah.

KERETAPI TANAH MELAYU

Dalam kontek dasar pengangkutan Kerajaan keseluruhannya Keretapi Tanah Melayu menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan yang penting dan ekonomik bagi kepentingan rakyat, sektor-sektor perusahaan, perdagangan serta sektor awam. Adalah menjadi tujuan dan matlamat Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu untuk melaksanakan cara perkhidmatan Pengangkutan yang cekap dan ekonomik bagi orang ramai, barang-barang secucuk dengan kehendak-kehendak pengangkutan yang cepat, selamat, selesa, boleh dipercayai dan cukup bilangannya.

Untuk mencapai tujuan dan matlamat-matlamatnya pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah membelanjakan sebanyak lebih kurang $54 juta daripada sejumlah $90 juta yang diperuntukan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Dalam tahun 1975 Keretapi Tanah Melayu dijangka membelanjakan sebanyak $21 juta lagi untuk meneruskan rancangan pemodenan, pemulihan dan pembangunannya. Rancangan pendiselan sepenuhnya dengan pembelian.

Selain daripada projek-projek pembangunan pentadbiran Keretapi juga menjalankan rancangan untuk menambah kecekapan dan daya penghasilan kakitangan-kakitangan dengan membina sebuah Sekolah Latihan Keretapi yang baru yang telahpun mula, menjalankan rancangan latihan.

Dengan adanya koc-koc baru kelas 3 dan koc-koc kelas 2 berhawa dingin yang lebih baik mutunya, gerabak-gerabak khas dan kuasa penarik yang lebih, adalah diharap Keretapi Tanah Melayu boleh memenuhi kehendak-kehendak terafik penumpang dan barang-barang yang kian bertambah.

Tuan Pengerusi, saya pohonkan supaya anggaran belanja mengurus Kepala-kepala B. 56 hingga B. 62 sebanyak $80,123,630 dan anggaran pembangunan kepala-kepala P. 56 hingga P. 62 sebanyak $301,953,435 dijadikan sebahagian daripada jadual dan diterima.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang [illegible]-hormat, Kepala B. 56 hingga B. 62 dan juga Kepala P. 56 hingga P. 62, sekarang adalah

terbuka untuk perbahathan. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat tolong pendekan ucapan-ucapan—kalau boleh janganlah lebih daripada 6-7 minit.

*3.02 ptg.*

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan iaitu di bawah Kepala Bekalan 56 hingga 62. Di samping itu saya hendak mengemukakan dua pertanyaan dan beberapa lagi komen. Pertanyaan yang pertama ialah di muka surat 559, Anggaran Belanjawan 1975, ada tercatit Rancangan Mendisel, Peringkat V berjumlah $447,000 dan jumlah ini mengikut keterangannya di muka 561, Pecahan-kepala 1—Rancangan Mendisel ialah untuk bayaran ansuran ke atas 10 buah gerabak keretapi yang telah dibekalkan dalam tahun 1969. Jadi, pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, kalaulah secara diinsur, kalau kita membeli kereta hire-purchase pun kena bayar faedahnya. Saya tidak mengerti mengapa cara pembelian ini dibuat. Saya juga melihat di sini iaitu di muka 561, Pecahan-kepala 19—Memodenkan Kemudahan-kemudahan Penumpang, peruntukan sebanyak $8.1 juta untuk membayar gerabak-gerabak keretapi yang dijangka tiba dalam pertengahan tahun 1974. Jadi, apa yang saya sebutkan itu barangkali semuanya kerana membeli gerabak-gerabak. Ada separuhnya dengan cara diinsur, beransur-ansur dan separuhnya dibayar sekali gus diselesaikan. Itu soal yang pertama.

Soal yang kedua, Tuan Pengerusi, ialah di muka 558 berkenaan dengan Pembangunan Lapanganterbang Pulau Pinang. Di sini ada kenyataan mengatakan kerja-kerja pembinaan akan dimulakan dalam tahun 1974 dan telahpun diberi kepada satu firma Perunding Antarabangsa. Soalan saya di sini kepada Kementerian yang berkenaan ialah dengan adanya dasar Kerajaan menggalakkan seberapa boleh syarikat-syarikat tempatan, tidaklah ada satu syarikat perunding tempatan yang bertaraf antarabangsa yang boleh digunakan.

Tuan Pengerusi, saya suka di samping pertanyaan yang saya kemukakan itu mengemukakan komen-komen untuk perhatian Kementerian yang berkenaan. Penyakit Jabatan Keretapi ini setiap kali Parlimen bersidang telah dikemukakan, telah dibincangkan dengan beberapa tuduhan. Saya tidak mengerti kerana kerumitan-kerumitan yang telah ditanggung oleh Jabatan Keretapi ini bukanlah kerumitan yang timbul pada masa ini sahaja, tetapi telah timbul sebelum kita merdeka lagi. Makin sehari semakin bertambah sehingga sesudah merdeka bertambah lagi. Oleh kerana bertambahnya penyakit yang dihadapi oleh Jabatan Keretaapi ini, maka satu lapuran telah dibuat dengan arahan Kerajaan kita juga iaitu lapuran daripada Corwadale and Colpits dan kalau tidak salah dengan kerjasama Robert R. Nathan & Associates, menyediakan satu lapuran yang lengkap—yang lengkap menyatakan serba-serbi apa butir-butir kerumitan, kesusahan Jabatan Keretapi dan bagaimana untuk menyelesaikannya. Dengan terang-terang lapuran ini meminta supaya Kerajaan negara kita menguntukkan pada masa itu, iaitu tahun 1969, sebanyak $230 juta untuk memperbaiki keadaan keretapi. Sesudah itu, di dalam satu lapuran yang lain ada juga pihak-pihak yang membuat lapuran itu mengatakan bahawa Jabatan Keretapi ini kalau hendak berjalan dengan baik, hendaklah pengurusan dan pentadbirannya "on business like principle" iaitu bebas daripada pengaruh dan campurtangan siasah. Tetapi dasar ini pada Kerajaan kita dan negara kita memang susah hendak dipraktikkan atau dilaksanakan, dan dengan sebab itulah maka Jabatan Keretapi tinggal seperti mana keadaan pentadbirannya pada masa ini. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, sungguhpun peruntukan tidak dapat dipenuhi sebagaimana mengikut lapuran-lapuran yang saya katakan tadi, Jabatan Keretapi hendaklah mencari segala jalan dan helah memperbaiki keadaan sekarang.

Saya kemukakan bahawa pada masa ini untuk perhatian Kementerian yang berkenaan beberapa keburukan yang ada di dalam Jabatan Keretapi iaitu di mana saya lihat ada konfrantasi di antara Kesatuan Sekerja dengan Pentadbiran Keretapi; apa-apa yang dikemukakan oleh Kesatuan Sekerja tidak begitu diindahkan oleh Pentadbiran Keretapi. Kalaulah Kesatuan Sekerja ini dianggap oleh Jabatan Keretapi "not just mere cipher in the organization," tetapi sebagai orang yang bertanggungjawab kerana ketua-ketua Kesatuan Sekerja Keretapi itu bukan seperti

10 tahun dahulu yang tidak ada bermutu, tidak ada berkalibar, tetapi orang-orang yang berkelibar dan interestnya memang untuk memperbaiki Jabatan Keretapi.

Yang kedua, saya lihat ada jurang perbezaan yang begitu besar gapnya di antara pegawai-pegawai dan kakitangan biasa, sehingga ada kalanya Pegawai-pegawai Division I dilarang untuk pergi makan di kantin yang digunakan oleh kakitangan biasa. Saya berpendapat bahawa, walaupun Jabatan Kerajaan ataupun swasta, yang baik untuk melicinkan pentadbiran ialah percampuran yang erat dan mesra di antara pegawai dengan pegawai, baik apa Division dan apa juga peringkat pekerjaannya. Saya juga suka menegur . . . . . . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Masa untuk Ahli Yang Berhormat hanya ada satu minit lagi.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Berkenaan dengan Ahli-ahli Service Commission iaitu mereka itu hendaklah disemak semula, kerana ada di antara mereka yang tidak tahu apakah "man specification", apakah "job specification", dengan sebab itu beberapa banyak jawatan acting yang dipangku sehingga 6-7 tahun masih juga tidak dipenuhi. Ini menimbulkan perasaan frustration dan kalau pekerja-pekerja frustrated bagaimanakah mereka boleh menjalankan pekerjaannya dengan baik?

*3.10 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kepala P. 56 di bawah Kementerian Perhubungan dan saya ingin berucap sedikit mengenai Keretapi Tanah Melayu.

Tuan Pengerusi, salah satu tujuan Kementerian ini ialah untuk mengendali dan membaiki pengangkutan penumpang-penumpang dan barang-barang melalui keretapi di Semenanjung Malaysia.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, rail services form an important means of transport for goods as well as for the public in our country. I note that the Ministry of Communications will spend about $21,412,940 for the improvement of rail services for 1975. With this allocation, I truly hope that something concrete can be done to make our rail services more efficient in our country.

Until now, it can be said that our rail services leave much to be desired. What is worse, public confidence in our rail system is badly shaken following the increasing number of train derailments in our country.

Tuan Pengerusi, it is time for the Minister to order a Special Commission of Inquiry to look into the causes of frequent train derailments and take the appropriate measures to overcome this major problem which has caused a tremendous loss of money, property, manpower, time and has even endangered life and limb. This same Commission of Inquiry should also look into a multitude of things that are wrong with the Malayan Railways like late arrivals, poor services, etc., so that steps can be mapped out to overcome these basic problems.

On the question of frequent complaints that the conditions in our train coaches, especially the 3rd class coaches are dirty and unhygenic, I would like to urge the Railway authorities to take steps to solve this problem too.

Tuan Pengerusi, sekarang saya mahu merujuk kepada Kepala B. 62 mengenai Jabatan Talikom.

Tuan Pengerusi, telephone services are essential for modern living as was admitted by the Minister concerned. On the question of telephone services, I would like to urge the Minister concerned to look into the acute shortage of public telephones in Kuala Lumpur and take steps to instal more public telephones for use by the public. In this respect, I strongly deplore a statement made by the Minister in Kangar, Perlis recently that the Government would not increase the number of public telephones because of vandalism. The Minister's statement amounted to a threat. What will really be achieved by such a threat? Can it deter the socially irresponsible? Vandalism will continue to exist whether we like it or not. Surely the Minister cannot mean what he says. It is certainly unfair to penalise the vast majority of the public who are innocent because of the irresponsible action of a few.

Tuan Pengerusi, I, therefore, urge the Minister concerned to reconsider his stand and take steps to instal more public telephones for use by the public, vandals or no vandals. If such public telephones can be

sited in proper places like Post Offices. Pondok Polis, petrol kiosks and other public places, then vandalism may be avoided.

Tuan Pengerusi, finally on the subject of telephone applications, I would like to urge the Minister concerned to take steps to speed up the processing and approval of telephone applications, especially in respect of those for commercial purposes. There are today more than 18,000 telephone applicants in the Federal Territory awaiting services. It is hoped that the Ministry will do everything possible to provide quicker services to these long-awaiting applicants.

*3.15 ptg.*

**Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput):** Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk menyokong peruntukan Kementerian yang berkenaan. Saya tidak hendak bercakap panjang, cuma suka bercakap atas dua tiga perkara sahaja. Saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, it has been a regular scene to note that the Railway Administration, under the Ministry of Communications, has always been running at a loss for the last ten to fifteen years. The Railway Service is becoming a "dream" nowadays. I feel that it is time to consider plans to run the Railways in a more profitable manner. I suggest that more and faster passenger train services should be introduced in the adjoining towns of the Federal Capital. In particular, I would like to express my view on the Klang/Kuala Lumpur passenger train service which had been discontinued quite some time back.

Sir, in a fast developing city like Kuala Lumpur, with the creation of Shah Alam, the new State capital of Selangor, with the suburban town of Subang Jaya, the existing town of Petaling Jaya, the growing town of Port Klang and other towns around the vicinity, it demands a fast and efficient train service to cater for the passengers.

Tuan Pengerusi, train service is always considered to be the mode of transportation for the poor. With the introduction of a fast train service from Port Klang to Kuala Lumpur, I hope the Railway can compete with the other road transport systems by giving safer, faster and cheaper services to the ordinary masses, especially to the office-goers. The introduction of such a system could encourage office workers to stay in suburban areas like Klang, Shah Alam and Petaling Jaya, which will help to ease the congestions in the transport system in Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, when the rail car service was first introduced, we had a lot of facilities and we were tempted to travel by rail car services. Towels, newspapers, punctuality and cleanliness were at the disposal of the passengers them, but, Tuan Pengerusi, these facilities have become very rare nowadays. The only permanent facility which you get from the railway services today is delay atau lambat in rail car service and also in other train services, and the delay is a daily occurrence nowadays.

Sir, I look forward to the Ministry to subsidise the Railway Administration for its modernisation and also to see that it is more efficiently run.

Sir, my second point is on MAS, the Malaysian Airline System. In regard to MAS, I hope nobody can anymore claim that it still has teething problems. Sir, MAS was commented for its efficiency when it was first inaugurated. But today delay in flights, lack of human relations, rudeness in every reservation counter and lesser attention to "coloured" people who are daily travelling in the services, are the daily scenes of MAS today, Sir. It is a practice throughout the world to inform the paying passenger when there is a delay in flight time. Normally passengers' telephone numbers are obtained beforehand so as to communicate with them of any eventuality, but, Tuan Pengerusi, MAS system of handling passengers leaves us with no other choice but to select another airline.

Sir, the "golden" girls of the "golden" airline of MAS are not "golden" to us anymore. They are only "golden" to the Europeans and the white coloured people. When they see a "coloured" man, they don't even care to look at his face. I don't know why. This is happening within our country. When they see a European, they will just run behind him and ask, "Sir, what can I do for you? Can I give you a drink? Can I give you this? Can I give you that?" If myself or any other "coloured" passenger happens to sit next to this European we might feel so inferior, and we might wonder whether we are living in South Africa or we are living in Malaysia. (*Ketawa*).

The MAS cargo handling unit is another specimen for a comment, Sir. If anyone wants to send an air parcel, he may have to stand for half-an-hour or one hour without even being noticed by the clerks—one or two clerks—who are working in the cargo handling unit. Not even a chair is offered to a customer. It all looks like a military rule within the little campus of theirs. The cargo handling unit is one unit which really practises rudeness to the customers. Some staff, Tuan Pengerusi, Sir, handle the customers like cargoes and they handle the cargoes like customers (*Ketawa*). I think all these unpleasant activities must be changed and they must be looked after and checked from time to time so as to give the Malaysians an efficient air service.

Finally, Sir, my last point is on the telephone services, especially on the Telephone Exchange night operators. Sir, if you ring up the Telephone Exchange to make an emergency call around 12 o'colck in the midnight, you will be frightened to hear the voice of *pontianaks* on the telephone. It is so terrible and they will never even care to answer you and it takes at least half an hour or 25 minutes to attend the call. If it is a case of emergency and somebody is seriously ill, the best way is to take the sick man to the hospital direct rather than going to a telephone booth to make an emergency call. This has become a daily scene, especially in the Telephone Exchanges of Ipoh and Kuala Lumpur. There was one instance where we had to make an emergency call to get an ambulance to a village in Sungai Siput. We tried for more than one hour in vain until at last we got sick of ourselves and we took a taxi to go to the hospital. This is the condition in our telephone services today, and I hope the Honourable Minister and Ministry will take care of this. Although most of these telephone services in Kuala Lumpur and elsewhere such as the wiring system, the technical system and so on, are improved from time to time, most of the cables that were laid during the British time are not capable of handling the telecommunication facilities of today.

So, I hope that the Ministry will take due consideration on all these three matters and give Malaysians a very efficient service.

*3.22 ptg.*

**Dr Tan Chee Khoon (Kepong):** Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sepatah dua tentang penyakit keretapi di tanahair kita.

Tuan Pengerusi, tadi wakil dari Kuala Selangor telah menyatakan ada beberapa siasatan yang telah dibuat dan juga ada beberapa lapuran yang telah dibuat. Di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin juga bercakap dalam bahasa Inggeris.

Lapuran yang terakhir, jika saya tidak salah ialah lapuran yang dibuat oleh Encik Rama Iyer, tetapi di dalam Dewan ini apabila kita bertanya apakah tindakan yang telah diambil terhadap lapuran itu, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan menyatakan bahawa Kerajaan akan mengadakan satu jawatankuasa atau satu suruhanjaya lagi untuk menyiasat keadaan di Keretapi Tanah Melayu kita.

Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan apakah sebabnya cadangan-cadangan yang dibuat oleh Lapuran Rama Iyer tidak dilaksanakan? Adakah cadangan itu tidak sesuai atau cadangan itu kalau dilaksanakan akan menelan belanja yang banyak?

(*Dengan izin*) Sir, I have been told that the Rama Iyer Report is a very good and comprehensive report. So, instead of going on to another commission, or another committee of enquiry, we should have another look at the Rama Iyer Report and immediately implement those proposals that are satisfactory.

Mr Chairman, Sir, I fully support the Member for Kuala Selangor when he said that in order to have an efficient service in the Railways, we must have efficient officers. He has talked about pergaduhan between the RUM and the Administration. I do know that there is, as he has pointed out also, one source of great frustration and dissatisfaction amongst the officers of our Keretapi Tanah Melayu; and that is that there are many of the officers holding acting jobs not for one year, not for two years, but for several years. It means that if a person is capable of being in an acting capacity and doing his job well, why should not he be

confirmed in that job? If his services are not found to be satisfactory in that job, then throw him out and get another person. So, I hope the Minister will pay his personal attention to this matter and confirm those in the jobs who have been acting for a number of years satisfactorily.

The other source of frustration that I wish to bring to the attention of the Minister—not that he does not know—is the deplorable condition of the workers' quarters in Sentul Pasar. One word describes the conditions there—Filthy (F I L T H Y). If you go there, you can see that the drains are broken, the children unload their faecal matter into the drains just behind the kitchen. In these homes, there are no toilets, there are no pipes, there are no wash basins, but there is a communal toilet exposed to the sun and the rain and how on earth can you get the workers to do their work satisfactorily if the lower grades of workers in Sentul are treated—somebody talked about cargoes being treated like human beings and vice versa—like animals? Race horses in this country travel about in airconditioned trailers whereas our workers live in such a filth that I wonder how on earth they can survive. I, in this House, now wish to invite the Honourable Minister of Communications to visit these quarters—I know he has a heart of gold and he has sympathy for the underdog—and perhaps sometime early next year when he is a little bit free, he and I can walk around that area and then he can see for himself that the Railway workers in Sentul Pasar deserve far better housing facilities than they have now. I see that a sum of $21 million-odd has been allocated for the Railway for 1975. I do hope that somehow, somewhere, for the next year, the Minister can squeeze some money to put up a multi-storey block, to pull down the deplorable, one-roomed shacks that are there and to put up modern Class "G" quarters for the Railway workers in Sentul.

Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian Menteri yang berkenaan tentang keperluan Pejabat Pos di Beranang. Beranang ialah satu tempat yang kecil tetapi penduduk-penduduk di sana bertanya mengapakah kita tidak ada Pejabat Pos. Saya berharap Menteri yang berkenaan boleh siasat perkara ini dan jika perlu, sebab penduduk-penduduk di sana mengatakan perkara ini adalah perlu, Menteri yang berkenaan boleh membina sebuah pejabat pos di Beranang.

Now, Mr Chairman, Sir, I return to the question of the Sabah Airlines. The Minister has told us . . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat ada satu minit lagi.

**Dr Tan Chee Khoon:** The Minister has told us that the Airline has not been given a licence. I do hope that the Minister will consider this very carefully because to me—I wish to refute what the Member for Sungai Siput has said about MAS—my experience with MAS has been very good. I have not been treated like an *orang puteh*—it is true—but I have not felt a sense of inferiority amongst the MAS workers, and I say that the MAS facilities can be made adequate, if they are inadequate now, to both Sabah and Sarawak, and there is absolutely no reason why we should provide a costly form of competition to MAS in Sabah and in Sarawak.

*3.29 ptg.*

**Tuan Shamsuri bin Md. Saleh (Balik Pulau):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Kepala B. 57, Penerbangan Awam yang berjumlah belanjanya $88.8 juta.

Perkara yang hendak saya timbulkan ialah mengenai pembinaan lapanganterbang atau pembesaran Lapanganterbang Bayan Lepas di Pulau Pinang. Pembesaran lapanganterbang ini melibatkan banyak tanah-tanah sawah kepunyaan persendirian. Tanah-tanah ini kebanyakannya dipunyai oleh orang-orang Melayu dan tanah ini telah diletakkan di bawah seksyen 4, Undang-undang Pengambilan Tanah Tahun 1972 dan penilaian yang dibuat di atas tanah itupun pada tahun 1972. Apa yang sangat tidak puas hati kepada tuan punya tanah yang terlibat ialah nilai tanah itu telah dibuat pada tahun 1972, tetapi pembayarannya dibuat pada tahun 1974 iaitu setelah keadaan inflasi berlaku di negara kita ini. Pada hal tanah itu kalau dinilai sekarang lebih kurang $10,000 seekar sebab tanah yang bersebelahan dengan tanah sawah kepunyaan petani-petani tadi iaitu tanah free trade zone area yang Kerajaan Negeri telah ambil dan dijual kepada

pengusaha-pengusaha iaitu pengilang-pengilang letronik dengan harga pada satu kaki ialah $1.50 sen. Ini kalau kita bandingkan dengan $2,000 seekar yang dibayar oleh Kementerian yang berkenaan itu sangatlah tidak patut. Jadi, saya harap pihak Kementerian yang berkenaan akan menimbangkan semula bayaran sagu hati atas tanah yang diambil daripada pesawah-pesawah tadi. Selain daripada tanah mereka hilang dengan pembesaran lapanganterbang ini, kerja mereka juga hilang dan lebih kurang 300 buah rumah penduduk-penduduk di kawasan itu terlibat dengan pembesaran lapanganterbang ini. Sebagaimana saya kata tadi kerja-kerja petani-petani di kawasan itu tidak dapat kita beri pekerjaan yang baru atau beri tanah sawah yang baru, sebab tanah sawah di Pulau Pinang sangat terhad. Jadi apa yang dikehendaki atau diminta oleh penduduk-penduduk yang terlibat dengan sawah dan pekerjaan mereka itu ialah apabila pembesaran lapanganterbang ini dijalankan, maka banyak kerja-kerja atau pekerjaan baru akan kita dapati di lapanganterbang itu seperti porter, tukang kebun, tukang sapu, pasukan bomba dan sebagainya. Jadi, saya harap pihak Kementerian yang berkenaan akan memberi keutamaan kepada penduduk-penduduk dan tuan punya tanah yang tanah mereka terlibat, dan kepada penduduk yang pekerjaan sawah mereka terlibat atau tidak dapat membuat sawah lagi diberi peluang atau diberi keutamaan kepada anak-anak mereka atau kepada mereka sendiri untuk mendapat kerja-kerja apabila pembesaran lapanganterbang ini dilaksanakan kelak.

Selain daripada itu ada satu perkara lagi iaitu dengan pembesaran lapanganterbang ini ada sebatang jalanraya menghubungi kampung Permatang Damar Laut, Telok Tempoyak dan Batu Maung yang penduduknya lebih kurang 3,000 orang tertutup langsung jalan keluar mereka hendak pergi ke bandar dengan pembesaran lapanganterbang ini. Saya dapat tahu daripada Kerajaan Negeri bahawa Kerajaan Pusat tidak ada peruntukan untuk membuat jalan baru menghubungi Kampung penduduk-penduduk tadi ke Bandar George Town. Jadi, penduduk-penduduk ini terpaksa naik perahu apabila pembesaran lapanganterbang ini dibuat. Jadi saya haraplah pihak Kementerian akan mencari mana-mana peruntukan juga supaya dapat menyediakan jalan keluar kepada penduduk-penduduk ini sebelum lapangan terbang itu dimulakan pembesarannya.

Perkara yang kedua ialah saya ingin menyentuh tentang Pejabat Pos. Pejabat Pos di Bayan Lepas didapati sangat kurang kerani pos yang bertugas di pejabat tersebut, padahal penduduk-penduduk di kawasan Bayan Lepas itu berjumlah 40,000 orang tambahan pula sekarang ini ada satu pengkalan tentera telah dibuat berhampiran dengan Bayan Lepas. Jadi, kalau kita pergi untuk mendapatkan perkhidmatan di Pejabat Pos itu kita terpaksa menunggu lebih kurang satu jam, biasa terjadi sampai dua jam sebab selain daripada penjualan setem, penyelenggaraan surat-menyurat di Pejabat Pos itu juga, penyelenggaraan pembayaran pencen, pembayaran gaji kepada isteri-isteri perajurit, Tabung Haji, Simpanan Pejabat Pos dan berbagai-bagai lagi kerja yang terpaksa dibuat oleh tiga orang kerani itu sahaja. Jadi, apa yang saya harap Kementerian yang berkenaan menambah sekurang-kurangnya tiga orang lagi kerani di Pejabat Pos yang berkenaan.

*3.35 ptg.*

**Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):** Tuan Pengerusi, saya bangunan menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Perhubungan.

Dalam perkara ini terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada perkhidmatan Kementerian Perhubungan ini kerana baru-baru ini pada 16 haribulan Disember sebuah Pejabat Pos Chenderong Balai telah memulakan perkhidmatannya iaitu dengan ditugaskan seorang kerani dan seorang penghantar surat.

Saya rasa di atas khidmat yang mulia ini tidaklah ada apa-apa masaalah yang timbul tetapi ada kemungkinan kerana tempat ini makin bertambah penduduknya dari semasa ke semasa. Dalam hubungan ini seolah-olah kawasan saya itu berat sebelah, kerana sebelah Sungai Manik ada, tetapi di sebelah Kampung Gajah tidak ada. Saya telah diberitahu Kampung Gajah konon ceritanya telahpun diluluskan peruntukan untuk mendirikan Pejabat Pos, tetapi malang sehingga hari ini tidak kelihatan entah ke mana perginya. Mengikut keterangan-keterangan yang saya ketahui menyatakan kerana Kampung Gajah itu kawasan banjir. Tetapi, apa yang

ada yang saya ketahui, Pejabat Daerah Kecilnya tidak pernah lagi runtuh ataupun sompek tiangnya ataupun pecah. Banjir itu bukanlah banjir seumur seperti banjir selama-lamanya yakni bila musim, takkanlah banjir sepanjang masa. Jadi oleh yang demikian diharaplah Kementerian yang berkenaan dapat mengkaji dan memikirkan keadaan-keadaan ini.

Selain daripada itu, cara penyampaian surat ke Kampung Gajah kena pusing pula ke Parit, lepas Parit ke Ipoh barulah sampai di Telok Anson. Jadi sepatutnya surat itu akan sampai dalam masa satu hari atau dua hari, tetapi malang kadang-kadang sampai tiga hari atau empat hari dan mungkin tidak sampai kepada empunyanya. Jadi, mengikut pandangan yang telah saya kaji ada baiknya khidmat pos di Kampung Gajah yang ada sekarang ini diteruskan sahaja melalui daripada Telok Anson kerana bas ada, sebagaimana yang dibuat di Chenderong Balai dan di Langkap melalui bas. Jadi tidaklah semestinya kalau pos surat dari Telok Anson hendak hantar ke Kampung Gajah dia berpusing-pusing barulah sampai.

Selain daripada itu, saya ingin menekankan iaitu perhubungan talipon pun begitu juga kita pergi pusing minta dekat Bota dahulu, kemudian barulah sampai ke Kampung Gajah. Begitu juga dari Kampung Gajah hendak hantar ke Telok Anson, pusing ke Bota dahulu barulah sampai di Telok Anson. Jadi, saya rasa eloklah Kementerian ini dapat mengkaji semula memperhatikan keadaan-keadaan yang ada pada masa sekarang.

Selain daripada itu, pihak Kementerian ini juga patutlah mengubah sedikit sikap dan kaji semula kerana janganlah ditekankan yang Kampung Gajah itu banjir tidak boleh membuat sebarang pembangunan untuk kemajuan rakyat di luar bandar. Begitu juga diharap Kementerian-kementerian yang lain yang ada hubungannya untuk pembangunan kawasan luar bandar itu ubah sedikit sikap. Jangan kata kawasan itu banjir, terus tutup fail.

Selain daripada itu, saya ingin menekankan berkenaan dengan talipon juga iaitu terutama talipon-talipon di luar bandar kadang-kadang bagus kadang-kadang tidak bagus penyampaiannya, kadang-kadang tidak dapat langsung. Jadi selalu kita dengar yang mana Yang Berhormat Menteri-menteri menyatakan perhubungan kita dari semasa ke semasa telah baik.

Yang akhir sekali, saya ingin menyatakan iaitu perkhidmatan keretapi daripada Tapah Road ke Telok Anson. Dahulu ada ura-ura hendak ditutup, tetapi oleh kerana beberapa desakan yang telah dibuat perkhidmatan itu disambung semula, tetapi akhir-akhir ini saya dapat tahu dan saya telah diberitahu oleh beberapa golongan menyatakan perkhidmatan itu akan tamat pada bulan Januari tahun depan perkhidmatan itu tidak ada lagi. Bagaimanakah masaalah penduduk-penduduk terutama anak-anak sekolah yang ramai bilangannya bersekolah menengah di Telok Anson. Oleh yang demikian, kalau hendak dibuat pun; hendak tutup pun kaji dahulu. Sekiranya dibuat jalan yang lapuk pun tidak apalah pada permulaan ini. Kalau hendak dibuat jalan batu di pinggir itu lagi baik kerana memudahkan penduduk-penduduk di kawasan sepanjang 17 batu atau 10 batu dapat terus pergi ke Telok Anson.

*3.41 ptg.*

**Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat):** Tuan Pengerusi, saya juga ingin turut sama memperkatakan atau membahaskan dalam peruntukan bagi Kementerian Perhubungan ini.

Saya suka juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan di atas kecekapan Kementerian ini dan semua kakitangannya—Jabatan-jabatan yang berkenaan, yang telah dapat menunjukkan perkhidmatan yang begitu baik, khasnya pada sepanjang tahun yang lalu. Sebagaimana rakan-rakan saya tadi, saya juga suka hendak memperkatakan sedikit-sebanyak berkenaan perkhidmatan keretapi, memandangkan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang memperkatakan di dalam bidang ini saya percaya dan yakin bahawa penduduk-penduduk dan rakyat menganggap bahawa perkhidmatan keretapi ini adalah satu perkhidmatan yang penting di negara kita. Jikalau dipandang dari segi perniagaan, keretapi ini memanglah rugi, sepanjang tahun rugi, tetapi di sebalik itu jika kita tinjau dari segi perkhidmatannya kepada rakyat, terutama dari segi pengangkutan berat, saya percaya dan yakin

bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sependapat dengan saya sedikit-sebanyak Jabatan Keretapi telah juga dapat menjalankan tugasnya sebagaimana yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, dalam memperkatakan kemajuan keretapi ini saya teringat pepatah orang-orang dahulu mengatakan: kalau kita lambat janganlah kita ketinggalan keretapi, tetapi sekarang nampaknya keretapi pula sudah hendak ditinggalkan oleh zaman. Saya percaya dengan kecekapan pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan juga hasil daripada lapuran-lapuran yang telah dibuat Jabatan Keretapi kita akan dapat membaiki mutu perkhidmatannya.

Saya sependapat dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa untuk hendak mengatasi kerugian patutlah Jabatan Keretapi memikirkan sumber-sumber yang lain. Misalnya, perkhidmatan hotel-hotel, tetapi apa yang saya hendak sebutkan di sini, saya beri contoh, Station Hotel yang ada di Ipoh dan di Kuala Lumpur. Di Ipoh saya dapati mutunya tidak juga kurang daripada hotel-hotel yang baik, tetapi yang di Kuala Lumpur saya dapat tahu sebelum ada hotel-hotel yang baik kebanyakan pemimpin-pemimpin ataupun Menteri-menteri Besar daripada negeri-negeri di Malaysia sewaktu bermesyuarat di Kuala Lumpur ini mereka menginap di Station Hotel, tetapi sekarang apa yang kita dapati di Station Hotel Kuala Lumpur samalah barangkali dengan semasa mula-mula dibuka dahulu dan keadaannya amat menyedihkan. Saya rasa kalau Station Hotel ini tidak ketinggalan zaman hendaklah ada usaha-usaha membaikinya, bagi menarik pengguna-penggunanya.

Tuan Pengerusi, saya rasa banyak perkara-perkara yang lain yang boleh dijalankan oleh Jabatan Keretapi seperti mengadakan komplek perniagaan ataupun Shopping Complex dengan kerjasama daripada UDA atau sebagainya yang boleh mendatangkan hasil, dan satu perkara lagi yang mungkin selalu disebut-sebut tentang kelambatan setengah-setengah, bukan semua keretapi, masanya tidak punctual, lambat dan sebagainya. Patutlah perkara ini ditimbangkan dan saya mencadangkan kalau boleh dibanyakkan perkhidmatan keretapi cepat ataupun keretapi rail, yang saya nampak rengkas, cepat dan boleh dilengkapkan dengan hawa dingin dan sebagainya yang mungkin digemari oleh penumpang-penumpang dan boleh juga saya rasa perkhidmatan Rail Car kita gunakan untuk pelancung-pelancung, terutamanya waktu-waktu seperti waktu hari perayaan, hari sambutan Tahun Baharu dan sebagainya, waku tutup sekolah perkhidmatan ini boleh ditambah dengan banyaknya untuk mengatasi kesesakan waktu-waktu yang tertentu.

Satu perkara yang saya nampak mungkin Kementerian ini dapat menyelaraskan dengan Kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Pengangkutan dan Kerja Raya juga Jabatan Perbendaharaan untuk mengkaji semula tentang susunan bayaran-bayaran tambang kenderaan-kenderaan awam di negara ini. Misalnya, teksi, bas, keretapi dan sebagainya. Mungkin kalau ini dapat diselaraskan tambang keretapi itu dapat dikurangkan. Saya fikir tidak merugikan, bahkan akan menarik minat rakyat menggunakan perkhidmatan keretapi lebih daripada kenderaan-kenderaan yang lain.

Saya berharap sebagaimana rakan saya juga supaya pandangan-pandangan yang telah diberikan bukan sahaja dalam persidangan ini, bahkan persidangan-persidangan yang lalu, dapat diambil perhatian oleh Jabatan Keretapi yang saya katakan tadi rakyat masih menganggap penting supaya perubahan-perubahan yang lebih tegas dapat diambil.

Mengenai dengan perkhidmatan MAS, pujian-pujian telahpun diberi kepada syarikat ini dan baharu tadi rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telahpun memperkatakan. Saya suka mengesyorkan supaya MAS ini dapat mengadakan perkhidmatan jarak dekat ataupun jikalau dapat ditubuhkan sebuah syarikat anak MAS. Tujuannya dapat digunakan lapangan-lapangan terbang yang setengah-setengahnya telah ditinggalkan seperti di Jerantut di negeri Pahang, Bidor di Perak, barangkali Tanjong Laboh di Johor, Mersing dan sebagainya, yang mungkin dapat digunakan oleh rakyat, terutamanya pelancung-pelancung, dan ini juga tidak menganggu masa yang kadang-kadang kapalterbang MAS ini kelambatan, terutamanya misalnya yang di Johor Bahru ke Melaka, ke Kuala Lumpur kerana selalu berhenti menyebabkan keadaan masanya itu tidak punctual lagi. Saya rasa

dapat menambahkan mutu perkhidmatan syarikat penerbangan MAS yang saya katakan tadi.

Akhirnya, saya hendak bercakap berkenaan perkhidmatan talipon. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas Jabatan ini yang telah dapat menjalankan perkhidmatan yang baik dan juga dapat berdiri di atas kakinya sendiri. Ertinya, Jabatan ini tidak begitu menghendaki peruntukan yang banyak daripada Kerajaan. Apa yang saya hendak titikberatkan di sini supaya perkhidmatan-perkhidmatan talipon ini dapat diselaraskan dengan perkembangan ekonomi negara kita, terutama rancangan Dasar Ekonomi Baru. Banyak tempat-tempat yang penyertaan bumiputra agak pesat, terutama sekali dalam bidang-bidang perniagaan dan sebagainya, tetapi selalu terdapat kelambatan penyambungannya ataupun dapat perkhidmatan talipon. Saya harap dapat diberikan keutamaan kepada perkara-perkara seperti yang saya katakan tadi.

Satu lagi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup.

**Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Sedikit lagi, Tuan Pengerusi, Saya suka hendak menyampaikan hasrat negeri johor. Sekarang hanya tinggal negeri Johor sahaja lagi yang tidak dapat kemudahan dail terus dengan sempurnanya seperti di negeri Kedah dan Perlis. Sekarang yang tinggal Negeri Johor. Mereka mengharapkan supaya dapat disegerakan sambungan terus dari Johor dan daerah-daerah yang berkenaan terus ke bandar-bandar di negara kita ini dan seterusnya barangkali perhubungan di luar negeri. Saya harap supaya pembangunan ataupun perkhidmatan penyediaan untuk perkhidmatan ini dapat disegerakan.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya dengan penuh minat menyokong peruntukan bagi Kementerian ini supaya diluluskan.

*3.50 ptg.*

**Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):** Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Perhubungan dan saya menyokong penuh di atas permohonan Yang Berhormat Menteri itu untuk mendapatkan peruntukkan di bawah Kepala P. 56 hingga P. 62.

Apabila sahaja kita menyebut Penerbangan Awam, maka terbayang kepada kita bagaimana majunya perkhidmatan ini dan boleh dikatakan Penerbangan Awam ini merupakan perkhidmatan yang paling moden sekali di dalam negara kita dan jika dibandingkan dengan negara-negara lain di Tenggara Asia barangkali penerbangan awam di negara kita ini baik.

Berkenaan dengan Perkhidmatan Pos kita nampak bangunan Pejabat Pos dan Perkhidmatan Pejabat Pos adalah baik begitu juga halnya dengan Jabatan Talikom, cuma dalam Kementerian ini bagaimana juga yang selalu disebutkan, bahkan beberapa kali di dalam Dewan ini telah disebutkan berkenaan dengan Perkhidmatan Keretapi. Saya juga ingin mengambil peluang berkenaan dengan Perkhidmatan Keretapi ini. Ini barangkali agak saya Perkhidmatan Keretapi di negara ini tidak baik oleh kerana negara kita ini kecil dan tidak ada jalan jauh seperti negara-negara yang luas seperti India, Afrika, Amerika dan negara-negara yang lain. Oleh sebab itu di dalam perkhidmatan yang lain lebih baik daripada Perkhidmatan Keretapi inilah agak saya satu daripada sebab-sebab nya.

Sungguhpun Yang Berhormat Menteri atau Kementerian Perhubungan ini telahpun berusaha bersungguh-sungguh supaya Perkhidmatan Keretapi ini menjadi perkhidmatan yang baik sepertimana juga perkhidmatan Penerbangan Awam, tetapi malangnya sehingga saat ini masih ada lagi perkara-perkara yang tidak dapat dibaiki ini oleh kerana beberapa perkara yang tertentu. Misalnya Perkhidmatan Keretapi ini telahpun berubah daripada kepala yang berasap kepada kepala diesel. Daripada pegawai-pegawainya yang beruniform kuning telah diubah kepada uniform yang begitu cantik pada masa ini. Begitu juga perkhidmatan-perkhidmatan yang lain telahpun berubah daripada masa ke semasa. Tetapi barangkali agaknya boleh jadi cat keretapi ataupun cat bangunan-bangunan keretapi ini telah melambangkan nasib Perkhidmatan Keretapi ini. Oleh kerana cat kuning yang ada sejak dahulu sehingga sekarang ini masih cat ini juga digunakan. Walaupun kita dapati kenderaan-kenderaan yang lain telah berubah corak daripada berbagai-bagai warna. Oleh sebab itu, saya suka mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengkaji adakah sesuai cat yang ada

sekarang ditukar kepada warna-warna yang sesuai bagi Perkhidmatan Keretapi yang ada sekarang kepada satu warna yang baharu, sepertimana yang diubah kepada Penerbangan Awam dan lain-lain bangunan.

Selain daripada itu, barangkali Setesyen Keretapi yang ada pada masa sekarang ini sudah terlalu lama caranya dan tidak dibuat dengan cara baharu dan tidak baik sepertimana Bangunan Pejabat Pos yang sudah dibaiki daripada masa ke semasa. Dan masih banyak lagi Setesyen-stesyen Keretapi di dalam negara ini didapati bangunannya yang ada itu masih seperti sebelum perang dahulu lagi. Agak saya itulah sebabnya penumpang-penumpang tidak tertarik hati untuk hendak ke setesyen keretapi atau hendak menaiki keretapi yang ada pada masa ini.

Begitu juga dengan bangunan-bangunan rumah yang telah disebutkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini bahawa didapati rumah-rumahnya masih lagi merupakan bangunan lama dan tidak diperbaiki sepertimana bangunan-bangunan yang diduduki oleh pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan yang lain di dalam negara kita.

Di dalam Penerbangan Awam, Perkhidmatan Pos, Jabatan Talikom, kita dapati pekerja-pekerjanya iaitu pegawai-pegawainya ramai terdiri daripada wanita. Boleh jadi wanita ini satu simbul yang menyebabkan perkhidmatan yang lain-lain itu maju. Tetapi Perkhidmatan Keretapi masih ketinggalan lagi dalam perhatian saya berkenaan dengan wanita. Bukanlah mesti wanita itu membawa keretapi, tetapi adalah sesuai wanita-wanita ini ditugaskan memeriksa tiket atau menjual tiket keretapi dan pelayan yang sesuai untuk perkhidmatan baharu sebagaimana di negara-negara seperi Jepun misalnya. Oleh sebab itu, saya syorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengkaji hal ini sesuai atau tidak wanita diberi peluang di dalam Perkhidmatan Keretapi di negara kita. Dan jika sekiranya ada wanita bersama-sama menjalankan tugas di dalam Perkhidmatan Keretapi, mungkin satu perkara baharu dan mungkin pula pada tahun hadapan Perkhidmatan Keretapi kita ini akan bertambah maju.

Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh berkenaan dengan Jabatan Laut—Kepala Bekalan P. 59. Di Negeri Perak pada zaman dahulu iaitu zaman sebelum perang dahulu ada sebuah pelabuhan yang besar, tetapi pelabuhan itu sudah menjadikan pelabuhan yang paling kecil sekali dalam Negeri Perak, iaitu Port Weld. Ini disebabkan oleh kerana tidak mendapat perhatian langsung daripada pihak Kerajaan. Oleh sebab itu, Port Weld yang pada suatu masa dahulu menjadi sebuah pelabuhan yang besar yang menghubungkan pelayaran di antara Port Weld dengan Pulau Pinang, di antara Port Weld dengan tempat-tempat lain di Pantai Barat tetapi masa ini sudah ketinggalan dan hanya dijadikan tempat-tempat nelayan sahaja.

Oleh itu, saya syorkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya mengkaji semula tempat yang namanya indah pada suatu masa dahulu dan besar, pada masa ini telah ketinggalan menjadi yang paling kecil, elok atau tidak kita jadikan satu pelabuhan yang baharu ataupun dibaiki semula sepertimana pelabuhan-pelabuhan yang lain di dalam Negeri Perak.

Tidak beberapa lama lagi Lumut akan menjadi pelabuhan yang besar apabila sahaja Tentera Laut di-Raja Malaysia berada di sana dan mungkin Port Weld begitu sesuai sekali apabila sahaja Lumut dibesarkan, Port Weld pula dijadikan satu pelabuhan yang menghubungkan di antara Negeri Perak dengan beberapa tempat yang lain di negara kita ini. Oleh sebab itu, saya syorkan sangat-sangat kepada Yang Berhormat Menteri supaya mengambil perhatian atas perkara ini, kerana pada tahun hadapan jalan ke Port Weld yang telah begitu lama merupakan satu jalan yang paling buruk sekali akan diperbaiki oleh Kementerian Kerja Raya dan apabila sahaja jalan ini siap kelak, mungkin Port Weld akan menjadi satu tempat yang baik jika Yang Berhormat Menteri Perhubungan mendapat perhatian yang Port Weld ini akan dijadikan pelabuhan, maka bertambah baiklah tempat ini yang berhampiran lebih kurang 12 batu daripada Taiping dan Taiping pula sedang diusahakan oleh Kerajaan sebagai tempat pelancungan dalam Negeri Perak.

Perkara ini eloklah diambil perhatian oleh Yang Berhormat Menteri Perhubungan itu supaya akan bertambahlah lagi sebuah pelabuhan yang dapat menghubungkan lagi daripada satu tempat ke satu tempat. Bahkan masa dahulu Port Weld ini juga telah menjadi Stesyen Keretapi sejak tahun 1884 lagi.

*3.59 ptg.*

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan atas beberapa teguran mengenai jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya.

Tuan Pengerusi, di samping saya menjawab dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin juga menjawab dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Sir, most of the discussions on these Estimates have been taken on the Railways. A number of Honourable Members have spoken at length on the position of the Malayan Railways. Sir, I do appreciate the concern and the feelings of Honourable Members, and I am aware of the shortcomings of the Railways at the present moment. There have been a number of Committees, as stated here, which have gone through this and have put up recommendations; and we are now studying this matter further with the objective of implementing recommendations of the Rama Iyer Committee.

Sir, if one takes the problem of the Railways, one will have to go back to many years because the Railway Administration is responsible not only for maintenance of coaches and engines, but also for maintenance at all levels, and as Honourable Members have said, this has been going on for many, many years, and we have now come to a stage where the old system of the Railways has to be reviewed by probably spending a large sum of money. This, we are at the moment studying, and we are getting experts to give us advice. I myself have had a number of discussions with the Railway Administration and with the officials within the Ministry with a view to see how best we could improve the Railways.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya sedar rumah-rumah pekerja di Jabatan Keretapi Tanah Melayu tidak baik dan tidak cukup untuk diduduki oleh pekerja-pekerja. Saya sendiri mengetahui rumah-rumah di Port Kelang di mana pekerja-pekerja Jabatan Keretapi Tanah Melayu di situ adalah pengundi-pengundi dalam kawasan saya. Tetapi prioritynya hendak menjalankan keretapikah ataupun membelanjakan wang untuk rumah? But I have informed the Administration that while they spend money for improvement of tracks and dieselisation, the human aspect of the Railways Administration should not be forgotten.

Pada masa sekarang, saya percaya tiap-tiap tahun kita ada memberi peruntukan membuat rumah-rumah untuk pekerja di mana-mana tempat, dan ada juga pekerja-pekerja di Bungsar mendapat rumah baru dan kita buat juga di tempat-tempat lain.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor bertanya di atas bayaran yang dibuat dengan berperingkat-peringkat. Bayaran ini adalah dibuat dengan matawang Amerika, dan ini dari Jepun—Kisha Soji Khaisa. Selalunya pembelian kelengkapan untuk pembangunan dibiayai dengan pinjaman terus dari Kerajaan. Projek ini dibiayai pinjaman secara terus dari perbekalan.

Ahli Yang Berhormat juga ada bertanya berkenaan confrontation di antara majikan dengan pekerja-pekerja. Setahu saya perkara ini tidak ada berlaku. Setahu saya relationship baik, tetapi jikalau Yang Berhormat itu dan Ahli-ahli Yang Berhormat ada mendapat berita, silalah berhubung dengan saya sendiri dan kita boleh baiki keadaannya. I have given instructions that there should be frequent dialogues between the Management and the Officers Association as well as the RUM. I have also given instructions within the Ministry that there should be frequent discussions with the Administration officers, the RUM officials as well as the Ministry officials, with a view to improving the railways system.

Berkenaan soalan bahawa banyak acting posts tidak dipenuhkan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kepong itu, saya sedar perkara ini berlaku, tetapi pada masa sekarang pihak pentadbiran ada mengambil tindakan hendak memenohkan jawatan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada menyatakan banyak derailments. Beliau minta diadakan satu commission of enquiry. Setahu saya derailments ada berlaku di mana-mana negeri, kalau kita baca suratkhabar. Jadi, bukan sahaja berlaku dalam negeri kita, tetapi di mana-mana tempat juga, sekiranya terjadi derailment walaupun kecil kita akan dapat reportnya. Pihak Pentadbir

Keretapi ada menjaga. Walaupun ada masa-alah, Keretapi berjalan dengan baik dan tidak ada serious derailments. Dengan sebab itu, kita mengucapkan terima kasih kepada Tuhan dan kepada pekerja-pekerja kita.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput ada berkata pihak Keretapi ini rugi (losing money). Saya sedar Keretapi rugi, ini bukan disebabkan Railways Administration suka berbelanja banyak. Walaupun dia suka ber-belanja banyak tetapi dia tidak dapat wang yang banyak, kerana tidak cukup main-tenance dan ada beberapa perkara imposed on the Administration, umpamanya, gaji lebih, Special Relief Allowance dan baru-baru ini Kerajaan memberi bonos kepada pekerja-

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat semua maklum ada berapa ribu pekerja di dalam Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu, dan jumlahnya million of dollars tiap-tiap tahun. Pendapatan tidak naik dan tambang-nya pun tidak baik. Saya minta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat apabila Kementerian hendak mencadangkan tambahan sedikit, silalah menyokong dan kita boleh memberi kemudahan bukan sahaja kepada pekerja-pekerja di dalam Jabatan Keretapi Tanah Melayu, tetapi lebih-lebih lagi better services to the users of Railways.

Ahli Yang Berhormat itu juga berkata perkhidmatan di antara Port Kelang dengan Kuala Lumpur itu hendak diberhentikan di-sebabkan rugi. Sungguhpun ramai orang hendak menaiki Keretapi itu, tetapi saya mendapat tahu ada mengalami kerugian. Sungguhpun begitu, saya minta Administra-tion menimbang semula hal itu.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat ber-kata perkhidmatan Keretapi di antara Tapah Road dengan Telok Anson akan diberhenti-kan. Sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak, saya dapat tahu perkara ini tidak benar, saya rasa ini hanya khabar-khabar angin, sekiranya terjadi kita akan siasat.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga ada berkata acute shortage of telephones. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sebut tadi, saya sedar ada lebih kurang 18,000-20,000 orang me-nunggu di Kuala Lumpur sahaja, dan begitu juga di lain-lain tempat, tetapi tidak se-banyak seperti di Kuala Lumpur. Di lain-lain tempat pun ada menunggu hendak talipon, ini adalah menunjukkan the speed of expansion of our economic progress in this country. Jadi, saya ada beri arahan kepada pejabat buat plan bukan sahaja untuk 5 tahun, tetapi untuk 20-25 tahun, tetapi ini semua kita berkehendakkan duit and we have to keep enough stocks in advance but some of these things, I was told will become out-of-date if we order them much too early. Sungguhpun begitu, saya percaya kekurangan talipon yang kita ada pada masa sekarang bolehlah diselesaikan dalam tahun 1975.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga ada menyentuh atas statement saya di Kangar.

I think, Mr Chairman, Sir, he had quoted my speech out of context. I think he was reading part of an editorial from one of the papers which I too have read. If he has seen or taken care to read the full context of my statement, he would not have said anything in this House.

Sir, there have been lots of vandalism going on at the public telephone booths and what I had asked for is the co-operation of the public to prevent such vandalism by informing Police and others concerned. Telecommunications Department itself is putting up these telephone booths at Police Stations and at Post Offices. But, Sir, it is a bit difficult to have these telephones put only at Post Offices and Police Stations, because there are not many Post Offices and Police Stations outside big city areas. So, the co-operation of the public is extremely essential to stop this vandalism.

Ahli Yang Berhormat daripada Sungei Siput adalah berkata mengenai MAS. Sir, if the Honourable Member could give me concrete evidence of any disrespect to passengers on MAS, I can assure the Honour-able Member that I would instruct or ask MAS to take appropriate action against those who would not give due respect to the passengers. But, if general allegations are made against MAS, I am afraid, Sir, I am not in a position to give any reply, and I would like Honourable Members to give specific dates and where the incidents happened. I do appreciate the concern of Honourable Members but at the same time, Sir, whether they be the telephone operators or the MAS cabin crew, they have to operate in very difficult circumstances. I too have travelled. It is not that I have travelled only

by first class, but I have also travelled by economy class and I have observed them working within 30 minutes or 25 minutes—from the time the aircraft starts off from Kuala Lumpur and lands in Pulau Pinang or in Singapore or in some other places—serving the whole lot of passengers in the aircraft satisfactorily. It is not an easy task and it is no more a glamorous job to be an air hostess. This is what an air hostess told me.

**Tuan Pengerusi:** Barangkali pada musim ribut, tidak—bad weather?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Ya, ada juga bad weather. Tuan Pengerusi sendiri pun tahu dan ada juga beberapa masaalah. Begitu juga Telephone Operators. Sebelum saya menjadi Menteri Perhubungan, pada satu hari saya pun berasa panas hati juga, kerana saya menunggu hampir 10 minit tidak dapat jawab. Apabila saya dapat jawab, saya bertanya, siapa nama awak, mengapa begini lambat. Jawabnya, silalah Menteri Buruh—pada masa itu saya Menteri Buruh—datang ke pejabat saya menengok keadaan pejabat saya. Semuanya ini ialah oleh sebab the expansion speed with which we have to work, with a small building, lack of space etc., but the Department is doing all that it can to improve the need both for space as well as giving the operators and the other workers the opportunity to give better services to the users. But I can assure this House, Sir, that in whatever conditions they may be working, the Department or the Ministry would not tolerate any sort of abuse and if they use bad language to customers and if we get a report of it, I can assure that appropriate action would be taken against them.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada juga berkata mengenai Sabah Airlines. Saya sudah jawab atas perkara ini dan tidak payah lagi saya menjawabnya. Lain-lain perkara yang dibangkitkan oleh beliau saya sudah jawab.

Berkenaan tanah di Balik Pulau itu akan ditimbangkan dan untuk pekerja-pekerja dan orang-orang yang terlibat di dalam land acquisition, itu jikalau ada qualification within the required limit, kita boleh timbangkan perkara itu, dan saya boleh memberitahu kepada pejabat untuk ditimbangkan perkara ini.

Mengenai shortage of clerks di Pejabat-pejabat Pos, barangkali perkara ini timbul on certain periods sahaja, umpamanya, during festive seasons. Sungguhpun begitu, saya mesti siasat perkara ini dan jika perlu kita akan ambil lebih kakitangan di tempat itu.

Ahl-ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak dan Kampung Gajah minta diadakan Pejabat Pos. Perkara ini akan ditimbangkan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat menyentuh mengenai Station Hotel. Ini pun akan ditimbangkan. Station Hotel hendak berniaga dengan pihak UDA dan hendak diperbaiki Station Hotel itu. Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat boleh duduk di sana.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Matang, kerana Yang Berhormat berkata perkhidmatan Kementerian adalah baik dan memberi kepujian di beberapa pejabat. Ahli Yang Berhormat juga ada menyebut berkenaan Port Weld. Perkara ini kita boleh timbangkan mengenai perkara yang diberitahu tadi.

Inilah sahaja yang dapat saya jawab dengan rengkas. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan yang konkrit mengenai Kementerian saya.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $900,150 untuk Kepala B. 56, $15,330,470 untuk Kepala B. 57, $4,836,900 untuk Kepala B. 58, $4,294,000 untuk Kepala B. 59, $5,973,300 untuk Kepala B. 60, $48,788,800 untuk Kepala B. 61 dan $10 untuk Kepala B. 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak $174,643,374 untuk Kepala P. 56, $73,514,595 untuk Kepala P. 57, $696,826 untuk Kepala P. 58, $963,000 untuk Kepala P. 59, $1,737,520 untuk Kepala P. 60, $5,298,120 untuk Kepala P. 61 dan $45,100,000 untuk Kepala P. 62 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

*Kepala B. 63 (Jadual)—*
*Kepala P. 63 (Anggaran Pembangunan, 1975)—*

*4.18 ptg.*

**Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan

anggaran belanja mengurus yang ditunjukkan di bawah Kepala B. 63 berjumlah $15,490,170 dan belanja pembangunan di bawah Kepala P. 63 berjumlah $2,042,740 diluluskan.

Tuan Pengerusi, matlamat Kementerian Kebajikan Am ialah untuk memperbaiki ekonomi dan kebahagiaan sosial angguta masyarakat yang kurang bernasib baik. Untuk menjayakan matlamat ini, Kementerian ini setakat yang diizinkan oleh keadaan kewangan, menyediakan kemudahan-kemudahan yang sesuai kepada mereka yang malang itu supaya mereka mendapat kemahiran dan kecekapan yang diharapkan dapat membantu mereka mencapai taraf hidup yang lebih baik. Mereka yang memerlukan bantuan untuk kehidupan sehari-hari akan terus diberi pertolongan. Dalam sektor pembangunan sosial, Kementerian ini akan terus memberikan sokongan dan saling membantu Kementerian-kementerian lain dalam usaha mereka mencapai matalamat negara.

Oleh itu bidang tugas Kementerian ini secara beransur-ansur telah diperluas supaya angguta masyarakat yang lemah dan tidak tahan menempuh gelombang hidup, samada kerana kekurangan sifat-sifat semulajadi atau dirundung kemiskinan, akan dapat dibantu dan dipimpin dan diberi galakan untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Rancangan-rancangan yang akan melibatkan penduduk ataupun masyarakat tempatan untuk turut serta membantu yang kurang bernasib baik akan diberi keutamaan. Maka dengan ini pimpinan tempatan akan tumbuh dan perlaksanaan projek gotong-royong akan dapat dipergiatkan lagi.

Aktiviti-aktiviti yang berorientasikan pembangunan akan diutamakan. Di samping itu perkhidmatan yang bercorak remedial dan ameliorative akan dikemaskan dan dibaiki mutunya supaya mereka yang menghadapi kesusahan akibat perubahan-perubahan ekonomi dan sosial dapat dibantu dengan lebih sempurna.

Tuan Pengerusi, dengan memohon izin Dewan ini saya suka menghuraikan Anggaran Belanjawan Kementerian ini yang dibahagikan kepada lima aktiviti, iaitu Perkhidmatan Pentadbiran, Perkhidmatan Pencegahan, Perkhidmatan Jagaan Keluarga dan Kanak-kanak, Perkhidmatan Pemulihan Am dan Perkhidmatan Pemulihan Akhlak.

PERKHIDMATAN PENTADBIRAN

Objektif Perkhidmatan Pentadbiran ini ialah untuk memajukan penyelidikan, perancangan dan penilaian aktiviti-aktiviti kebajikan yang dijalankan di Kementerian ini supaya perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan itu betul-betul menepati kehendak negara. Selain dari itu Perkhidmatan Pentadbiran juga cuba menyelaraskan perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan yang dijalankan di kedua-dua sektor awam dan sektor swasta untuk mengelakkan pertelingkahan. Secara amnya, aktiviti ini meliputi semua perkara yang berkaitan dengan dasar, pentadbiran, kewangan dan beberapa perkhidmatan seperti Analisa Pengurusan, latihan dan Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian.

Untuk mencapai matalamat perkhidmatan ini Bahagian Pengurusan akan meneruskan rancangan-rancangan kajiannya terhadap cara kerja dan susunan kerja demi untuk membaiki lagi kelicinan jentera pentadbiran Kementerian ini. Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penilaian akan meneruskan penyelidikan dan penilaian terhadap rancangan-rancangan yang kini sedang berjalan. Bahagian Latihan pula akan menumpukan usahanya untuk menambahkan lagi kemahiran ikhtisas kepada pegawai-pegawainya sejajar dengan perkembangan peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Untuk tujuan ini kemajuan kerjaya (career development) akan lebih ditekankan dan pegawai-pegawai yang sesuai akan dihantar ke luar negeri untuk mendapat latihan dan kemahiran atas perkara-perkara tertentu. Untuk pertubuhan-pertubuhan sukarela, seminar dan bengkel-bengkel kerja akan diadakan dengan tujuan untuk memberi mereka penerangan dan tunjukajar tentang aliran-aliran baharu dalam perkhidmatan kebajikan masyarakat.

Aktiviti ini memerlukan belanjawan mengurus sebanyak $1,565,300 dan belanja pembangunan sebanyak $500.00.

PERKHIDMATAN PENCEGAHAN

Perkhidmatan Pencegahan menitikberatkan aktiviti-aktiviti yang bercorak pembangunan dan akan bekerjasama dengan Kementerian-kementerian lain serta ejensi-ejensi swasta dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Perkhidmatan Penasihatan, Progrem Bantuan Am dan juga Perkhidmatan Kesejahteraan Keluarga yang telah dilancarkan dalam bulan Januari 1974, akan diperluaskan. Perjalanan Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan yang baru ditubuhkan itu akan dikemaskan. Progrem-progrem khas seperti Bantuan Kepada Orang-orang Tua dan Bantuan kepada Kanak-kanak yang perlu dibantu akan juga diperluaskan.

Kerjasama dengan Kementerian-kementerian lain akan diteruskan terutama dengan Kementerian Pelajaran untuk memberi nasihat kepada murid-murid supaya dapat mencapai kejayaan yang penuh dan juga untuk mengurangkan masaalah ponteng sekolah dan keciciran. Dengan Kementerian Kesihatan pula, kerjasama akan diberi dalam Kempen Mengawal TB, begitu juga dengan Biro Narkotik Kementerian saya akan turut memberi nasihat dan perkhidmatan pemulihan kepada mangsa dan penagih dadah.

Perkhidmatan ini juga akan terus memberi bantuan teknik dan kewangan kepada pertubuhan-pertubuhan sukarela yang berkhidmat dalam lapangan pencegahan.

Aktiviti ini memerlukan belanja mengurus berjumlah $3,115,400.

PERKHIDMATAN JAGAAN KELUARGA DAN KANAK-KANAK

Perkhidmatan Jagaan Keluarga dan Kanak-kanak memberi jagaan dalam yayasan kepada kanak-kanak, orang-orang tua dan pesakit-pesakit melarat. Kanak-kanak, yang memerlukan jagaan ditempatkan dalam tujuh buah rumah kanak-kanak yang terdapat di seluruh Malaysia. Dalam rumah-rumah ini, Kementerian ini cuba mengadakan satu suasana yang menyerupai kehidupan dalam sebuah keluarga. Pelajaran dan latihan vokesyenal, pendidikan ugama dan akhlak adalah diberikan, dan riadah serta lain-lain aktiviti yang sesuai disediakan. Selain dari itu kanak-kanak diberi nasihat dan bimbingan untuk mengatasi masaalah-masaalah peribadi mereka.

Orang-orang tua yang memerlukan bantuan diberi jagaan dalam suasana yang baik. Perhatian utama diberi kepada soal makanan dan keperluan perubatan mereka. Untuk memenuhi masa lapang mereka, penghuni-penghuni digalakkan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang disediakan.

Untuk pesakit-pesakit melarat pula, Kementerian ini mentadbirkan tiga buah rumah khas untuk mereka. Sungguhpun penghuni penghuni rumah ini tidak lagi begitu cergas, mereka digalakkan menyertai kegiatan-kegiatan seperti membuat kerja-kerja pertukangan tangan untuk mengisi masa yang lapang mereka.

Perkhidmatan Jagaan Keluarga dan Kanak-kanak ini juga memberi bantuan kewangan dan bantuan teknikal kepada 28 pertubuhan-pertubuhan sukarela yang memberi perkhidmatan yang sama.

Aktiviti ini memerlukan belanjawan sebanyak $6,265,900 iaitu sebanyak $6,170,870 untuk belanja mengurus dan sebanyak $95,030 belanja pembangunan.

PERKHIDMATAN PEMULIHAN AM

Perkhidmatan Pemulihan sukalah saya memberikan jagaan dalam yayasan kepada yang cacat anggota dan yang cacat akal. Kemudahan untuk yang cacat akal akan diperluaskan apabila Pusat Untuk Cacat Akal dan Anggota di Johor Bahru siap dan mula berjalan pada awal tahun 1975. Pusat ini khas untuk menjaga dan melatih orang-orang yang cacat anggota dan yang cacat akal. dihadkan hanya kepada mereka yang boleh dilatih dan yang boleh mendapat faedah dari progrem-progrem latihan yang disediakan di situ.

Progrem Latihan di Pusat Pemulihan Orang-orang Cacat Anggota di Cheras telah dipelbagaikan supaya orang-orang cacat yang terlatih di situ akan mendapat peluang yang lebih cerah untuk mendapatkan kerja. Sungguhpun kilang-kilang perusahaan nampaknya sekarang telah sanggup menerima pekerja-pekerja cacat, Kementerian ini masih menghadapi kesukaran mendapatkan kerja untuk mereka. Untuk mengatasi masaalah ini sebuah Bengkel Terlindung akan dibina di Klang untuk memberi pekerjaan kepada mereka yang tidak mendapat pekerjaan di luar. Bengkel ini dijadualkan siap dalam bulan Disember, 1975.

Perkhidmatan ini juga memberi bantuan kewangan dan teknikal kepada 12 pertubuhan sukarela yang menjalankan perkhidmatan pemulihan bagi orang-orang cacat.

Aktiviti ini memerlukan belanjawan sebanyak $1,274,000 untuk belanja mengurus dan sebanyak $731,500 untuk belanja pembangunan iaitu untuk pembinaan Bengkel

Terlindung dan membiayai lain-lan kerja kontrek yang sedang berjalan.

PERKHIDMATAN PEMULIHAN AKHLAK

Perkhidmatan Pemulihan Akhlak mengadakan jagaan dalam yayasan untuk pesalah budak-budak, wanita dan gadis yang terdedah kepada bahaya moral, kuturayan dan pengemis. Dengan siapnya Sekolah Akhlak di Jerantut pada awal tahun 1975, jumlah Sekolah Akhlak ialah enam—lima untuk lelaki dan satu untuk perempuan. Dengan itu, Kementerian ini akan dapat mengadakan jagaan yang lebih sempurna serta latihan yang berbagai corak lagi mendalam kepada pesalah budak-budak dalam Sekolah-sekolah Akhlak.

Sekarang terdapat lapan buah Rumah Tahanan Sementara. Asrama untuk budak-budak lelaki dan sebuah untuk budak-budak perempuan. Rumah ini memberi jagaan yang sesuai untuk kanak-kanak dan pesalah budak-budak dalam tahanan dan juga untuk budak-budak dalam pengawasan yang tinggal di Asrama.

Buat masa sekarang ada dua pusat pemulihan untuk wanita dan gadis yang menghadapi bahaya keruntuhan moral. Dua buah pusat lagi telah dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Dengan siapnya pusat-pusat ini kelak kemudahan-kemudahan yang lebih sempurna akan dapat diadakan untuk memulihkan serta memberi latihan kemahiran kepada wanita dan gadis yang dijagai itu mengikut kebolehan dan kecenderongan mereka.

Pusat Pengemis dan Kuturayau di Mersing dibesarkan untuk menampung seramai 360 orang penghuni. Satu progrem latihan vokesyenal yang lengkap telah dimulakan untuk melatih penghuni-penghuni supaya mereka boleh mendapat pekerjaan yang sesuai apabila keluar kelak.

Aktiviti ini juga memberi bantuan kewangan kepada rumah-rumah sukarela yang memberi perkhidmatan pemulihan kepada wanita-wanita yang terdedah kepada bahaya keruntuhan moral.

Berkenaan dengan ini, Tuan Pengerusi, perbelanjaan yang diperlukan sebanyak $3,364,600 untuk belanja mengurus dan sebanyak $1,215,710 untuk belanja pembangunan bagi membiayai kerja-kerja kontrek untuk projek-projek yang sedang berjalan.

Setakat itulah sahaja, Tuan Pengerusi, yang ingin saya terangkan berkenaan dengan peruntukan di bawah Kepala B. 63 dan P. 63.

Saya mohon peruntukan ini diluluskan.

*3.58 ptg.*

**Datuk Stephen Yong Kuet Tze (Padawan):** (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would like to express my appreciation to the Honourable Minister of Welfare and her Ministry for the preventive services undertaken by the Ministry especially for the physically and socially handicapped section of the population, that is to say, the dependent children, the aged in need and the social offenders. It shows up the best part of our Government, a Government which has a heart and which cares for its people.

Mr Chairman, Sir, special mention must be made about the assistance given to dependents of detainees, because 93% of the case-load is in Sarawak, and we from Sarawak must feel grateful for this scheme of assistance. I may point out here that because of this scheme, many families have overcome hardships which they incur as a result of the detention of their bread-winners. Such a charitable gesture has won over many families in our war against subversive and anti-national elements, and we have many cases where the members of the families of the detainees have come out to persuade their offending members to give up their wrong ideology and become good citizens. So, the money spent here is well worth it.

Mr Chairman, Sir, in regard to the financial relief of not exceeding $75 per month for each deserving family, I think such a ceiling may be too low, because there may be cases of larger families which would require more than $2.50 per day to tide over in the present day circumstances. So, why should a ceiling be placed at all? I would urge the Honourable Minister to consider this and give the officers on the ground the discretion to decide on the appropriate amount to be given in each case. In that way, the beneficial effect would be wider and more appreciative.

*4.33 ptg.*

**Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am di bawah Kepala B. 63 dan P. 63.

Di dalam membahas berkenaan dengan kegiatan-kegiatan Kementerian ini saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan perkara latihan yang telah diberikan oleh Kementerian ini khasnya kepada pembantu-pembantu rumah di dalam latihan asas dan latihan ikhtisas. Mengikut apa yang saya perhatikan, latihan ini patut mendapat kepujian dan tahniah di atas usaha yang telah dijalankan. Walau macamanapun peserta-peserta yang telah mengikuti latihan ini manakala mereka balik ke kampung mereka masing-masing, segala latihan-latihan dan pelajaran-pelajaran hilang begitu sahaja.

Kebanyakannya mereka berlumba-lumba untuk menjadi guru KEMAS, sebagai guru-guru urusan rumahtangga dan sebagainya yang telah memberikan sedikit sebanyak perkhidmatan sukarela kepada persatuan-persatuan ataupun pertubuhan-pertubuhan sosial seperti Perkumpulan Perempuan dan sebagainya. Tetapi usaha-usaha yang telah mereka jalankan selepas daripada mereka balik daripada latihan-latihan itu tidak begitu berpatutan ataupun seimbang dengan latihan-latihan yang telah diberikan kepada mereka dalam masa latihan. Oleh yang demikian, saya suka mencadangkan kepada Kementerian ini manakala latihan-latihan telah diberikan kepada mereka patutlah juga diberikan kemudahan-kemudahan kepada mereka itu manakala mereka balik ke kampung melalui pertubuhan-pertubuhan seperti Perkumpulan Perempuan misalnya, memberikan kemudahan-kemudahan kepada peserta-peserta itu supaya dapat mereka yang telah dilatih itu memberi khidmat kepada persatuan-persatuan itu.

Saya contohkan di sini, kalaulah latihan itu diberikan berhubung dengan jahitan-jahitan, maka patutlah juga diberikan kemudahan ataupun bantuan kepada persatuan-persatuan sosial seperti mana saya katakan tadi, berupa alat-alat kelengkapan, jahitan dan sebagainya supaya boleh mereka itu manakala balik dapat berkhidmat dengan secara langsung kepada masyarakat. Ataupun satu latihan yang lain diberikan kepada mereka misalnya, untuk mengetin buah-buahan ataupun membuat jem daripada buah-buahan, manakala mereka balik ke kampung patutlah Kementerian ini memberikan kemudahan-kemudahan alat kepada persatuan-persatuan yang berkenaan itu supaya mereka itu dapat menggunakan bakat-bakat yang mereka perolehi itu bagi menambahkan pendapatan mereka di masa lapang. Ini adalah satu cara yang boleh menambahkan pendapatan kepada suri-suri rumah tangga bagi berkhidmat kepada keluarga mereka terutama sekali di kampung-kampung.

Satu perkara lagi yang saya suka menyentuh di sini ialah berkenaan dengan perkhidmatan penasihat keluarga yang baru sahaja ditubuhkan di dalam Kementerian ini dalam bulan Januari, 1974. Saya memberikan tahniah kerana ini adalah salah satu daripada usaha-usaha yang dapat menghapuskan kepincangan masyarakat, terutama sekali bagi keluarga di luar bandar.

Mengikut perhatian saya masyarakat keluarga di luar bandar adalah disebabkan tidak ada kesedaran berhubung dengan tanggungjawab berkenaan dengan keluarga. Oleh itu, saya minta daripda Kementerian ini supaya menumpukan di dalam meluaskan aktiviti berhubung dengan perkhidmatan penasihat kelurga ini ditumpukan kepada kawasan-kawasan luar bandar, terutamanya di kawasan-kawasan sesak di dalam bandar serta juga di dalam kawasan-kawasan perindastrian yang mana banyak di sana terdiri daripada petani-petani, buruh-buruh dan sebagainya yang mana di dalam golongan masyarakat inilah didapati banyak kepincangan masyarakat berlaku.

Seperti mana di kampung-kampung misalnya di luar bandar perpecahan keluarga menyebabkan anak-anak mereka tercicir daripada persekolahan. Kalau sekiranya seseorang itu biasa menjadi guru besar misalnya, maka sudah tentu dapat tahu bahawa kepincangan masyarakat yang menyebabkan anak-anak tercicir itu tidak lain dan tidak bukan ialah disebabkan oleh keluarga-keluarga di luar bandar itu tidak lagi tahu berkenaan dengan tanggungjawab keluarga. Oleh itu, kepada perkhidmatan yang baru ditubuhkan ini, saya memberikan tahniah dan saya berharap tumpulah usahanya kepada luar bandar lebih dahulu supaya dapat mengatasi segala kepincangan dan dapat meninggikan kehidupan masyarakat kita di luar bandar.

*4.40 ptg.*

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus):** Tuan Pengerusi, saya adalah bersimpati dengan Kementerian ini yang diperuntukkan hanya sejumlah $17,532,910

sahaja yang pada himat saya sepatutnya Kementerian ini diperuntukkan lebih banyak lagi. Barangkali Kerajaan kita memikirkan bahawa Kementerian ini tidak untuk mempertahankan negara atau untuk memberi pelajaran kepada rakyat negeri ini. Saya fikir kalau peruntukan diberikan lebih banyak kepada Kementerian ini maka amatlah senang khususnya untuk memberi pertolongan ataupun bantuan kepada rakyat yang miskin di dalam kawasan saya.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh sedikit-sebanyak dalam Kementerian ini. Yang pertama, Kepala P. 63, Pecahan-kepala 1—Perkhidmatan untuk Orang-orang cacat. Walaupun saya faham bahawa perkhidmatan untuk orang-orang cacat ini amatlah luas dan saya berterima kasih juga kepada Kementerian ini yang telah banyak melatih orang-orang cacat di kampung-kampung dan di mana-mana sahaja yang membolehkan mereka itu mencari penghidupan sendiri ataupun berdikari.

Satu perkara yang amat mendukacitakan kita ialah berkenaan dengan peminta-peminta sedekah yang berselerak di dalam negara kita ini. Saya fikir sekiranya Kerajaan kita mahu membuktikan bahawa negara kita ini benar-benar sebuah negara yang boleh dikatakan maju dan makmur di rantau ini, maka eloklah Kementerian ini mengambil satu cara ataupun membuat perhitungan supaya peminta-peminta sedekah yang berselerak di bandar, khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur ini tidak ada peminta sedekah. Mengikut pandangan dan himat saya tidaklah begitu ramai sangat orang meminta sedekah, tetapi sudah menjadi adat bahawa peminta-peminta sedekah ini akan berhimpun di tempat orang ramai. Apabila pelawat-pelawat datang ke negeri kita ini, maka sudah tentulah di situ akan ditumpu dan di situlah akan dapat melihat peminta-peminta sedekah ramai berada, sebab peminta sedekah juga berkumpul di tempat orang ramai, pelawat juga hendak melihat tempat orang ramai. Jadi dapatlah bukti bahawa di negara kita ini ramai peminta sedekah. Saya berharap kepada Kementerian ini supaya berikhtiar mengatasi peminta-peminta sedekah ini supaya tidak lagi meminta sedekah di khalayak ramai dan eloklah bagi Kementerian ini memberi bantuan kepada peminta-peminta sedekah tersebut supaya mereka itu tidak meminta sedekah lagi.

Tuan Pengerusi, satu hal yang saya tahu ada setengah-setengah peminta sedekah ini bukan benar-benar orang miskin, bukan semua, tetapi ada di kalangan peminta-peminta sedekah ini yang mereka itu mempunyai harta di rumah apabila kita siasat dan pergi ke rumah mereka dan saya pernah berjumpa setengah-setengahnya ada yang beristeri dua. Dalam hal ini, sekiranya Kementerian dapat membuat penyiasatan yang teliti kepada orang yang patut diberi pembelaan maka hendaklah diberi pembelaan yang sewajarnya supaya mereka itu tidak lagi meminta sedekah. Kepada mereka yang tidak patut diberi pembelaan maka hendaklah kita kawal ataupun membuat satu peraturan yang tertentu yang mereka ini tidak layak meminta sedekah.

Tuan Pengerusi, mengenai Rumah Perlindungan Perempuan. Dalam hal ini, saya amat bersimpati dengan orang perempuan, sebab apa yang berlaku dan apa yang terkena dimasukkan ke dalam rumah perlindungan ataupun rumah memperbaiki akhlak bagi orang-orang yang ditangkap ialah bagi orang-orang perempuan sahaja. Saya tidak tahulah samada ada di Kementerian ini yang juga memasukkan orang laki-laki yang ditangkap sama itu untuk diasuh dan diajarkan akhlaknya ataupun diberi didikan yang sepatutnya sama supaya sama-sama dapat memperbetulkan. Mengikut himat dan fikiran saya kalaulah pihak perempuan sahaja tentulah tidak akan berlaku perkara yang tidak diingini oleh kita bersama. Dalam usaha ini, saya juga berterima kasih di atas tindakan Kementerian ini mendidik, saya berharap supaya didikan akhlak dan pengajaran ugama lebih dititikberatkan kepada orang-orang yang telah terlibat dengan pemulihan akhlak ini. Mengikut keyakinan saya sekiranya seseorang itu lebih kuat keimanannya, lebih mengetahui pengajaran ugamanya, maka kuranglah sedikit kecenderungan mereka itu untuk melakkukan maksiat. Tidaklah bererti bahawa seseorang yang tahu itu tidak melakukan perbuatan yang tidak baik ini, tetapi mengikut perhitungannya memang-berkekurangan sekiranya kita lebih menitikberatkan pengajaran akhlak khususnya ugama.

Saya berharap benar-benar supaya Kementerian ini apabila seseorang itu dimasukkan di dalam rumah akhlak ini diberi pengajaran yang secukupnya supaya mereka itu apabila keluar daripada rumah ini dapat membuka

perusahaaannya sendiri, dapat bekerja sendiri, umpamanya menjahit, bertukang dan sebagainya, tidak lagi mereka itu cenderung kepada perbuatan yang tidak baik.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Terima kasih.

*4.48 ptg.*

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Pengerusi, saya dengan sukacita menyokong penuh Anggaran Perbelanjaan Kementerian Kebajikan Am, Kepala B. 63 dan P. 63 yang mana matlamatnya ialah menuju dan memperbaiki ekonomi dan kebahagian sosial rakyat jelata di Malaysia ini. Di antara rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Am, saya sangatlah tertarik hati kepada rancangan bantuan kepada orang-orang tua yang dimulakan pada penghujung tahun 1973. Rancangan ini adalah sangat-sangat terpuji kerana sebelum ini kebanyakan daripada orang-orang tua yang berkeperluan itu adalah pada umumnya ditempatkan di dalam Rumah Orang-orang Tua.

Dari segi Negeri Kelantan dan lebih-lebih lagi dari segi mereka yang duduk di kampung-kampung, saya tahu bahawa kebanyakan daripada orang-orang yang mengalami kesusahan hidup enggan dihantar ke rumah kebajikan, tetapi sebaliknya dengan adanya rancangan dan bantuan bagi orang-orang tua yang dhaif dan miskin itu dengan bantuan yang diberi tiap-tiap bulan dapatlah mereka terus hidup dengan sempurna di dalam masyarakat mereka sendiri. Saya sangatlah bersetuju dengan dasar Kementerian Kebajikan Am bahawa seboleh-bolehnya menempatkan seseorang yang dibantu itu di dalam lingkungan keluarga dan masyarakatnya sendiri.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyokong penuh di atas rancangan bantuan kanak-kanak yang berkeperluan seperti bantuan kepada orang-orang tua juga. Dengan adanya rancangan ini maka dapatlah dielokkan kanak-kanak kita yang kurang bernasib baik ini semata-mata ke rumah kanak-kanak. Dengan bantuan yang diberi kepada mereka maka dapatlah kanak-kanak itu duduk dengan keluarganya sendiri. Saya tahu bahawa selain daripada bantuan yang diberi oleh Kementerian Kebajikan Am, pegawai-pegawai kebajikan sentiasa memberi nasihat kepada keluarga-keluarga yang menjaga kanak-kanak itu dan seterusnya memberi bantuan berupa pakaian sekolah, tambang bas dan sebagainya.

Jika mereka duduk di rumah dan tidak di Yayasan Kanak-kanak maka tentulah mereka mendapatkan kasih sayang serta peliharaan yang sempurna. Bagi Negeri Kelantan, sukalah saya menyampaikan tahniah kepada Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am yang menyelenggarakan Bengkel Perlindungan bagi Pekerja-pekerja Cacat di mana orang-orang lelaki cacat yang berumur dari 14 hingga 45 tahun diberi kemudahan tempat tinggal dan kemudahan mempelajari beberapa mata usaha pekerjaan seperti membuat alat-alat rumah dan pejabat membuat perusahaan rotan, perusahaan pelastik, ukiran kayu, pertukangan peteri dan seterusnya pada pekerjaan simin. Bengkel Orang-orang Cacat menerima pesanan daripada orang perseorangan dan juga mengambil kerja-kerja konterek. Setahu saya, sejak Bengkel itu dimulakan pada tahun 1972 barang berharga sebanyak $1,000 telah dijual dari Bengkel itu pada tiap-tiap tahun dan saya tidaklah lagi ragu-ragu menyatakan ini adalah satu kejayaan yang besar. Jika tidak ada Bengkel serupa ini maka adalah kemungkinan bagi orang-orang cacat itu duduk di rumah dengan tidak ada apa-apa pekerjaan dan mata pencarian untuk menanggung dirinya dan keluarganya.

Tuan Pengerusi, cuma ada satu lagi perkara yang saya suka mengemukakan mengenai perlindungan dan kawalan serta latihan yang diberi kepada orang-orang perempuan muda kita yang telah dinoda kerosakan akhlaknya dan pelacur. Dengan adanya rumah-rumah perlindungan yang ditadbirkan oleh Kementerian, maka anak-anak perempuan muda kita yang telah dipesona ke lembah bahaya pelacuran dapat peluang bagi mempelajari beberapa mata pelajaran seperti jahit-menjahit, pertukangan tangan, keriting rambut, sulam-menyulam dan sebagainya disulami dengan pelajaran akhlak dan latihan ugama, maka dapatlah wanita-wanita dan gadis-gadis itu seterusnya menjadi warganegara yang berguna dan berfaedah apabila mereka keluar daripada Rumah-rumah Pemulihan itu. Dan lagi rancangan

yang dijalankan oleh Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am bagi golongan orang-orang yang susah dan menderita pahit-maung hidup oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat mereka elakkan. Di sini sukalah saya mengsyorkan kepada pihak Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am yang mana hari ini di kawasan Tumpat terdapat banyak kaum-kaum nelayan kita terdiri daripada orang-orang miskin. Sekiranya dapat pihak Kementerian mengadakan rancangan-rancangan untuk keluarga-keluarga ini supaya diberi bantuan dengan bercucuk tanam supaya dapat menambahkan mata pencarian mereka, sekiranya musim tengkujuh tidak dapatlah mereka itu turun ke laut, dan sekiranya ada rancangan-rancangan dan bantuan-bantuan itu yang dapat diberikan kepada mereka dengan cara besar-besaran bercucuk tanam seperti menanam lada, kacang dan sebagainya. Di sini saya patutlah bersyukur di atas perkhidmatan yang diberi oleh Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am dan pegawai-pegawainya. Buat saya tidaklah ragu-ragu lagi menyokong penuh di atas Anggaran Belanjawan Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am.

*4.54 ptg.*

**Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (Parit):** Tuan Pengerusi, saya menyokong Anggaran Perbelanjaan di bawah Kepala B. 63, Pecahan-kepala 4100. Memandangkan keadaan kemerosotan ekonomi dan stagflasi yang mengancam kehidupan rakyat terutama yang berpendapatan rendah, maka saya rasa sangat sesuai masanya bagi kita mengambil keputusan untuk menubuhkan sebuah Tabung Bencana Inflasi, untuk menampung setakat mana yang terdaya akan penderitaan yang dialami oleh rakyat sekarang. Jika kita ada Tabung Bencana Alam untuk menolong rakyat yang ditimpa bencana alam maka saya rasa Tabung Bencana Inflasi akan dapat menolong mereka yang terlalu dicengkam oleh inflasi.

Tuan Pengerusi, sebagai angguta yang dipilih oleh orangramai, saya sentiasa sedar akan kemudahan hidup yang ada pada kita sekarang adalah hasil daripada kepercayaan rakyat terhadap kita. Sekiranya Tabung ini dipersetuju untuk ditubuhkan, maka saya dengan rela hati dan seikhlas hati menderma sebulan elaun saya kepada Tabung ini. Saya percaya Tabung ini akan dapat memainkan peranannya dengan positif dan berkesan mengurangkan bebanan rakyat itu, dan saya percaya Tabung ini boleh dibesarkan jumlahnya jika kita bersama-sama berusaha menambahnya. Rasa saya sudah sampai masanya kita meminta jasa baik ataupun kalau perlu mendesak jutawan-jutawan yang ada di negara kita ini memberikan sumbangan mereka kepada Tabung ini. Mereka tak seharusnya menolak permintaan kita kerana mereka juga tidak boleh hidup senang tanpa orangramai yang menderita sekarang. Jika Tabung ini dipersetujui untuk ditubuhkan, maka saya cadangkan Tabung ini diselenggarakan oleh sebuah jawatankuasa khas pengedaran bantuan-bantuan dari Tabung ini boleh dilakukan melalui Jabatan Kebajikan Perkhidmatan Am sepertimana Tabung Bencana Alam.

*4.57 ptg.*

**Dr Chen Man Hin (Seremban):** Tuan Pengerusi, di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, izinkan saya juga bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, saya rasa sangat dukacita kerana Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan untuk Kementerian Kebajikan Perkhidmatan Am sangat kurang iaitu berjumlah $17 juta sahaja kalau dibandingkan dengan negara-negara lain seperti the European countries, England dan lain-lain maka Anggaran perbelanjaan ini sangat kurang.

(*Dengan izin*) Perhaps, Mr Chairman, Sir, this is because the Ministry of Social Welfare has been given very little attention by the Government for one reason or other—I am not quite sure what is the actual reason. I would like to quote certain figures given in this Anggaran Belanjawan. In regard to the assistance to the needy aged, i.e. old people, in 1973 the actual number of people assisted was 92; this year the estimated figure is only 50; and the estimated figure for 1975 is 1,000. The admissions to Homes for the Needy Aged were: in 1973—607; in 1974—650 and in 1975—650 (estimated). I just cannot believe that a country like Malaysia, with a population of about 12 million, can have only so few old people who require assistance. Actually, in this House, we have been hearing, time and time again, complaints and petitions from Members of Parliament asking for tax reliefs for old people, for aged parents who require assistance, especially

those from the low-income group of workers—people who earn $100 or $200 a month—who have to support their fathers and mothers.

So, I think these figures are most unrealistic and probably there is something wrong somewhere. Either there are not enough field officers to go and assess the actual number of old people in this country who need aid or probably there is too little attention paid to the importance of social welfare.

In Scandinavian countries and other countries like England, for example, even professional people, when they are out of job, they are on the dole. For example, doctors, registrars, specialists, etc., when they are out of job, they go to the dole and get their pay almost equivalent to the amount of money they got while they were working. Therefore, I think there should be a change of attitude on the part of the Government, and it should pay more attention and more consideration to people who have given the best parts of their lives to serve this country, especially the old people. I know of thousands of old people who require aid. People like servants, tin-mining workers, rubber tappers and so on, are the people who require aid. But, unfortunately, from what I have been told, when such people go to the Welfare Offices, the officers are quite strict and the money that is given to them is very little. Though I see here that financial assistance not exceeding $35 a month is given to each needy old person, from what I gather, sometimes such person is only given $5 or $10 a month. So, I think this attitude of the Ministry should change, and it should be more generous. The Government itself should also pay more attention to this Ministry.

Then again, the Ministry has also provided figures here to show that it takes care of the handicapped people, the blind, the deaf, the mentally deficient and people with orthopaedic problems (that means people without limbs, etc.). Well, I am quite surprised that the number of artificial aids given to people who are physically handicapped is as follows. In 1973, it was 29; in 1974 it was 85; and in 1975 it is estimated to be 99. These figures again are unrealistic if you compare with the demand required, and I am quite sure that by 1975, more than 95 aids will be required, because only three or four years ago, there was a polio epidemic and so hundreds of them will require these appliances. Therefore, I urge the Ministry concerned to give more publicity to such schemes, so that the people will come and register for help instead of suffering at home.

Then, again, this question of drug addiction is another handicap which is affecting a portion of our people, especially our youths, and I think the Ministry of Welfare Services should not leave this problem completely to the Anti-Narcotic Bureau because the question of family background and the question of family circumstances also play an important part to rehabilitate the young people who are addicted to drugs.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Selepas ini saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

*5.03 ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada B. 63, Pecahan-merujuk kepada Kepala B. 63, Pecahan-kepala 1100, mengenai Aktiviti (2)—Perkhidmatan Pencegahan. Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, I submit that the 1975 provisions of $15,490,170 as Operating Expenses and $2,042,740 for Development Expenses for the Ministry of Welfare Services are small and highly inadequate amounts in the attempt to enable individuals, groups and communities to meet their need and solve their problems of adjustment in society. I observe that even more money is being allocated for the Prisons Department than for welfare services. This really betrays how really serious the Government is to promote and improve the economic and social well-being of the people of Malaysia.

I have had the experience of dealing with the services of the Welfare Services Department in the Federal Territory or the Wilayah Persekutuan in regard to the question of *Bantuan Am* or General Aid. To me, it appears highly ridiculous for an individual to be given $15 to $20 a month as *bantuan am* or for that matter for a family to be paid $35 to $40 a month. How helpful can the so-called assistance of $15 or $20 be to an old and lonely widow or $40 to a woman

and her five children, whose source of livelihood has been stranded because the husband had died or the father had become an invalid as a result of a serious accident in a self-employed job.

Tuan Pengerusi, even without the present scourge of galloping inflation to contend with, these sums of so-called assistance would have been inadequate to help pull these people through for a month. In these days of soaring prices, such miserable and meagre sums of so-called assistance can only add to the dramatic irony in human misery and tragedy.

Tuan Pengerusi, are all these meagre sums worthy of the human beings they are supposed to serve and assist? Do they contribute realistically to a more human society?

Again, on the question of Bantuan Bencana Alam or Natural Disaster Relief, I note that only a sum of $25 is paid out at one stretch to a family as a result of fire, flood or other natural disaster. This appears to be more ridiculous.

Tuan Pengerusi, I earnestly call on the Government to do some radical rethinking about the state of our welfare services in our country with a view towards its complete reorganisation. If we do not want merely a semblance of welfare services for our less fortunate Malaysians, then the Ministry should be given at least twice or three times more than what it is being allocated at present, so that human sufferings and miseries can be alleviated and human dignity and self-respect can be restored in a large measure among these sections of our community.

*5.06 ptg.*

**Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian membincangkan peruntukan yang diberi kepada Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Padawan, saya sukalah mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat ini di atas pandangan yang baik terhadap kerja-kerja yang telah dibuat oleh Kementerian saya. Berkenaan dengan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, iaitu tentang bantuan kepada mereka yang ditahan, iaitu kepada keluarga mereka yang dalam tahanan, beliau menimbulkan, sekarang ini hanya diberi bantuan maksima $75.00 sebulan. Masaalah ini Kementerian saya akan memberi perhatian yang berat dan akan dikaji dan ditimbangkan. Jika perlu ditambah, kita akan menambahkan.

Ahli Yang Berhormat dari Arau ada membangkitkan masaalah latihan kepada Pembantu Rumah. Di sini sukalah saya menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu; rasa saya Ahli Yang Berhormat itu agaknya terkeliru sedikit tentang latihan yang diberikan, barangkali oleh institiusi yang lain. Kementerian saya ada menggalakkan rancangan latihan iaitu untuk Pembantu Rumah. Pembantu Rumah yang dimaksudkan ini ialah Pembantu Rumah yang bekerja di dalam yayasan-yayasan yang dibuat oleh Kementerian ini, iaitu merupakan in-service training. Tidaklah diambil peserta-peserta latihan ini ataupun kursus ini daripada orang-orang luar. Mereka ini bila sudah habis latihan baliklah ke tempat kerja mereka masing-masing, bukanlah latihan ini dibuat untuk mereka yang sahaja datang berlatih, lepas itu balik kampung. Saya tahu ada latihan serupa ini, tetapi bukanlah dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Am.

Saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan Ahli Yang Berhormat itu supaya rancangan kesejahteraan keluarga ini dapat diluaskan ke luar bandar dan pihak Kementerian juga memanglah ada bercadang untuk meluaskan perkhidmatan ini jika diperlukan, tetapi tentulah akan dibuat step by step ataupun dibuat dengan cara beransur-ansur.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus ada menimbulkan masaalah pengemis. Saya rasa tidak perlu lagi mengulang masaalah pengemis ini, kerana beliau itu sendiri mengetahui juga masaalah pengemis ini, bukanlah hanya terlibat kerana susah atau kerana sebenarnya miskin, tetapi ini sudah merupakan profession atau merupakan satu kerja. Dalam masaalah ini seperti yang saya telah terangkan pihak Kementerian saya telah berikhtiar seberapa boleh supaya pengemis-pengemis ini dapat kata kita kurangkan, mana yang boleh kita latih, dan suka saya menambahkan bahawa ada segolongan besar pengemis-pengemis ini ialah bekas-bekas penghuni mental asylum ataupun rumah pesakit gila. Kita bolehlah bayangkan bukan sahaja

masaalah kewangan yang ada pada mereka, tetapi juga masaalah mental. Apa yang patut dibuat oleh Kementerian ini sudah pun kita jalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus juga ada menimbulkan masaalah Rumah Perlindungan Orang-orang Perempuan. Di sini suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa mereka yang kita bawa dan diberi latihan di rumah ini ialah mereka yang sudah dihantar oleh pihak mahkamah, iaitu bukanlah semua perempuan pelacur yang kita bawa dan kita latih di situ hanyalah mereka di bawah umur 21 tahun, yang laki-laki tidak perlu dibawa sama, kalau dibawa bersama laki-laki harus ditempatkan pula Tuan Kadhi di situ. Ini rasa saya, Tuan Pengerusi, susah sedikit.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat menyatakan beberapa perkara berkenaan dengan Kementerian saya dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana persetujuan beliau di atas dasar-dasar dan rancangan-rancangan yang telah dibuat oleh Kementerian ini.

Berkenaan dengan permintaan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat itu hendak mengadakan rancangan bagi membantu nelayan-nelayan yang miskin di Tumpat sukacitalah saya memberitahu di dalam Dewan ini bahawa Kementerian saya memanglah sentiasa memandang berat apa juga masaalah-masaalah orang miskin sekadar mana yang kita boleh bantu, kita akan bantu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit ada mencadangkan supaya diadakan Tabung Bencana Inflasi dan beliau itu sendiri menyebutkan bahawa beliau rela untuk menderma sebulan elaun. Ini saya rasa satu pengorbanan yang sangat baik tetapi pada pendapat saya setakat hari ini kita belum perlu lagi bagi mengadakan Tabung Bencana Inflasi kerana kita boleh mendapat bantuan daripada Consolidated Fund, dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sendiri tahu dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini juga maklum, pihak Perbendaharaan telahpun mengambil langkah secara mana hendak mengurangkan kesusahan orang ramai dengan adanya berbagai-bagai subsidi yang diberikan oleh Kerajaan menerusi penjualan beras, penjualan gula dan lain-lain lagi maka ini juga merupakan satu langkah yang dibuat oleh Kerajaan supaya tekanan inflasi ini dapat diringan dan dikurangkan sedikit supaya ianya tidaklah begitu benar-benar dirasakan oleh orang ramai. Buat masa ini, pada pendapat saya tidaklah begitu perlu lagi diadakan satu Tabung Bencana Inflasi.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban menimbulkan masaalah bantuan kaki palsu. Kelewatan mendapat kaki palsu ini ialah kerana mereka yang sedang di dalam senarai menunggu untuk mendapatkan kaki palsu ini terlalu banyak. Walau bagaimanapun pihak saya telahpun menghubungi pihak Kementerian Kesihatan yang menyediakan kaki palsu ini. Saya telah diberi akuan bahawa kaki palsu ini tidaklah lagi lewat kerana Kementerian yang berkenaan ada mempunyai kemudahan-kemudahan membuat kaki-kaki palsu dan akan dapat menyediakannya dengan secepat mungkin.

Berkenaan dengan rungutan beliau yang menyatakan Kementerian ini kurang peruntukan, di sini sukalah saya menerangkan iaitu bantuan kepada orang-orang miskin tidaklah sepatutnya dibebankan kepada pihak Kerajaan semata-mata, oleh kerana rancangan-rancangan kebajikan seumpama ini bukan sahaja dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Am, tetapi juga oleh banyak pertubuhan-pertubuhan sukarela di negeri ini. Jadi kalaulah rakyat hanya bersikap hendak menyerahkan bulat-bulat tanggungan kebajikan ini kepada Kerajaan tentulah kita juga akan mengalami bagaimana kesulitan-kesulitan dan kerumitan-kerumitan yang sudah berlaku di setengah-setengah negara lain di dunia ini. Pihak kita ada cara-cara hidup yang lebeh baik iaitu dengan adanya tolong-menolong dan bantu-membantu di antara orang yang berada dengan orang yang tidak berada. Walaupun pada ketika ini Kementerian Kebajikan Am tidaklah mendapat peruntukan yang banyak, tetapi pihak Kerajaan menyalurkan bantuan-bantuan ini dengan cara-cara yang lain, dan Kerajaan Negeri juga ada memberi bantuan-bantuan iaitu berupa bantuan pelajaran dan lain-lain bantuan yang diperlukan oleh orang-orang miskin di tiap-tiap Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ada menyebutkan tentang bantuan am yang diberikan itu sangat kecil, ada yang $20 katanya untuk keluarga yang besar. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa bantuan yang diberi kepada kanak-kanak yang tidak ada ibu-bapa itu ada juga diberi tidak lebih daripada $100 bagi satu keluarga.

Kalau mereka ini benar-benar memerlukan bantuan, maka pegawai-pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am sentiasalah menyelidiki dan mengambil tahu mana-mana yang benar-benar hendak mendapatkan bantuan kita akan beri bantuan, tetapi sukalah saya menerangkan di sini bahawa kita hanya akan beri bantuan kepada mereka yang benar-benar dhaif dan tidak sanggup membantu diri sendiri.

Setakat itulah jawapan saya, dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang baik yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini berkenaan dengan Kementerian saya. Mana-mana syor yang elok itu, kita akan cuba jalankan untuk memperbaiki lagi perkhidmatan daripada Kementerian Kebajikan Am.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $15,490,170 untuk Kepala B. 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak $2,042,740 untuk Kepala P. 63 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan untuk membentangkan peruntukan di bawah Kepala Perbekalan B. 64 dan B. 65 dan juga Kepala Pembangunan P. 64 dan P. 65.

*Kepala B. 64 dan B. 65 (Jadual)—*

*Kepala P. 64 dan P. 65 (Anggaran Pembangunan, 1975)—*

*5.16 ptg.*

**Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Pengerusi, saya mohon bahawa perbelanjaan untuk tahun 1975 yang ditunjukkan di bawah Kepala B. 64 dan Kepala P. 64 berjumlah $407,750,716 dan B. 65 dan Kepala P. 65 berjumlah $7,394,387 bagi Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan diluluskan.

*Kepala B. 64*

Dengan mengambil Kepala B. 64 dahulu, peruntukan sebanyak $66,711,650 adalah diminta. Jumlah ini jika dibandingkan dengan $61,605,300 bagi tahun 1974, menunjukkan pertambahan sebanyak $5.1 juta. Pertambahan ini adalah dikehendaki oleh kerana pertambahan peruntukan bagi tahun 1975 untuk gaji dan perkhidmatan pelbagai.

Di bawah Pecahan-kepala gaji, peruntukan sebanyak $20,577,020 adalah diminta. Jumlah ini menunjukkan pertambahan sebanyak $2.03 juta apabila dibandingkan dengan peruntukan sebanyak $18,547,820. Tambahan ini adalah dikehendaki oleh kerana tambahan gaji kakitangan akibat tambahan untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua, dan juga kenaikan gaji kakitangan yang sedia ada.

Untuk perkhidmatan pelbagai, peruntukan sebanyak $41,962,350 adalah dikehendaki. Peruntukan ini jika dibandingkan dengan peruntukan tahun 1974 iaitu $39,458,750, menunjukkan pertambahan sebanyak $2.5 juta dan tambahan ini adalah untuk maksud perkhidmatan penyenggaraan yang ada di Kementerian ini seperti penyenggaraan jalan-raya-jalanraya Persekutuan dan Jambatan termasuk Lapangan Terbang dan kerja-kerja laut, penyenggaraan bangunan-bangunan kerajaan persekutuan di seluruh Malaysia dan juga penyelenggaraan alat-alat jentera dan kelengkapan berat.

Di bawah Pecahan-kepala 21 (Perjalanan dan Pengangkutan Orang), peruntukan sebanyak $541,900 adalah diminta. Peruntukan ini dikehendaki untuk membolehkan pegawai-pegawai kementerian dan Ibu Pejabat J.K.R. menjalankan tugas-tugas rasmi mereka di luar daripada Kuala Lumpur. Di bawah Pecahan-kepala 22 peruntukan sebanyak $78,850 adalah diminta untuk pengangkutan barang-barang dan peruntukan sebanyak $253,050 adalah diminta untuk kemudahan perhubungan di bawah Pecahan-kepala 23. Di bawah Pecahan-kepala 24 peruntukan sebanyak $887,800 adalah diminta untuk pembayaran api, air dan letrik dan bil-bil yang lain. Selain daripada bangunan Kementeran dan Ibu Pejabat J.K.R. peruntukan ini adalah dikehendaki untuk menemui bil-bil bagi 9 buah bangunan-bangunan kegunaan sama di seluruh Semenanjung Malaysia. Bangunan-bangunan ini walaupun diduduki oleh beberapa Kementerian dan Jabatan-jabatan Persekutuan tetapi adalah diselenggarakan oleh Kementerian ini.

Peruntukan sebanyak $19,570 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 25 iaitu untuk tujuan berbagai penyewaan seperti alat

mesin N.C.R. dan lain-lain, manakala peruntukan sebanyak $98,000 adalah diminta untuk perkhidmatan percetakan di bawah Pecahan-kepala 26. Perkhidmatan Percetakan ini termasuklah percetakan tiket-tiket musim ketiga rumah-rumah Tol di Semenanjung Malaysia.

Di bawah Pecahan-kepala 27, peruntukan sebanyak $289,700 adalah diminta untuk pembelian bekalan-bekalan dan bahan-bahan untuk kegunaan Kementerian dan Ibu Pejabat J.K.R. Di bawah Pecahan-kepala 31 sebanyak $1,387,900 adalah diminta. Peruntukan ini ialah untuk pembelian alat-alat teknik oleh J.K.R. dan juga pembelian perabut-perabut. Di bawah Pecahan-kepala 33, peruntukan sebanyak $445,000 adalah diminta untuk kerja-kerja kecil bagi bangunan-bangunan Kementerian ini dan peruntukan sebanyak $29,600 adalah diminta bagi Pecahan-kepala 41 untuk pemberian subsidi dan caruman.

JALANRAYA DAN JAMBATAN

Di bawah Kepala P. 64, sepertimana tahun-tahun lepas, jumlah peruntukan yang tinggi sekali di bawah Kepala Pembangunan Kementerian ini ialah untuk Jalanraya dan Jambatan. Jumlah peruntukan ini ialah sebanyak $210,924,769 iaitu $154,029,080 untuk Semenanjung Malaysia $24,095,689 untuk Sarawak dan $32,800,000 untuk Sabah.

SEMENANJUNG MALAYSIA

Bagi tahun 1975 sebanyak $154,029,080 adalah diminta untuk Semenanjung Malaysia iaitu untuk melanjutkan kerja-kerja membaiki dan pembinaan terhadap jalanraya dan jambatan serta untuk kajian kemungkinan dan rekabentuk kejuruteraan bagi jalan-jalanraya yang sedia ada dan juga untuk jalan-jalanraya yang bahru. Rancangan ini adalah disediakan untuk memenuhi kehendak-kehendak pengangkutan bagi jalan-raya-jalanraya yang lebih baik dengan tujuan bahawa kegiatan-kegiatan nasional dibidang indastri dan pertanian boleh dicapai. Kerja-kerja untuk perlaksanaan rancangan-rancangan ini yang telah bertambah dari tahun 1971 hingga 1974 dan akan bertambah selanjutnya pada tahun 1975.

Di bawah Kepala 1 hingga 4, peruntukan sebanyak $22,330,030 adalah diminta untuk kerja-kerja membaiki jalanraya-jalanraya dan jambatan yang sedia ada. Peruntukan sebanyak $4,030,030 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 1 bagi membaiki jalan 1 dan jambatan-jambatan. Dari jumlah ini, $2 juta adalah digunakan untuk memperbaiki jalan-jalan dari Johor Bahru Causeway ke Batu 6¾ dan $500,000 adalah untuk memperbaiki Jalan Tanjong Malim By-pass. Sementara yang lainnya adalah untuk kerja-kerja pembaikan yang lain. Di bawah Pecahan-kepala 2, peruntukan sebanyak $8,700,000 adalah diminta. Peruntukan ini akan digunakan untuk memperbaiki beberapa bahagian Jalan-jalan Persekutuan yang sedia ada di antara Pelabuhan Kelang hingga ke Kuantan dan dari jumlah peruntukan ini sebanyak $4,000,000 untuk membina jambatan baharu Kelang dan viaduct, $1,500,000 untuk pembinaan jalan Kuantan By-pass. Juga sebanyak $1,500,000 adalah untuk memperbaiki Jalan North Klang Straits By-pass dan $1 juta untuk Jalan Empat Hala Port Klang dan ini termasuk viaduct dekat bulatan Jalan Langat dan $50,000 untuk rekabentuk Jalan Dua Hala dari Batu 6 hingga ke Bandar Kuantan.

Peruntukan sebanyak $2,000,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 3 bagi membaiki jalan 111 dan jambatan-jambatan. Dari jumlah peruntukan ini, sebanyak $750,000 akan digunakan bagi memperbaiki jalan di antara Kuala Trengganu dengan Kota Bharu iaitu di antara batu 44.0 hingga batu 53.0 dan $1,000,000 akan dibelanjakan bagi jambatan Jerteh yang baharu atau sedang dibina pada waktu ini. Sementara di Kelantan pula sebanyak $50,000 akan diuntukkan bagi memperbaiki jalan dari batu 25¾ ke batu 5¼ Jalan Kuala Trengganu (Kota Bharu).

Peruntukan sebanyak $7,600,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 4 bagi membaiki lain-lain Jalan Persekutuan dan jambatan. Secara menyeluruh dari jumlah ini sebanyak $2,000,000 adalah dikhaskan bagi pembinaan Jambatan Jerantut. $1,000,000 bagi pembinaan Jalan Dabong/Jeli, $1,000,000 bagi memperbaiki Jalan Bahau/Temerloh iaitu di antara batu 109 hingga batu 77 dekat Temerloh. $1,000,000 dikhaskan bagi pembinaan jambatan di Kuala Selangor dan ini termasuk town by-pass. Selain dari itu kerja-kerja lain akan juga dibuat seperti membina Jambatan Endau, jambatan di Kuala Rompin dan beberapa kerja-kerja memperbaiki jalan yang lain.

Dengan tujuan membaiki lagi lalulintas di Ibu Kota Kuala Lumpur peruntukan sebanyak $4.5 juta adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 5. Peruntukan ini adalah dikehendaki bagi membayar kerja-kerja pembinaan dua viaduct besar yang dibina di Jalan Sungai Besi dan Jalan Yew.

Peruntukan sebanyak $82,400,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 6 bagi membina jalanraya-jalanraya baharu. Di antara kerja-kerja yang akan dilakukan hasil dari peruntukan ini adalah:

(1) Jalanraya Kuala Lumpur/Petaling Jaya dan interchange: Peruntukan sebanyak $29,000,000 adalah diminta untuk membolehkan pihak J.K.R. menjalankan kerja-kerja pembinaan projek ini. Projek yang besar ini akan mengadakan 6 lane divided highway di antara Sungai Way dan Jalan Lornie dengan tambahan dua lane lagi di antara Simpang E.P.F. dan Simpang Jalan Pantai Baru serta lorong basikal selebar 12 kaki di kedua-dua belah. Projek ini juga akan mengandungi 5 buah grade separated intersections dan jalanraya empat jalor di sepanjang jalan Pantai Baru.

(2) Kerja-kerja memperbaiki Jalan I bagi tahun 1975 sebanyak $26,500,000 adalah diminta di bawah projek ini, dan kerja-kerja pembinaan dan pembaikan telah bermula pada tahun 1974 dan akan terus dijalankan pada tahun 1975 terhadap jalanraya yang ada sekarang dari Kuala Lumpur ke Seremban dan pembinaan empat jalor di antara Kuala Lumpur ke Seremban. Dari peruntukan ini juga akan digunakan untuk kerja-kerja membaiki jalan di antara Kuala Lumpur/Batang Kali.

(3) Jalanraya Kuala Lumpur/Karak: Jumlah kos bagi membina jalan sepanjang 45 batu ini adalah $110.58 juta. Bagi tahun 1975, peruntukan sebanyak $15,000,000 adalah dikehendaki untuk meneruskan kerja-kerja projek ini yang mana dijangkakan siap pada tahun 1977.

(4) Jalan Kuantan/Segamat: Kos bagi membina jalan ini ialah $89 juta dan peruntukan yang diminta bagi tahun 1975 ialah $9,800,000. Kerja rekabentuk Paloh Hinai-Sungai Rompin sepanjang 35 batu telah siap pada tahun 1974.

(5) Peruntukan tanda sebanyak $10 adalah dikehendaki bagi tiap-tiap projek Jalan Dato Keramat/Jalan Gurney dan Jalan Kota Bharu/Rantau Panjang untuk kajian dijalankan sekiranya dianggap perlu.

Peruntukan sebanyak $5,000,000 adalah dikehendaki di bawah Pecahan-kepala 7 untuk jalan pembangunan dalam rancangan-rancangan LKTP. Perlaksanaan projek-projek di bawah Pecahan-kepala ini adalah memberi sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi negara ini. Peruntukan di bawah Pecahan-kepala ini akan dibelanjakan sepertimana diputuskan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Peruntukan sebanyak $4,310,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 9 untuk pemberian bantuan kepada Perbandaran-perbandaran untuk membina jalanraya-jalanraya. Antara bandaraya yang menerima bantuan itu ialah Kuala Lumpur, Melaka, George Town dan Ipoh. Projek-projek yang akan dijalankan secara keseluruhannya adalah untuk membaiki lagi sistem lalulintas di bandaraya-bandaraya itu.

Di bawah Pecahan-kepala 10, sebanyak $300,000 diminta untuk banci jalan lalulintas. Peruntukan khas untuk tujuan ini adalah sangat-sangat penting di mana dengan banci-banci ini membolehkan kerja-kerja memperbaiki jalanraya dijalankan juga dapat membantu untuk projek-projek pembinaan jalanraya pada masa hadapan.

Di bawah Pecahan-kepala 14, peruntukan sebanyak $33,360,000 adalah diminta untuk pembinaan Jalanraya Timur Barat. Dari jumlah ini $29,000,000 adalah digunakan untuk kerja-kerja pembinaan jalan dan jambatan projek itu dan $4,360,000 adalah untuk membeli alat-alat kelengkapan. Kos bagi menjayakan projek ini ialah $163.0 juta dan ini melibatkan terbinanya nanti jalan sepanjang 72 batu. Kejayaan yang dicapai setakat ini ialah di sebelah timur, pembinaan jalan sementara (pilot track) dan kerja membersihkan hutan telah sampai ke batu 15½. Kerja-kerja Tanah (earthworks) telah mencapai setakat batu 13. Di sebelah barat pula, kerja-kerja membina Jambatan Sungai Lebey hampir siap dan kerja-kerja tanah yang telah siap berjumlah 13 batu.

Peruntukan sebanyak $780,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 15 untuk memperbaiki jalan-jalan kecil Rancangan

Taliair Muda. Peruntukan ini adalah dikehendaki bagi meneruskan lagi kerja-kerja yang telah berjalan semenjak tahun 1970. Kerja-kerja yang telah disiapkan setakat ini ialah Jalan Kodiang/Sanglang, Jalan Batu 10/Lana Bulu/Kerpan juga Jalan Tanjong Air Hitam. Kerja-kerja rekabentuk jambatan Jitra/Sungai Korok sedang dijalankan oleh pakar perunding. Sementara di Perlis kesemua projek-projek di bawah peruntukan ini telahpun disiapkan.

Di bawah Pecahan-kepala 16, peruntukan sebanyak $400,000 adalah diminta untuk kerja-kerja yang tidak dijangkakan terhadap jalan-jalan seperti memperbaiki, pengantian secara kecilan terhadap struktrur jalanraya. Sebanyak $159,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 17 untuk kerja-kerja memperbaiki dan pengantian terhadap jalan-jalanraya Negeri dan jambatan yang dilanda banjir. Sementara di bawah Pecahan-kepala 18, peruntukan sebanyak $190,000 adalah diminta untuk melanjutkan kerja-kerja kajian penyenggaraan jalanraya. Peruntukan ini adalah untuk tujuan menyiapkan kerja-kerja kajian terhadap jalanraya di mana dengan kajian ini nanti dapatlah pihak Jabatan Kerjaraya membuat satu progrem bagi kerja-kerja penyenggara jalanraya Persekutuan dan juga Negeri bagi tahun 1976-1980.

Peruntukan sebanyak $100,000 adalah dikehendaki di bawah Pecahan-kepala 19 untuk Jalan Jerangau/Jabor dan ini dikehendaki bagi tujuan kerja-kerja kejuruteraan dan peruntukan tanda $10 adalah juga diminta di bawah Pecahan-kepala ini untuk tujuan kerja-kerja pembinaan.

Di bawah Pecahan-kepala 20, peruntukan tanda sebanyak $10 adalah diminta untuk tujuan kerja-kerja kajian rekabentuk Jalan Kuala Krai/Gua Musang dan peruntukan tanda $10 juga diminta di bawah Pecahan-kepala 21 untuk kajian kejuruteraan bagi jambatan yang menghubungkan Pulau Pinang dengan Tanah Besar Semenanjung Malaysia.

SARAWAK

Peruntukan sebanyak $24,095,689 adalah diminta bagi Jalanraya dan Jambatan untuk negeri Sarawak bagi tahun 1975. Dari peruntukan ini, $12,795,496 untuk pembinaan jalanraya baru dan jambatan di Sarawak. Projek-projek besar yang akan dijalankan dari peruntukan itu ialah untuk penyambung kerja-kerja seterusnya projek Jalanraya Simanggang/Sibu dan projek Jalanraya Ulu Oya juga projek-projek yang lain seperti di bawah:

(i) Projek Jambatan Rancangan Colombo.
(ii) Projek Jalan Miri/Bintulu.
(iii) Projek Ulu Batang Mukah/Bintulu.
(iv) Projek Jalan Lawas/Merapok/Sindumin.
(v) Projek Jalan Beluru/Long Teru.
(vi) Projek Jalan Bintulu/Tanjong Kidurong.

(i) *Projek Jambatan Rancangan Colombo*

Peruntukan sebanyak $327,000 adalah diminta di bawah projek ini di mana akan digunakan untuk membayar alat-alat jambatan untuk jambatan-jambatan di Sungai Sibuti, Sungai Sibiu dan Sungai Suai di mana kesemuanya adalah di Bahagian Keempat Sarawak.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

(ii) *Projek Jalan Miri/Bintulu*

Peruntukan sebanyak $2 juta adalah dikehendaki bagi tujuan membina jambatan-jambatan tetap sepanjang jalanraya ini dan membaiki serta mengasfal sebahagian daripada 65 batu jalanraya dari Bintulu ke Suai dan ini adalah disebabkan terdapatnya cadangan pembangunan perusahaan kayu balak di sekeliling kawasan itu dengan pengeluaran sebanyak setengah juta tan setahun.

(iii) *Jalanraya Ulu Batang Mukah/Bintulu*

Peruntukan sebanyak $3.0 juta adalah diminta di bawah projek ini untuk melanjutkan projek-projek pembinaan jalan ini. Buat masa ini sepanjang 18 batu telahpun siap. Panjang jalan ini apabila siap ialah 82 batu.

(iv) *Jalanraya Lawas/Merapok/Sindumin*

Peruntukan sebanyak $2.8 juta adalah diminta untuk melanjutkan kerja-kerja pembinaan jalan ini di mana buat masa ini sepanjang 7 batu daripada jalan ini telahpun siap. Panjangnya jalan ini apabila siap ialah 14 batu.

(v) *Jalanraya Beluru/Long Teru*

Menurut Rancangan Malaysia Kedua, jalan ini telahpun dinaikkan tarafnya ke jalanraya besar. Peruntukan sebanyak $2.8 juta adalah untuk melanjutkan kerja-kerja

pembinaan jalan ini di mana sepanjang 9 batu daripada jalan ini telahpun siap. Panjang jalan ini apabila siap ialah 14 batu.

(vi) *Jalanraya Bintulu/Tanjong Kidurong*

Peruntukan sebanyak $1.8 juta pada tahun 1975 adalah untuk melanjutkan kerja-kerja pembinaan jalan ini dan projek ini adalah penting memandangkan hasil kayu-kayan yang banyak di situ (suku juta tan tiap-tiap tahun).

Di bawah Pecahan-kepala 25 iaitu membaiki lain-lain jalanraya besar, peruntukan sebanyak $9,626,066 adalah diminta. Projek-projek besar yang akan terlibat hasil dari peruntukan ini ialah:

(i) Mengasfal Jalan Kuching/Sibu.
(ii) Jambatan Sungai Sarawak di Satok.
(iii) Jalanraya Matang/Istana.

(i) *Mengasfal Jalan Kuching/Sibu*

Peruntukan sebanyak $2.6 juta adalah diminta bagi menjalankan kerja-kerja bitumen-sealing Jalan Kuching/Sibu.

(ii) *Jambatan Sungai Sarawak di Satok*

Peruntukan sebanyak $1.7 juta adalah dikehendaki pada tahun 1975 untuk kerja-kerja penyiapan jambatan ini.

(iii) *Jalanraya Matang/Istana*

Peruntukan sebanyak $3.7 juta adalah dikehendaki bagi kerja-kerja penyiapan jalan ini dan ini termasuk kerja-kerja bitumen kepada jalan tersebut.

Di bawah Pecahan-kepala 27, peruntukan sebanyak $200,000 adalah diminta bagi tahun 1975 untuk kajian jalanraya. Peruntukan ini adalah untuk tujuan-tujuan mengkaji, mengukur dan merekabentuk bagi beberapa projek jalanraya baru yang akan dibina pada tahun 1975 juga untuk jalan-jalan di masa Rancangan Malaysia Ketiga.

Di bawah Pecahan-kepala 27, peruntukan sebanyak $1,474,117 adalah diminta untuk tujuan membina jalanraya yang baru ke kawasan-kawasan pembangunan.

SABAH

Di bawah Pecahan-kepala 31 peruntukan sebanyak $32,800,000 adalah diminta untuk jalan-jalanraya dan jambatan di Sabah. Dari peruntukan ini sebanyak $32,000,000 adalah untuk jalan-jalanraya besar, sebanyak $500,000 untuk Jalanraya Timur/Barat dan $300,000 untuk penyiasatan dan penyelidikan jalanraya.

Projek-projek yang akan dijalankan di bawah rancangan jalanraya besar yang akan dilaksanakan ialah:

(*a*) *Jalanraya Tawau-Kunak-Sempurna*

Peruntukan sebanyak $1.9 juta adalah diminta untuk menyiapkan sealing jalan ke Pengagau dan untuk menyiapkan kerja-kerja bagi pembinaan Jambatan Balung dan beberapa kerja-kerja sealing jalan yang lain.

(*b*) *Jalanraya Sandakan/Telupid*

Peruntukan yang diminta ialah $4.5 juta dimana ini adalah untuk kerja-kerja penyiapan kerja-kerja sealing jalan hingga ke batu 36, kerja-kerja membina semula jalan antara batu 14 hingga 17 dan kerja-kerja carpeting jalan di batu 7 hingga batu 17.

(*c*) *Jalanraya Kota Kinabalu/Moyog/Kirokot/Ranau*

Peruntukan yang diminta ialah $5.5 juta untuk meneruskan kerja-kerja mengasfal jalanraya antara Moyog-Sinsuron, juga untuk pembinaan jambatan-jambatan antara Sinsuron dan Ranau.

(*d*) *Jalan Tenom/Keningau*

Peruntukan yang diminta ialah $500,000 walaupun jalan ini telahpun rosak akibat dilalui oleh kenderaan berat seperti lori kayu balak dan kerja-kerja mengasfal akan hanya dijalankan pada tahun 1976 tetapi peruntukan itu adalah perlu untuk kerja-kerja formation.

(*e*) *Jalanraya Kunak-Lahad Datu-Sandakan*

Peruntukan sebanyak $4.2 juta diminta untuk kerja-kerja menyiapkan pembinaan Jambatan Segaliud, dan akan digunakan untuk pembinaan jalan baru gravel sepanjang 16 batu daripada batu 16 hingga batu 32 di Segama.

(*f*) *Mengadakan Bitumen terhadap Jalan Pantai Barat*

Sebanyak $10,500,000 adalah dikehendaki bagi tujuan menjayakan projek ini bagi tahun 1975. Peruntukan ini dikehendaki bagi pembinaan Jambatan Tamparuli, Jambatan Papar dan tiga jambatan di jalan-jalan menghala ke Papar. Peruntukan ini juga

membolehkan kerja-kerja memperbaiki jalan-jalan antara Likas dan Telipot dan juga kerja-kerja membina jalan sepanjang 10 batu antara Kota Belud dan Kudat.

(*g*) *Jalanraya Keningau Sepulot*

Sebanyak $4.8 juta adalah diminta bagi tahun 1975 khas bagi projek ini dan peruntukan ini adalah untuk tujuan membina Jambatan Pegalan, Jambatan Sook dan juga kerja-kerja pembentukan jalan antara batu 72-80.

Di bawah Pecahan-kepala 34 iaitu Jalanraya Timur/Barat (Telupid/Ranau), peruntukan sebanyak $500,000 adalah diminta dan di bawah Pecahan-kepala 35, peruntukan sebanyak $300,000 adalah dikehendaki untuk digunakan bagi penyiasatan khas terhadap projek-projek yang belum dipersetujui untuk dilaksanakan di Negeri Sabah.

BEKALAN AIR

Peruntukan yang diminta di bawah Pecahan-kepala 41 berjumlah $67,072,652 ialah untuk bekalan air. Daripada peruntukan ini, jumlah sebanyak $8,052,562 adalah perbelanjaan cara langsung dan bakinya sebanyak $50,020,090 adalah pinjaman. Perbelanjaan cara langsung sebanyak $8,052,562 dan $41,420,090 sebagai pinjaman adalah untuk Semenanjung Malaysia dan untuk Negri Sarawak pula ialah $12,600,000 sebagai pinjaman dan Sabah adalah diuntukkan $5 juta sebagai pinjaman.

SEMENANJUNG MALAYSIA

Jumlah peruntukan yang diminta sebagai peruntukan cara langsung ialah $8,032,562 dan $41,420,090 adalah pinjaman.

Peruntukan tanda $10 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 41 bagi rancangan-rancangan bekalan air Negeri Johor. Cadangan untuk meluaskan lagi keupayaan Treatment Plant untuk menampung bandar-bandar baru yang akan ujud di Johor Tenggara sedang berjalan. Untuk makluman projek-projek bekalan air Johor Bahru yang melibatkan kos sebanyak $1.4 juta, juga projek bekalan air Batu Pahat Utara ($644,000) dan juga bekalan air Telok Mahkota, Kuala Sedili dan bekalan air di Pontian adalah siap pada tahun 1974.

Peruntukan tanda $10 juga diminta di bawah Pecahan-kepala 42 untuk Rancangan Empang Jalan Sungai Teberau. Lapuran kajian kemungkinan telahpun disediakan oleh pakar perunding untuk rancangan bekalan air di kawasan Timur Sungai Teberau.

Di bawah Pecahan-kepala 43, pinjaman sebanyak $1,750,000 adalah diminta untuk rancangan bekalan air Batu Pahat, Peringkat 11. Rancangan ini akan memberi tambahan sebanyak 3.5 juta gelen sehari di mana buat masa ini kekurangan bekalan air terdapat. Juga dengan tambahan bekalan-bekalan air ini dapat meluaskan lagi bekalan air ke kawasan luar bandar terutamanya di Tanjong Sebrang dan Simpang Kanan.

Peruntukan tanda $10 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 44 untuk bekalan air di kawasan perusahaan dan pelabuhan dekat Masai. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membiayai projek bekalan air ini dan kerja-kerja telah dimulakan pada bulan Mac, 1974 yang lepas.

Sebanyak $1,000,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 46 untuk Rancangan-rancangan Bekalan Air negeri Kedah. Di bawah projek ini, pembelian alat-alat bagi mengeluarkan tambahan 3 juta gelen sehari di Sungai Petani Treatment Plant adalah disetujui. Kerja-kerja yang terlibat ialah tambahan pemasangan pam dan pembinaan penapis-penapis dan lain-lain alat yang diperlukan. Begitu juga dengan rancangan bekalan air Alor Star, Peringkat 111 di mana perlu tambahan 5 juta gelen sehari ini disebabkan pesatnya indastri-indastri dan pembangunan berlaku di Alor Star.

Sebanyak $250,010 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 51 untuk Rancangan Bekalan Air Negeri Kelantan. Projek ini termasuklah projek bekalan air Machang, bekalan air Tempatan dan Bandaran, bekalan air Kota Bharu dan Tumpat juga bekalan air Kuala Karai. Cadangan belum lagi diterima dari Kerajaan Negeri mengenai Rancangan Bekalan Air Machang dan bekalan air Tempatan dan Bandaran. Rancangan untuk Kota Bharu, Kota Bharu/Pasir Mas/Tumpat/Pasir Puteh dan Bachok akan dijalankan di mana penyelidikan telah dijalankan dalam tahun 1974.

Di bawah Pecahan-kepala 56 sebanyak $10 juta pinjaman adalah diminta untuk Rancangan Bekalan Air Melaka. Peruntukan ini adalah untuk melaksanakan projek bekalan air Durian Tunggal, Melaka Peringkat I di mana dijangkakan dapat mengeluarkan 6

juta gelen sehari dan dijangka siap pada tahun 1975. Di bawah Pecahan-kepala 61, peruntukan tanda $10 adalah diminta sebagai peruntukan cara langsung sementara pinjaman sebanyak $5,000,000 adalah diminta pada tahun 1975 untuk projek Rancangan Bekalan Air Negri Sembilan. Pada masa ini tiada bekalan air di kawasan Johol/ Gemencheh dan Batang Melaka, dengan ini pihak Jabatan Kerja Raya telah bercadang untuk membina rancangan bekalan air dengan keupayaan 1 juta gelen sehari di kawasan ini di mana dijangka kos membinanya adalah $3.45 juta. Juga dari peruntukan ini akan digunakan untuk menambah keupayaan membekalkan air daripada 250 gelen sehari kepada 720 gelen sehari di kawasan Bahau. Kerja-kerja menambah bekalan air yang sedia ada akan juga dijalankan di kawasan Kuala Pilah Barat dan di Ladang Geddes.

Peruntukan tanda $10 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 66 untuk Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Pahang, sementara di bawah Pecahan-kepala 71, peruntukan sebanyak $770,000 adalah diminta untuk melaksanakan Rancangan Bekalan Air Pulau Pinang. Antara rancangan yang akan dijalankan ialah untuk menambah bekalan air Sungai Muda, Peringkat I di mana jumlah keupayaan bekalan air ini nanti dijangka akan mengeluarkan 30 juta gelen sehari.

Sebanyak $500,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 76 untuk Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Perak. $160,000 daripada peruntukan ini adalah untuk membina Treatment Plant di rancangan bekalan air Krian dan bagi bekalan air Dindings/Kinta, sebanyak $290,000 adalah diminta untuk membesarkan lagi bekalan air yang ada di Dindings/Kinta dan sebanyak $50,000 pinjaman adalah diminta untuk bekalan air Lumut Naval Base untuk tujuan penambahan bekalan air yang sedia ada.

Sebanyak $12 juta pinjaman adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 77 untuk bekalan air Kinta, peringkat II untuk menambah bekalan air di situ menjadi 40 juta gelen sehari untuk membekalkan air ke bandar Ipoh dan kawasan sekitar. Adalah dijangkakan dengan siapnya rancangan ini, bekalan air adalah mencukupi untuk menampung kehendak-kehendak penduduk sekitar hingga tahun 1992.

Peruntukan pinjaman sebanyak $100,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 81 untuk membiayai Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Perlis. Rancangan bekalan air yang akan dijalankan termasuk Rancangan Air Padang Besar di mana pihak jururunding sedang mengkaji kawasan ini, begitu juga dengan Rancangan Bekalan Air Perlis Utara.

Peruntukan sebanyak $10 adalah diminta di bawah pecahan-kepala 86 untuk Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor, selain daripada bekalan air Kuala Lumpur yang mana kerja-kerja telah siap pada tahun 1974. Peruntukan di bawah Pecahan-kepala 87 ialah untuk membiayai rancangan bekalan air baharu Kuala Lumpur di mana apabila rancangan ini siap dapat mengeluarkan air 85 juta gelen sehari dan akan dapat menampung kehendak-kehendak penduduk Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan juga Lembah Klang hingga tahun 1985. Di bawah rancangan bekalan air baharu Kuala Lumpur, Peringkat II (Pecahan-kepala 87) pinjaman $10,000,000 adalah diminta.

Sebanyak $50,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 91 untuk Rancangan-rancangan Bekalan Air Negeri Trengganu. Antara projek yang telah siap ialah bekalan air Dungun dan bekalan air Kemaman. Kajian yang dilakukan oleh pakar perunding untuk membekalkan air ke kawasan Jerteh, Kampung Raja dan Kuala Besut juga sedang dijalankan.

Peruntukan pinjaman $10 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 92 untuk bekalan air Kuala Trengganu dan telah dicadangkan untuk menjalankan rancangan bekalan air ke kawasan ini yang akan dapat mengeluarkan 6.8 juta gelen sehari.

Peruntukan sebanyak $2,000,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 93 untuk rancangan bekalan air luar bandar. Peruntukan ini adalah bertujuan untuk menolong Negeri-negeri mengadakan bekalan air ke kawasan-kawasan luar bandar. Pada tahun 1974 telah dipersetujui bahawa setiap rancangan bekalan air luar bandar Kerajaan akan memberi bantuan 50% daripada kos rancangan itu.

Sebanyak $5,000,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 100 untuk rancangan-rancangan bekalan air LKTP. Rancangan ini adalah untuk membekalkan air ke tiap-tiap rumah yang terdapat di kawasan per

kampungan LKTP. Sebanyak $1,026,552 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 102 untuk tujuan penyiasatan punca-punca air di bawah tanah. Dengan pertolongan German Hydrogeological Mission, penyiasatan terhadap punca-punca bekalan air bawah tanah akan dijalankan di kawasan Padang Besar, Kota Bharu, Jengka Tiga Segi, Pahang Tenggara, Kuala Trengganu dan juga kawasan-kawasan Johor Tenggara dan Tanjong Penggerang.

SARAWAK

Dari jumlah pinjaman $12,600,000 untuk Sarawak, sebanyak $8 juta adalah untuk bekalan air Kuching dan $4.6 juta adalah untuk bekalan air Sibu. Di bawah projek bekalan air Kuching, kerja-kerja pembinaan akan dijalankan untuk mengeluarkan bekalan air sebanyak 6 juta gelen sehari di Batu Kitang dan kerja-kerja pembinaan tempat penyimpanan air sebanyak 90 juta gelen di Matang dijangka siap pada tahun 1975. Dengan penyiapan tempat menyimpan air ini akan dapat mengeluarkan air 2 juta gelen sehari sepanjang tahun. Rancangan Bekalan Air Niah-Subis akan menelan belanja $2.5 juta dan dari jumlah $2.2 juta adalah dari pinjaman Kerajaan Pusat. Peruntukan ini adalah untuk membeli alat-alat pembinaan Treatment Plant dengan keupayaan mengeluarkan air 2 juta gelen sehari.

Di bawah Rancangan Bekalan Air Sibu sebanyak $2.4 juta pinjaman diperlukan bagi tahun 1975. Projek meluaskan bekalan air Sibu mengandungi pembinaan 4 juta gelen sehari Treatment Plant yang dikehendaki di situ.

SABAH

Untuk Sabah, peruntukan sebanyak $5 juta adalah dikehendaki untuk bekalan air di bawah Pecahan-kepala 108. Peruntukan ini akan diberi sebagai pinjaman untuk projek-projek di antara lain seperti berikut:

(i) *Kota Kinabalu Peringkat II* (*$1,200,000*)
Kerja-kerja telah dimulakan pada tahun 1974 untuk menambah bekalan air Kota Kinabalu di Moyog iaitu daripada 5 kepada 8 juta gelen sehari.

(ii) *Sambungan Kudat ke Sikutai* (*$800,000*)
Peruntukan ini membolehkan kerja-kerja berlanjutan rancangan bekalan air dari Kudat ke Kem Tentera-tentera berdekatan dengan Sikutai. Projek ini dijangka akan siap pada tahun 1976.

(iii) *Tambahan kepada rancangan di Tawau* (*$300,000*)
Peruntukan ini dikehendaki untuk menambah bekalan air Tawau seperti membayar perkhidmatan jururunding dan juga membeli alat-alat tambahan untuk kegunaan rancangan ini.

(iv) *Rancangan Bekalan Air Labuan Peringkat II* (*$1,000,000*)
Peruntukan ini dikehendaki untuk menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan lain-lain kerja yang bersangkutan di mana dengan siapnya rancangan ini nanti akan dapat membekalkan air 2 juta gelen sehari.

(v) *Rancangan Air Sempurna* (*$400,000*)
Rancangan ini adalah bertujuan untuk menambah bekalan air Sempurna sebanyak 2 juta gelen sehari.

(vi) *Rancangan Bekalan Air Lahad Datu Peringkat II* (*$300,000*)
Rancangan ini bertujuan untuk menambah bekalan air Lahad Datu sebanyak 2 juta gelen sehari.

BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN (SELAIN DARIPADA PERUMAHAN)

Peruntukan sebanyak $42,224,442 adalah diminta untuk Bangunan-bangunan Kerajaan di bawah Pecahan-kepala 112 hingga Pecahan-kepala 135. Peruntukan ini termasuk pinjaman sebanyak $3,850,000 iaitu $1,350,000 untuk Istana Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah, $1 juta untuk Bangunan Kerajaan Negeri Kuala Trengganu, $1 juta untuk Bangunan Lembaga Kemajuan Perusahaan dan lain-lain Lembaga Berkanun dan $500,000 untuk Istana Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan. Sementara itu peruntukan cara langsung ialah $32,705,010 adalah untuk Semenanjung Malaysia $4,748,422 untuk Sarawak dan $920,101 untuk Sabah.

Di bawah Pecahan-kepala 112, peruntukan sebanyak $15,000,000 adalah diminta untuk Pejabat-pejabat Baru Kerajaan Persekutuan (di luar Kuala Lumpur). Peruntukan ini adalah untuk menemui pembangunan-pembangunan kemajuan kontrek bagi Pejabat Bangunan-bangunan Baru 13 Tingkat di

Seremban, Kota Bharu, Kuantan, Kuala Trengganu, 4 Tingkat di Kangar, Temerloh, Telok Anson, Taiping, Ibupejabat MADA di Alor Star, 10 Tingkat di Melaka, Johor Bharu dan Alor Star.

Di bawah Pecahan-kepala 113—Pejabat-pejabat Baru Kerajaan Persekutuan (Kuala Lumpur), peruntukan sebanyak $15,000,000 adalah diminta untuk melaksanakan projek-projek seperti berikut:

(i) Kompleks Perdana Menteri (Bahagian Kedua) di Jalan Datuk Onn.

(ii) Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan di Jalan Tun Ismail.

(iii) Ibupejabat Imigeresen di Jalan Shaw.

(iv) Pejabat Perbendaharaan di Jalan Duta.

(v) Biro Siasatan Negara di Jalan Duta.

(vi) Kementerian Pertanian di Jalan Swettenham.

(vii) Kementerian Pelajaran di Jalan Duta.

(viii) Kementerian Perdagangan dan Perindastrian di Jalan Duta dan beberapa projek lain bangunan yang akan dijalankan di Wilayah Persekutuan.

Peruntukan sebanyak $400,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 114. Ini adalah untuk meminda dan membaharui Bangunan Kerajaan Persekutuan di Semenanjung Malaysia. $5,000 adalah diminta untuk menemui pengangkutan dan perjalanan bagi pegawai-pegawai yang mengurus projek-projek bangunan Kerajaan di bawah Pecahan-kepala 116. Peruntukan sebanyak $1 juta juga diminta untuk Pusat Latihan Berasrama, Selangor. Ini adalah untuk membuat tambahan kepada pusat itu di Petaling Jaya.

Peruntukan sebanyak $1 juta diminta untuk Pecahan-kepala 120 iaitu untuk menggantikan menghawa-dingin dan lif-lif untuk Pejabat-pejabat Persekutuan di Semenanjung Malaysia. Sebanyak $250,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 126 untuk meminda dan melebarkan Jabatan Perdana Menteri.

SARAWAK

Untuk Negeri Sarawak, peruntukan sebanyak $4,748,422 adalah diminta. Di bawah Pecahan-kepala 129, jumlah $1,876,870 dikehendaki untuk menemui pembayaran-pembayaran kontrek dan wang retention untuk pembinaan bangunan 12 Tingkat di Kuching. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan siap di pertengahan tahun 1975.

Di bawah Pecahan-kepala 130, peruntukan sebanyak $3,216,000 adalah diminta untuk menemui bayaran pembinaan bangunan-bangunan baru Kerajaan Persekutuan di Limbang, Miri, Sibu, Kapit, Sarikei dan Simanggang. Pejabat di Limbang telahpun siap sementara pembinaan terus berjalan bagi pejabat-pejabat di Miri, Simanggang dan Sibu sementara yang lain sedang dirancangkan. Tawaran untuk pembinaan bangunan yang dirancangkan akan dipanggil pada tahun 1975 dan dijangka akan siap pada tahun 1976.

SABAH

Bagi Negeri Sabah peruntukan sebanyak $921,010 adalah diminta untuk maksud ini. Peruntukan ini termasuk $321,000 di bawah Pecahan-kepala 131 untuk Rumah Persekutuan di Kota Kinabalu. Peruntukan ini adalah digunakan untuk pembayaran akhir bagi bangunan yang sudah siap itu. Di bawah Pecahan-kepala 132 iaitu Blok Bangunan Pejabat Pos di Kota Kinabalu, peruntukan sebanyak $500,000 adalah dikehendaki bagi tahun 1975. Tender akan dipanggil pada tahun 1975 dan kerja-kerja akan dijalankan tidak lama selepas itu. Di bawah Pecahan-kepala 133 iaitu Bangunan-bangunan Kecil Persekutuan, sebanyak $50,000 adalah diminta iaitu untuk projek Bangunan Keselamatan di Lapangan Terbang Kota Kinabalu yang telah dimulakan pada tahun 1974. Sebanyak $50,000 adalah diminta pada tahun 1975 di bawah Pecahan-kepala 134 iaitu untuk meminda dan membarui Bangunan-bangunan Kerajaan Persekutuan yang sedia ada di Sabah.

*Jentera-jentera Kerja Raya*

Untuk Jentera-jentera Kerja Raya, peruntukan sebanyak $15,892,203 adalah diminta untuk Jentera-jentera Kerja Raya bagi tahun 1975. Ini termasuklah $2 juta pinjaman bagi Negeri Sabah. Peruntukan cara langsung bagi Semenanjung Malaysia ialah $4,256,000, $6,436,203 untuk Negeri Sarawak dan $3,200 untuk Negeri Sabah.

SEMENAJUNG MALAYSIA

Daripada peruntukan sebanyak $4,256,000 yang diminta untuk Semenanjung Malaysia, sebanyak $2,525,000 adalah untuk Kemajuan

Kuari (Pecahan-kepala 141). Peruntukan ini adalah untuk membina kuari pusat di Bukit Lanjan (Selangor) dan Kampung Awah (Pahang). Kuari Pusat Gemencheh telahpun siap pada tahun 1974. Dengan siapnya ketiga-ketiga kuari pusat ini nanti, penambahan pengeluaran batu pecah akan bertambah 600,000 tan setahun dan premix sebanyak 300,000 tan setahun. Pengeluaran 9 kuari pusat yang ada sekarang mengeluarkan 1,500,000 tan batu pecah dan premix sebanyak 680,000 tan setahun. Ini menunjukan apabila siapnya ketiga-ketiga kuari pusat itu nanti akan menambah pengeluaran batu pecah dan premix antara 40% hingga 50%.

Untuk pembelian jentera-jentera baharu dan kelengkapan peruntukan sebanyak $1 juta adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 142 dan peruntukan ini akan digunakan untuk pembayaran pembelian jentera-jentera dan alat-alatan yang dipesan pada tahun 1974 tetapi didapati pada tahun 1975. Sebanyak $2,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 143 (i) iaitu untuk tujuan kemajuan kuari di mana peruntukan ini adalah untuk pembayaran wang simpanan (retention). Semua keenam-enam projek peluasan woksyop yang telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua telahpun siap.

Sebanyak $179,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 143 (ii) Pusat Latihan Dalam Loji untuk pembelian alat-alat dan perkakas-perkakas latihan dan untuk kerja-kerja kecil pembinaan bagi Pusat Latihan In-Service J.K.R. yang mana telah dijalankan semenjak tahun 1974.

Di bawah Pecahan-kepala 146—Kemudahan-kemudahan Latihan untuk Operator Jentera sebanyak $150,000 adalah diminta. Setakat ini 230 Operator Jentera J.K.R. telah dilatih dan ini akan dapat menemui matlamatnya iaitu mengadakan 300 Operator Jentera.

SARAWAK

Peruntukan sebanyak $6,436,203 adalah diminta untuk kemajuan kuari bagi Negeri Sarawak. Dari jumlah peruntukan ini sebanyak $2,176,718 adalah untuk Pecahan-kepala 150 iaitu untuk membeli alat-alat dan jentera-jentera kuari di mana telah dipesan pada tahun 1974 tetapi akan dibayar pada tahun 1975. Tujuan pembelian alat-alat ini adalah untuk membekalkan Negeri Sarawak dengan cukup batu-batu kuari untuk memenuhi kehendak-kehendak Jabatan Kerja Raya.

Peruntukan sebanyak $4,259,485 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 151 untuk jentera dan kelengkapan bagi Negeri Sarawak. Peruntukan ini adalah untuk mengganti jentera-jentera dan kelengkapan yang lama untuk membolehkan pihak J.K.R. Negeri Sarawak melaksanakan projek-projek pembangunan di Negeri itu dengan memuaskan.

SABAH

Di bawah Pecahan-kepala 155, peruntukan sebanyak $2,000,000 adalah diminta sebagai pinjaman kepada Negeri Sabah untuk membolehkan pihak J.K.R. Sabah menyiapkan stor dan kompleks woksyop, Kota Kinabalu di mana tender telah dipanggil pada tahun 1974 dan kerja-kerja pembangunan yang akan dijalankan pada tahun 1975.

*Perumahan Kerajaan*

Di bawah Rancangan Perumaha Kerajaan, peruntukan sebanyak $2,445,000 adalah diminta untuk Semenanjung Malaysia, $1,000,000 untuk Sarawak dan $1,500,000 adalah untuk Sabah.

Bagi Semenanjung Malaysia, peruntukan sebanyak $1,350,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 161 untuk tujuan menggantikan rumah-rumah pekerja yang buruk. Sebanyak $400,000 diminta di bawah Pecahan-kepala 162 untuk meminda dan membaharui rumah-rumah kediaman rasmi. Peruntukan sebanyak $75,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 163 untuk membuat burglar proofing kepada Rumah-rumah Kerajaan di Kuala Lumpur. Di bawah Pecahan-kepala 165 sebanyak $620,000 adalah diminta untuk menemui pembangunan kemajuan kontrek bagi rumah chalet di Port Dickson dan Morib.

Untuk Negeri Sarawak, peruntukan sebanyak $1 juta adalah diminta untuk Pecahan-kepala 172 untuk memenuhi kehendak-kehendak bagi Rumah Kediaman Persekutuan di Sarawak. Pada tahun 1974, peruntukan sebanyak $1 juta juga telah diuntukkan bagi tujuan ini di mana telah digunakan bagi pembelian tanah dan penyelidikan.

Peruntukan sebanyak $1.5 juta adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 182 atas tujuan membina Rumah Kediaman Persekutuan di Sabah.

*Kepala B. 65*

Dengan mengambil Kepala B. 65 dahulu, peruntukan sebanyak $5,681,900 adalah diminta. Jumlah ini jika dibandingkan dengan tahun 1974 menunjukkan pertambahan sebanyak $684,700. Tambahan ini dikehendaki disebabkan pertambahan kakitangan dan juga kenaikan gaji kakitangan yang sedia ada.

Di bawah Pecahan-kepala Gaji, peruntukan sebanyak $4,990,000 adalah diminta. Jumlah ini menunjukkan pertambahan sebanyak $509,930, jika dibandingkan dengan tahun 1974. Tambahan ini adalah disebabkan ujudnya tambah kakitangan baru dan juga kenaikan gaji kakitangan yang sedia ada bagi Jabatan Pengangkutan.

Untuk perkhidmatan pelbagai, peruntukan sebanyak $665,000 adalah diminta. Peruntukan ini jika dibandingkan dengan tahun 1974, menunjukkan tambahan sebanyak $110,450. Tambahan ini adalah untuk maksud penyenggaraan alat-alat jentera dan kelengkapan yang bertambahan dari setahun ke setahun. Di bawah Pecahan-kepala 21, peruntukan sebanyak $320,000 adalah dikehendaki peruntukan ini adalah semata-mata bagi tujuan membolehkan pegawai-pegawai di cawangan ini menjalankan tugas-tugas rasmi di luar pejabat.

Di bawah Pecahan-kepala 22 (Pengangkutan Barang-barang) peruntukan sebanyak $20,000 adalah dikehendaki untuk tujuan pengangkutan barang-barang dan peruntukan sebanyak $60,000 adalah diminta bagi tujuan kemudahan-kemudahan perhubungan di bawah Pecahan-kepala 23.

Di bawah Pecahan-kepala 24, peruntukan sebanyak $40,000 adalah diminta untuk pembayaran api, air, letrik dan lain-lain. Sementara itu sebanyak $5,000 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 25 untuk membayar sewa seperti sewa tapak bangunan dan bangunan di mana bilik-bilik bangunan-bangunan digunakan oleh cawangan ini.

Di bawah Pecahan-kepala 26 (Perkhidmatan Percitakan) peruntukan sebanyak $105,000 adalah diminta. Peruntukan ini adalah digunakan bagi mencitak lesen-lesen, cukai jalan dan keperluan-keperluan percitakan yang lain. Peruntukan sebanyak $75,000 adalah diminta untuk bekalan-bekalan dan bahan-bahan bagi cawangan ini dan peruntukan sebanyak $26,900 adalah diminta di bawah Pecahan-kepala 31 bagi membeli perabut dan alat-alatan seperti gerobok besi, meja dan sebagainya.

*Kepala P. 65*

Di bawah Kepala P. 65, peruntukan sebanyak $1,712,487 adalah diminta. Jumlah peruntukan ini, sebanyak $87,000 adalah untuk membeli mesin N.C.R. bagi tujuan mengeluar dan membaharui lesen-lesen memandu dan juga untuk membeli 45 buah gerobok besi bagi menyimpan index cards lesen-lesen memandu. Sebanyak $225,000 adalah untuk membina Pejabat Pengangkutan Jalan Negeri Trengganu, $430,000 untuk membina Pejabat Pengangkutan Jalan Negeri Johor (Cawangan Muar), $500,000 untuk membina Pejabat Pengangkutan Negeri Perak, $400,000 untuk membina Pejabat Pengangkutan Jalan Negeri Kedah dan sebanyak $70,487 untuk tambahan dan membaiki Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan yang lain.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut jadual yang saya telah maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada mula kita bersidang pada petang tadi, saya bercadang hendak menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 6.30. Tidak ada makna saya jemput dua orang sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap dalam perbahasan di bawah anggaran Kementerian ini. Jadi saya cadangkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau ada yang hendak bercakap, boleh berucap sehingga pukul 7.00 dan selepas itu saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

Sekarang Kepala B. 64 dan B. 65 serta Kepala P. 64 dan P. 65 terbuka untuk perbahasan.

*6.14 ptg.*

**Tuan Haji Mohd. Taufeck bin O.K.K. Haji Asneh (Hilir Padas):** Tuan Pengerusi, sebagai memberi sokongan kepada perbekalan-perbekalan Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan ini inginlah saya berbicara dengan seberapa ringkas berhubung

dengan Kepala P. 64 iaitu bersabit dengan pembinaan Lebuhraya Timur-Barat di Sabah dan Lebuhraya Sabah/Sarawak.

Sepatutnya Kementerian ini akan membuat peruntukan khas dan berlebihan bagi pembinaan lebuhraya-lebuhraya tersebut dan hendaklah pembinaannya dipesatkan mulai tahun hadapan dan hendaklah sepatutnya dicepatkan selewat-lewatnya dalam tempoh tahun-tahun pertama di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perbekalan perkhidmatan feri di antara Labuan dan Menumbok dan pengambilan alih Kerajaan Pusat dari Kerajaan Negeri berkenaan dengan pembinaan Jalanraya Beaufort/Menumbok adalah sangat-sangat diharap agar Kementerian berkenaan akan dapat menerima cadangan saya ini demi kepentingan pengangkutan dan perhubungan di antara rakyat di tanah besar Sabah dengan Pulau Labuan yang begitu sangat terhad pada masa ini.

Akhirnya, saya ingin merayu mengsyorkan kepada Yang Berhormat Menteri atau Kementerian yang berkenaan supaya melipatgandakan lagi peruntukan dan mengutamakan pembinaan jalanraya-jalanraya yang baharu dibina atau dibuat daripada mempercantik dan menambahkan lagi pembinaan jalanraya-jalanraya yang sudah siap terutama sekali dengan pembinaan lebuhraya-lebuhraya di Sabah dan Sarawak adalah sangat-sangat perlu demi kepentingan kestabilan politik dan ekonomi kedua-dua negeri tersebut.

*6.17 ptg.*

**Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang):** Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan perbekalan Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan di bawah Kepala B. 64.

Saya menyentuh berkenaan dengan dua perkara sahaja, dua perkara yang sangat penting bagi petani-petani di Tanjong Karang terutamanya bekalan air. Sungguhpun ada dua loji, satu di Rantau Panjang, Batang Berjuntai dan satu lagi di Sungai Panjang, bunyinya semuanya "panjang" kebetulan sahaja nama tempat itu. Kalau mendengar pada nama tempat Dewan ini boleh menguji bahawasanya bekalan air di tempat itu tentulah tidak ada timbul masaalah.

Loji-loji ini dibina lebih kurang 10 tahun dahulu. Saya bukan jurutera, tetapi saya dapat mengagak taksiran dibuat pada waktu itu tentulah tidak mengikut kadar perkembangan penduduk (population) pada hari ini. Oleh itu, saya percaya loji ini mengandungi capacity yang begitu kurang, sudah menimbulkan masaalah yang sangat besar kepada petani-petani di Tanjong Karang yang mana menghadapi sangat kekurangan bekalan air lebih-lebih lagi mendukacitakan dan merasa sungguh sedih pada waktu kemarau bila mana berlaku kekeringan yang menyebabkan petani-petani tidak dapat bekalan air, tidak dapat takungan air hujan dan air dalam parit dan sawah padi pun kering. Ini sungguh sukar bagi mereka untuk mendapatkan bekalan minuman air, kadangkala terpaksa mengambil bekalan itu daripada Kuala Lumpur dan dibeli dengan harga yang mahal.

Saya harap, saya rengkaskan, iaitu saya merayu benar-benar kepada Menteri yang berkenaan mengambil perhatian berat. Pada hari ini ada diperbaiki kononnya ditambah, tetapi cara menambahnya itupun tidak berapa memberikan confidence kepada kawasan itu yang boleh benar-benar membekalkan air mengikut population yang ada di kawasan itu. Saya tengok dalam buku ini ada peruntukan bagi Sungai Panjang, tetapi ada kawasan kampung yang berhampiran di situ yang bernama Kampung Binjai Patah. Mereka di situ cuma dapat cium bekalan air sahaja, merasa nikmatnya tidak dapat kerana tidak ada pandangan J.K.R. kepada kampung itu. Ini pun saya harap Menteri yang berkenaan mengambil perhatian dan membuat penyelidikan supaya benar-benar perbekalan air ini dapat diselaraskan kepada tempat-tempat yang benar-benar berkehendakkan air.

Yang keduanya, berkenaan dengan jalan-jalanraya. Jalanraya cuma sebatang lurus sahaja di sebelah tepi pantai laut itu, daripada Sabak Bernam bawa ke Kuala Selangor dan dicabangkan kepada Batang Berjuntai. Apa yang saya hendak tekankan bahawa sekarang ada dimulakan iaitu memberi jalan ke sawah-sawah padi, tetapi saya harap Kementerian ini dapat membekalkan peruntukan untuk membina jalan-jalan ke sawah padi ini lebih lagi daripada yang ada pada hari ini. Keadaannya pada hari ini cuma pada keadaan diansur-ansur, tidaklah mengambil inisiatif yang benar-benar untuk memberi

jalanraya yang baik kepada penanam-penanam padi, kerana jalan adalah satu infrastraktur yang diharap-harapkan sangat oleh petani-petani untuk membawa hasil-mahsulnya ke luar dan ini ada kaitannya dengan income petani-petani berkenaan jalan raya. Saya rasa itulah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

*6.23 ptg.*

**Tuan Sulaiman bin Haji Taib (Parit Buntar):** Tuan Pengerusi, saya bangun mengambil bahagian menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian Pengangkutan dan Kerja Raya dan di samping itu saya akan menyentuh sedikit sahaja iaitu berhubung dengan Kepala B. 64, Pecahan-kepala 1200, Aktiviti (1)—Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan kakitangan yang berkhidmat di rumah-rumah tol yang terdapat di Semenanjung Malaysia ini. Sepertimana yang kita semua maklum iaitu kakitangan yang berkhidmat di rumah-rumah tol ini adalah diambil di bawah perkhidmatan sekim sementara dan bilangan mereka yang terdapat di rumah-rumah tol di Semenanjung Malaysia ini lebih kurang seramai 57 orang, dan pada masa ini mereka ini adalah di dalam kegelisahan mengenangkan nasib masa hadapan mereka itu. Saya suka meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menimbangkan kedudukan masa hadapan mereka ini memandangkan kepada khidmat yang mereka berikan dalam memungut cukai-cukai di rumah tol ini. Kalau mengikut buku Anggaran Belanjawan bilangan mereka yang berkhidmat ini hanya 57 orang, tetapi hasil yang dipungut oleh mereka itu pada tahun 1974 yang lalu berjumlah $2,800 juta dan anggaran tahun 1975 yang akan datang ialah $3,200 juta. Ini membuktikan perkhidmatan yang diberikan oleh mereka itu adalah suatu perkhidmatan yang begitu berat dan cemerlang untuk memungut kembali perbelanjaan-perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi membina jalan-jalanraya dan jambatan-jambatan yang berkenaan. Memandangkan mungkin pada suatu ketika yang akan datang rumah-rumah tol ini akan ditutup, maka patut sangatlah kedudukan kakitangan yang berkhidmat di rumah-rumah tol ini ditimbangkan. Kalau boleh mereka ini diserapkan ke dalam perjawatan-perjawatan tetap yang didapati sesuai dengan keadaan mereka itu, umpamanya, dalam perjawatan perkeranian. Saya sendiri mendapat tahu yang mereka ini telahpun membuat rayuan mengenai nasib masa hadapan mereka ini, dan seharusnya pertimbangan yang wajar diberi di atas permohonan mereka itu.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, terlanjur saya menyebutkan berkenaan dengan rumah-rumah tol ini, sukalah saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri iaitu berhubung dengan jambatan Parit Buntar ke Bandar Baharu yang sedang dibina sekarang ini, dan bagi pihak penduduk-penduduk di kedua-dua buah tempat ini iaitu di Bandar Baharu dan Parit Buntar, Perak yang akan menggunakan jambatan ini bilamana siap kelak, penduduk-penduduk di kawasan ini mengharapkan supaya jambatan ini siap kelak hendaknya janganlah dikenakan bayaran tol sepertimana yang terdapat di beberapa buah jambatan yang baharu dibina oleh Kerajaan diadakan pungutan tol. Ini disebabkan kerana mengenangkan pembinaan jambatan ini adalah suatu perkara darurat, yang dilakukan dengan secara darurat, iaitu bila mana berlaku trajidi tenggelamnya feri di Sungai Kerian itu dan pihak rakyat di situ telah memberi pengorbanan yang begitu besar, iaitu sejumlah 28 jiwa telah terkorban. Dengan adanya terkorban bilangan jiwa yang begitu besar, maka baharulah jambatan itu dibina oleh Kerajaan, maka hendaknya bila siap jambatan ini kelak, janganlah dikutip atau dipungut cukai tol untuk memungut kembali perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi membina jambatan itu. Inilah harapan dan rayuan saya bagi pihak penduduk-penduduk di kedua-dua buah negeri atau daerah yang akan menggunakan jambatan itu kelak.

*6.27 ptg.*

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Kerja Raya bukan sahaja panjang ucapannya tadi bahkan lama, jadi tidak patut kalau tidak disokong permintaan dan permohonan beliau.

Saya suka membuat dua, tiga teguran. Pertama, ada rancangan-rancangan iaitu rancangan Pusat Jabatan Kerja Raya yang disuruh atau diarah Jabatan Kerja Raya Negeri, misalnya, Negeri Selangor untuk membuatnya, untuk menyelianya dan untuk

menguruskannya. Dengan kerja-kerja dibuat oleh jurutera-jurutera peringkat negeri ini, katalah Negeri Selangor kerana saya datang dari Negeri Selangor, maka rancangan-rancangan daripada Negeri Selangor telah tergendala. Sebab untuk hendak concentrate membuat rancangan-rancangan yang telah diarah oleh Jabatan Kerja Raya Pusat, terutamanya, rancangan-rancangan luar bandar, itupun tanpa apa-apa bayaran dan sebagainya daripada Jabatan Kerja Raya Pusat maka ini hendaklah dipertimbangkan supaya jangan dibebankan pegawai-pegawai dan jurutera-jurutera negeri membuat kerja-kerja yang sepatutnya dibuat oleh Kerajaan Pusat.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya suka membawa perhatian Kementerian kepada muka 467, iaitu buku Anggaran Belanjawan Persekutuan mengenai dengan Jalan Pantai Barat-Sungai Perak/Lumut (West Coastal Sungai Perak/Lumut) iaitu $2,000,000. Saya berpendapat bahawa memanglah jalan ini patut sangat kita sokong, tetapi dengan erti kata yang sebenarnya tidaklah betul-betul boleh mendatangkan faedah dan kebaikan kepada semua rakyat, kalaulah tidak dibina satu jalan iaitu Pantai Barat daripada Klang menyeberangi jambatan Kuala Selangor, Sabak Bernam pergi ke Telok Anson dan seterusnya boleh pergi ke Lumut dan ke Pulau Pinang. Sebagaimana yang kita tahu, pada masa ini ada satu trunk road sahaja pergi ke Pulau Pinang. Jadi binalah satu trunk road yang lain iaitu trunk road yang saya katakan tadi iaitu jalanraya pantai barat yang tidak ada menerusi Klang dan Kuala Selangor.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya suka membuat teguran berkenaan dengan feri di Kuala Selangor. Sungguhpun jambatan di Kuala Selangor tidak lama lagi siap, barangkali dua tahun lagi, tetapi keadaan feri sekarang sangatlah teruk. Ada empat pontoon dan pontoon ini selalu sahaja rosak, ada enam buah bot dan enam bot itu umurnya sudah 10 tahun, hanya satu bot sahaja yang lebih kurang satu tahun umurnya. Yang kelima-lima bot itu mempunyai horse power enam puloh sahaja. Walhal the speed of the current atau kuasa air itu sangat-sangatlah laju di tempat itu dan selalu sahaja perkhidmatannya tergendala. Jadi, saya hendak mengingatkan Kementerian kepada trajidi feri di Sungai Kerian. Perkara ini saya telah bawa kepengetahuan Kementerian di dalam Dewan yang mulia ini pada suatu ketika dahulu tetapi sungguhpun ada janjinya iaitu akan diberi dua buah bot lagi daripada Temerloh, tetapi sehingga hari ini bot itu belum sampai. Jadi saya tidak hendaklah terjadi satu-satu perkara dan timbul pula cerita: oh bangau, oh bangau! disebutkan iaitu masing-masing basuh tangan, mengatakan bukan salah saya, tetapi salah si anu, si anu dan si anu.

Sekianlah sahaja teguran saya, kerana masa tidak mengizinkan dan ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain hendak bercakap, saya ucapkan terima kasih.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*6.32 ptg.*

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang telah menjalankan khidmatnya dengan cemerlang sungguhpun banyak kemuskhilan-kemuskhilan yang terpaksa Kementerian menghadapinya. Namun demikian, saya suka menyentuh satu perkara iaitu berkenaan dengan jalanraya di bawah Kepala Jalanraya.

Kalau kita menggunakan jalanraya di Malaysia pada hari ini, katakanlah, dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur, maka kita lihat ada beberapa pekan-pekan yang telahpun tertinggal yang pada suatu ketika pekan-pekan itu adalah satu pekan yang hidup (thriving towns) tetapi oleh kerana jalanraya itu telah diperbaiki dan diluruskan maka pekan-pekan itu telah tertinggal. Begitu juga, kalau kita berjalan daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur keadaan seperti itu dapat dilihati, ataupun kita pergi berjalan naik kereta daripada Kangar ke Kuala Lumpur juga di dalam perjalanan kita itu banyak kita lihat beberapa pekan-pekan yang pada suatu ketika hidup dengan sihat telah tertinggal oleh kerana ditinggalkan oleh jalanraya. Walhal, jalanraya bukanlah suatu medium untuk pengangkutan sahaja untuk kita hendak membawa daripada point A ke point B, tetapi jalanraya hendaklah juga merupakan satu alat yang mendatangkan pembangunan kepada negara Malaysia kita ini, tetapi sebaliknya sedikit-sebanyak jalanraya-jalanraya kita telah mematikan beberapa pekan-pekan yang suatu ketika hidup dengan sihat. Mengapakah perkara seperti ini berlaku? Saya berpendapat mungkin satu daripada sebabnya ialah kita banyak

sangat memanggil pakar-pakar dari luar negeri untuk merancang jalanraya-jalanraya di negara Malaysia ini. Mungkin apa yang baik di Germany dari segi Autobahn mereka meninggalkan pekan-pekan atau autosrata di Italy ataupun motorway di England dan sebagainya. Mungkin cara mereka membina highway-highway adalah sesuai dengan negara-negara mereka, tetapi bagi negara Malaysia masih lagi membangun. Cara-cara pemikiran pakar-pakar luar negeri ini mungkin dan barangkali tidak sesuai memandangkan keadaan negeri kita yang sedang membangun.

Saya sungguh-sungguh berharap dalam Kementerian melaksanakan jalan-jalan yang tercatit di bawah Kepala Jalanraya itu memikirkan supaya janganlah jalan-jalan ini mengelak atau meninggalkan pekan-pekan yang ada. Sekiranya perkara itu berlaku akan kita lihat dan akan kita saksilah banyak lagi pekan-pekan yang akan tertinggal dan mati oleh kerana jalanraya-jalanraya itu telah dilurus ataupun dialihkan ke tempat-tempat yang lain. Saya sungguh-sungguh berharap Kementerian yang berkenaan janganlah mengikut sahaja apa yang disyorkan oleh pakar-pakar luar negeri ini, kalau boleh ditengok sedikit untuk disesuaikan syor mereka itu dengan keadaan dalam negara Malaysia kita ini.

Yang kedua, saya suka menyentuh sedikit sahaja berkenaan dengan bangunan. Di sini saya suka merayu untuk dipertimbangkan oleh Kementerian yang berkenaan supaya tiap-tiap bangunan Kerajaan yang akan dibina oleh Kementerian yang berkenaan diadakan tempat-tempat ataupun bilik sembahyang, sekiranya boleh. Sungguhpun mungkin ini bukan tanggungjawab Kementerian, tetapi barangkali Kementerian yang berkenaan mempunyai pengaruh yang besar untuk mempengaruhi pihak yang berkenaan untuk mempersetujui di dalam tiap-tiap bangunan Kerajaan yang dibina supaya diadakan tempat-tempat sembahyang.

*6.37 ptg.*

**Tuan Oh Keng Seng (Petaling):** Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian di dalam peruntukan Kementerian ini, dan di sini saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would like to refer to Registration, Licensing and Inspection of Motor Vehicles under Kepala B. 65 Pecahan-kepala 1100, page 481 and would touch on the activities of the R.I.M.V. The R.I.M.V. Office at Petaling Jaya is always congested and members of the public find it difficult and time-consuming when they want to pay road tax for their cars and when they want to renew their driving licences. Long queues are becoming a common sight, and I regret to say that the paying hours are short. The counters in the afternoon session open at 2.00 p.m. and close at 3.00 p.m., resulting in many people being turned away in frustration. This situation is aggravated since the outbreak of fire there recently, and today it is regrettable to see that the position at the R.I.M.V. Office in Petaling Jaya is in a state of chaos.

Mr Chairman, Sir, the present system of issuing taxi licences by the Licensing Board is unsatisfactory. More often, licences are issued to members of the ruling Party—UMNO, M.C.A. or M.I.C. members—who in turn sell away their licences at fantastic prices or operate under "Ali Baba" basis. Sir, genuine applicants, who want to make a living out of taxi licences, do not stand a chance of getting it. A man, whom I know had been driving a taxi for 30 years, had his application rejected.

**Tuan Pengerusi:** How many years, 13 or 30?

**Tuan Oh Keng Seng:** 30 years.

**Tuan Pengerusi:** 30 years, three-zero—that means before independence. Proceed.

**Tuan Oh Keng Seng:** The interview was cancelled. I understand that this Ministry had in the past given several taxi licences to the Malaysian Multi-purposes Co-operative Society, which is an M.C.A. wing and which in turn sold these licences under the counter Sir, is the Ministry aware of it? I hope the Minister concerned will investigate this.

**Tuan Pengerusi:** You have evidence to substantiate your accusation?

**Tuan Oh Keng Seng:** Sir, this is an open secret, and for a corruption of this sort, normally there is no receipt.

**Tuan Pengerusi:** We have got to honour this House. If any member makes any accusation against any of the Government

officers, the Honourable Member must be able to substantiate it, because the officers are not here to defend themselves. Proceed.

**Tuan Oh Keng Seng:** Sir, I am not making any allegation against Government officers. What I am saying is that the Malaysian Multi-purpose Co-operative Society . . . . .

**Tuan Pengerusi:** In that case, I am sorry.

**Tuan Oh Keng Seng:** What I am saying is that the Malaysian Multi-purpose Co-operative Society has been granted licences and they in turn sell them away.

Sir, I call on the Minister concerned to look into the plight of the genuine taxi drivers and take steps to ensure that taxi licences are only issued to those genuine taxi drivers in the cities, in the kampung or in the new villages, who have applied for taxi licences in the past, as these are the ones who really have to depend on taxi driving for their livelihood.

Sir, although traffic laws require that every commercial vehicle should be inspected by the R.I.M.V. every six months, but I wonder if the Inspectors are, in actual fact, carrying out their duties of inspection. How is it that there are so many buses which are not road-worthy still running on the road? Also, Sir, why is it that lorries, trucks, oil tankers and buses, which travel daily on the road, emit thick smoke which is causing a nuisance to cars tailing behind them and also endangering the health of the public? What has happened to the inspection?

Sir, on the 11th November, 1974 when the Deputy Minister replied to my question on uncompleted or abandoned Government projects, he listed 19 such projects for 1973 and 12 for 1974. Sir, the Deputy Minister only told us the half-truth but not the whole truth. This is because in my kawasan of Petaling, there are at least two projects which have been abandoned and I do not see them being included in the list. I am referring to these two projects. One of the projects is at the Serdang New Village in connection with the extension and renovation to a school at the Serdang New Village. The other project is the construction of a new post office, also at the Serdang New Village. These two projects have been abandoned. The extension to the school at the Serdang New Village is supposed to have been completed by the end of this year but the work had stopped at the beginning of this year. Such a stoppage has caused a lot of inconveniences to the school authorities and the school-going children.

Sir, there is a tendency for some of the Government projects planned at the beginning of the year to be carried out towards the end of the year. This is most unsatisfactory, because it reflects bad planning on the part of the Government and, secondly, because of the rush, contractors normally have to push through their projects in order to beat the dead-line for payment. So, most work is done in a rush manner and thus it may not achieve the desired results.

Sir, I would now like to touch on water supply.

**Tuan Pengerusi:** You have only one minute to wind up.

**Tuan Oh Keng Seng:** Five minutes?

**Tuan Pengerusi:** One minute!

**Tuan Oh Keng Seng:** Sir, water supply is still lacking in this country, especially in the rural areas, in the kampungs, in the FELDA schemes and in the new villages. It is a common sight that people from the kampungs take their bath from public stand-pipes under the hot sun and, by the time they walk back home, they have already sweated again. Sir, it is also a common sight that people from the kampungs along the Federal Trunk Road from Alor Star to Johor Bahru also have their bath in streams near the main trunk road. It is all right for the men, but then it is morally embarrassing for the women and the young girls.

Sir, the allocations of $2 million for rural water supply and $5 million for the FELDA Schemes are not sufficient to overcome this problem. More funds should be made available for water supply. This is one way to uplift the living standard of the kampung people.

**Tuan Pengerusi:** Your time is up!

*6.45 ptg.*

**Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas):** Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang menyatakan penghargaan dan juga berterima kasih kepada Yang

Berhormat Menteri yang telah memberi penerangan yang sangat terang, teliti dan halus. Ini menunjukkan Yang Berhormat Menteri sungguh mengambil berat setiap rancangan yang di bawah jagaannya. Sungguhpun Yang Berhormat berucap panjang tadi, tetapi bagi saya dan rakan saya di sini menganggap sebagai satu interest, satu kesanggupan, sehingga setiap perkara itu diberi perhatian yang sangat teliti. Ini satu perkara yang patut diperhatikan.

Pada hemat saya, Kementerian Pengangkutan dan Kerja Raya ini akan memikul satu kewajipan yang penting dalam tahun yang ke hadapan, sebab dengan adanya kemerosotan ekonomi dan tambah pula pemerintah menghadapi kemerosotan ekonomi ini dengan mengadakan beberapa langkah anti-cyclical, mengadakan kerja awam atau public works, supaya dapat melawan aliran kemerosotan ekonomi. Dengan sebab itu, saya rasa sungguhpun segala peruntukan telah dibuat, tetapi kita di dalam Dewan ini sepatutnya memberi sokongan sepenuhnya kepada Yang Berhormat Menteri dan Kementeriannya untuk meminta Kerajaan memberi pertimbangan semula dalam tahun 1975 supaya diberi supplementary atau perbelanjaan tambahan. Dengan cara ini dia dapat menjalankan kerja yang dia berniat hendak jalankan, tetapi telah diketepikan oleh kerana kekurangan wang, jadi sambil dia menunaikan rancangan asalnya dapat dia pula mengatasi keadaan "recession" yang kita hadapi sekarang.

Saya hendak menegaskan khasnya berkenaan dengan jalan-jalanraya atau road work. Saya rasa banyak lagi usaha-usaha dan kerja-kerja patut dijalankan untuk menambahkan jalan-jalan khasnya di luar bandar dan juga di negeri-negeri di kawasan-kawasan yang masih tinggal kebelakang dalam kemajuan.

Saya tidak mahu sebutkan nama negeri-negeri itu, tetapi kita tahu ada beberapa buah negeri yang memerlukan perhatian yang istimewa, khasnya negeri-negeri yang tidak begitu maju jikalau dibandingkan dengan negeri-negeri yang maju. Saya harap perhatian hendaklah ditumpukan ke dalam usaha menambahkan kerja di lapangan ini. Khususnya berkenaan Pulau Pinang, sungguhpun telah dibangkitkan tadi, tetapi saya hendak tegaskan lagi di bawah Rancangan Kementerian Perhubungan, sudah ada rancangan mengadakan lapanganterbang yang lebih besar. Akan tetapi yang ganjil sedikit iaitu persediaan untuk jalan-jalan sekelilingnya, jalan masuk dan keluar daripada lapangan kapalterbang yang akan diperbesarkan dan diperbaiki di Pulau Pinang ini nampaknya memerlukan perhatian (attention) khas. Pada pendapat kami di Pulau Pinang barangkali tidak cukup lagi perbelanjaan perbekalan dan juga perhatian diberi supaya dapat jalan yang cukup dan sesuai untuk membawa penumpang-penumpang dari bandar masuk ke lapanganterbang di Pulau Pinang dan juga di bawa keluar.

Jadi, saya harap pihak Kerajaan akan memberi layanan istimewa supaya jangan pula lapanganterbang yang akan siap pada tahun 1975/1976 itu tergendala dan tidak dapat digunakan dengan sempurna, kerana tidak cukup jalan keluar-masuk ke tempat itu. Saya juga mendapat faham bahawa di Jabatan Pengangkutan Jalan tidak dapat menjalankan kerja penguatkuasa (enforcement) dengan sempurnanya, kerana kekurangan kakitangan. Kalau benar begitu saya ingat inilah satu sikap dan satu dasar yang patut dikaji semula oleh Kerajaan dan khasnya oleh pihak jabatan yang memutuskan berkenaan dengan kakitangan dan berkenaan dengan perbekalan kewangan. Kementerian dan Jabatan ini boleh dikatakan sebuah Jabatan yang memungut hasil yang banyak. Kalau saya tidak silap, hasil pendapatan jabatan ini (revenue) adalah jatuh nombor tiga antara beberapa jabatan di dalam negeri ini. Bagi jabatan yang dapat menghasilkan pendapatan Kerajaan yang begitu banyak, kita jangan kedekut membelanjakan wang dengan cukupnya untuk menggaji dan untuk mendapatkan bilangan pegawai-pegawai untuk menguatkuasakan supaya dapat segala undang-undang dan peraturan keselamatan dan sebagainya diawasi dan dikawal dengan sempurnanya. Bukan sahaja dari segi keselamatan orang ramai akan tetapi dari segi kewangan (financial) kita rugi kalau kita tidak mengambil tindakan yang sewajarnya. Kalau betul sebagaimana yang saya telah diberi faham kita kekurangan pegawai-pegawai penguatkuasa (enforcement officer), sudahlah sepatutnya perbelanjaan dan perbekalan diberi dan pegawai-pegawai yang cukup diambil untuk menjalankan kerja ini.

**Tuan Pengerusi:** Satu minit lagi Yang Berhormat untuk menggulung.

**Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim:** Berkenaan dengan soal keselamatan jalanraya, saya rasa kita patut memberi penghargaan kepada Majlis Keselamatan Jalan-Raya (Road Safety Council) yang telah berusaha selama ini. Akan tetapi, saya rasa selagi rakyat jelata, selagi orang ramai, selagi kita semua pengguna-pengguna jalan—orang-orang yang memandu kereta, orang-orang yang menonggang motosikal dan sebagainya tidak tertarik dan tidak memberi kerjasama dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya itu barangkali tidaklah dapat kita menyempurnakan maksud dan tujuannya. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini membuat rayuan supaya usaha yang dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalanraya ini diberi penerangan yang lebih luas kepada setiap golongan penduduk dalam negeri ini yang menggunakan jalanraya samada berjalan kaki, samada menonggang motosikal/basikal atau memandu kereta, kita minta mereka ini dengan sukarela dan dengan senang hati memberi kerjasama dan menyokong usaha ini, kerana pada tiap-tiap tahun beratus-ratus orang mati kerana kemalangan jalanraya. Kita sama-sama boleh menyelamatkan jiwa dengan bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Jalanraya.

*6.53 ptg.*

**Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput):** Tuan Pengerusi, sukalah saya mengambil bahagian atas perbahasan mengenai Kepala B. 64 dan dengan izin, saya suka berucap dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Pengerusi:** Biasanya digunakan dalam Bahasa Malaysia, mengapa hari ini pula dalam bahasa Inggeris?

**Tuan S. Samy Vellu:** Ada satu dua perkara yang saya baru siap, Tuan Pengerusi.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, we heard in this House a few minutes ago the speech by the Honourable Member for Petaling, who alleged that the qualification to get taxi permits in this country is either to be a member of UMNO or MCA or MIC. If this is going to be the qualification for getting a taxi licence, then I think on the streets of Kuala Lumpur, we will have about 200,000 taxis or 150,000 taxis today. I think the criterion of issuing taxi licences in this country is based on the individual merits of the persons who apply for such licences. The allegation by the Honourable Member for Petaling that only MIC or UMNO or MCA members are getting taxi plates in this country, I should say, is a false one and no one should simply allow an allegation of this nature without being rebutted.

Tuan Pengerusi, I know that some time back—two or three months back—when the Elections were on in this country, there were many supporters of the DAP who are taxi drivers and who own taxis. It does not mean that the taxi licences are only given on the merits of the political parties they belong to. If that were so, then I do not think there would be any taxi drivers and taxi owners who are the supporters of the DAP in the City of Kuala Lumpur. I do not know why the Honourable Member has chosen only the MIC, the UMNO and the MCA as having been able to obtain taxi licences. If he thinks that the qualification to get taxi licences in this country is only being members of the UMNO or the MCA or the MIC—that is the only qualification—then I should think they deserve being considered, because these are the three parties which have worked for the independence of this country. Why shouldn't they deserve it, if they think that this is the merit to be considered for the issue of taxi permits in this country?

Tuan Pengerusi, I know that many taxi plates were issued to ordinary persons who cannot even afford to buy taxis, and they had been bought over by certain other people who are the supporters of the DAP today. Are we going to withdraw those licences just because they are DAP members today or the supporters of DAP today? I think that when an allegation of this nature is put forward, it should be carefully worded and the Member responsible should be very careful while referring to political parties especially in this country.

When the President of the Malaysian Indian Congress (MIC) who is a Cabinet Minister was the Acting Minister of Transport, I myself had recommended certain people who were not members of any political parties in order to help them obtain taxi licences; they got the licences and they have, in turn, become supporters of DAP today. It does not mean that the DAP members do not possess taxi licences or that they do not qualify to possess taxi licences. I think this sort of allegation is not going to do any good in this country, Tuan Pengerusi.

The second item I would like to mention here is in regard to the FELDA scheme carried out in Lasah in the constituency of Sungai Siput, Tuan Pengerusi. I understand that the Ministry is allocating quite a good sum of money for water supply, so I would ask the Minister to consider proper water supply to the FELDA land scheme in Lasah in the constituency of Sungai Siput, where water which contains lime and other particles and which is not fit for human consumption is being supplied. I hope the Minister will take action on this matter.

The other thing, Tuan Pengerusi, is that I would request the Minister to consider very, very sympathetically the conditions of transportation in the Federal Capital of Kuala Lumpur. Every evening, after 5 o'clock, you can see thousands and thousands of people standing in Jalan Ampang and Gombak Lane waiting for buses. They may have to wait sometimes even three to four hours to get transportation back to their house. This is a daily scene in the streets of Kuala Lumpur and I hope the Minister will consider this very sympathetically and devise some measures which can provide faster and increased modes of public transportation especially to the people residing within Kuala Lumpur Bandar.

The last point Sir, which I would like to mention here is in regard to the commissioning of Government building contracts or Government building projects to private architects and private engineers. Sir, I understand that it is the policy of the Ministry to encourage the participation of bumiputras together with non-bumiputras, in the building industry. Sir, I know that many contracts worth millions of dollars have been given to firms which have just one single bumiputra partner and many other non-bumiputra partners. But there are firms in this country having a substantial number of bumiputras and non-bumiputras which do not get anything, although they have engineers and architects. I would like the Minister to consider this very carefully because I know that there are one or two architect firms and engineering firms in Kuala Lumpur where they have only one bumiputra as their partner and the rest are all non-bumiputras. There are many other firms which have got bumiputra partners, but they do not get any contracts. Why should one firm get $450 million worth of building contracts from Government when there is another firm with bumiputras partnership which is getting nothing, not even $450 worth of jobs?

I think the distribution of Government projects, Mr Chairman, Sir, should be given equally, fairly and in a very justified manner, and I consider that this thing could be done. In particular, I would refer to the building contract of the General Hospital which had been given to a former British firm. This firm has subsequently merged with another local firm at a later stage, and it continues to keep on getting contracts. It looks as if the Malaysians or the bumiputras who are qualified in this country are not capable of building hospitals. There are many bumiputras who are capable of building hospitals here. Why should one foreigner, who is going to take back the money to England, get all the jobs in his own name? I think the Minister should consider this also at the same time.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menumpukan jawapannya selama 15 minit.

*7.02 mlm.*

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat mengenai dengan peruntukan Kementerian saya.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas cadangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas yang meminta supaya lebih banyak lagi peruntukan diberi untuk membina jalan-jalanraya, terutama sekali jalanraya Timur/Barat dan jalanraya Kota Kinabalu, Sinemen/Merapok dan Kota Kinabalu dan lain-lain jalanraya yang juga di Sabah. Di sini saya ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu memanglah Kerajaan sentiasa berikhtiar untuk memberi lebih banyak lagi peruntukan untuk membina jalan-jalanraya kita di mana yang perlu bukan sahaja di Sabah, tetapi di seluruh negara kita, kerana Kerajaan adalah sedar kerana jalanraya inilah yang menjadi satu daripada harapan rakyat dalam negara kita ini untuk mendapat kemajuan di samping lain-lain keperluan infrastructure dalam

negara kita ini. Jadi, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui memang dari tahun-tahun yang lepas juga iaitu tahun ini peruntukan itu bertambah dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, kita tidaklah dapat membina semua jalanraya dengan serentak mengikut kehendak hati kita, kerana ini adalah terhad peruntukannya. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang saya terangkan tadi, peruntukan telahpun ditambah dan sepertimana Ahli Yang Berhormat dari Hilir Padas sendiri tahu, peruntukan bagi jalan-jalanraya yang telah disebutkan tadi itu telahpun bertambah banyak daripada peruntukan dalam tahun 1974.

Berkenaan dengan jalan yang lain yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu jalanraya Menembok, saya ingin memberitahu di sini iaitu jalanraya ini adalah dalam jagaan Kerajaan Negeri. Jadi, saya mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat itu akan membawa perkara ini kepada Kerajaan Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang telah membawa soal berkenaan dengan bekalan air. Di sini sebagaimana yang telah saya terangkan beberapa kali yang lepas, bekalan air ini adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri, jadi di sini sekali lagi saya ingin mencadangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu supaya membawa perkara ini kepada Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar telah membawa soal berkenaan dengan pengenaan tol kepada jambatan yang dibina di Parit Buntar. Di sini saya ingin memberitahu dengan sukacitanya kepada Yang Berhormat itu, Kerajaan telahpun mengambil keputusan iaitu Kerajaan tidak akan mengenakan tol kepada pengguna-pengguna jambatan di Parit Buntar itu.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar juga telah menarik perhatian Kementerian ini iaitu pada masa hadapan pekerja-pekerja di rumah tol dalam negeri ini adalah terjamin. Di sini ingin saya memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu iaitu pada waktu ini Kerajaan belumlah mengambil keputusan untuk memberhentikan pemungutan tol dalam tiga buah rumah pemungut tol dalam negara ini. Dengan sebab itu perkara pemberhentian pekerja-pekerja sementara yang berada dalam rumah-rumah tol ini tidaklah timbul, kerana kita tidak ada cadangan untuk memberhentikan mereka pada waktu ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah membawa perkara mengenai dengan pembinaan jalan-jalanraya kita yang by-pass pekan-pekan yang ada pada waktu ini yang mengakibatkan pekan-pekan itu menjadi satu pekan yang akan tertinggal ataupun menjadi dead town. Saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat yang tiap-tiap pembinaan seperti ini, Kementerian saya adalah mengambil perhatian yang sungguh-sungguh dan kita tidak akan membina atau sengaja by-pass pekan itu jikalau pembinaan jalan itu dapat kita elakkan. Kalau kita tidak dapat elakkan, umpamanya, kalau tempat itu terlampau sesak ataupun tidak dapat tempat untuk membina, maka terpaksalah kita by-pass pekan ini, kerana kalau kita bina jalanraya itu dengan melanggar pekan yang ada itu pun akan mengakibatkan kerosakan yang besar kepada tuan punya kedai, dan selain daripada itu Kerajaan kena membayar compensation kepada bangunan dan tanah-tanah yang ada ataupun yang terlibat dalam pembinaan jalanraya itu.

Berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang mengatakan pengeluaran taxi licence dengan cara yang ada sekarang adalah sangat tidak memuaskan kerana yang mendapat lesen adalah ahli-ahli ruling party sahaja. Saya fikir tidak payahlah lagi saya menjawab teguran ini, kerana Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telahpun memberi jawapan yang agak tepat kepada soal ini dan tidaklah perlu saya menjawab soal ini. Tetapi jikalau Yang Berhormat itu mengetahui ada orang ataupun sesuatu syarikat yang telah mendapat lesen dan kemudian lesen itu telah disalahgunakan, maka saya harap Yang Berhormat itu tidak payah menunggu sampai kita bersidang dalam Parlimen baru bersuara untuk publicity purposes dalam Parlimen. Saya harap Yang Berhormat itu akan membawa perkara ini kepada Pejabat Pengangkutan, ataupun kalau perlu kepada saya sendiri supaya penyiasatan dan tindakan akan diambil kepada orang yang telah mendapat lesen tetapi tidak menggunakan lesen itu sendiri tetapi dialibabakan kepada orang lain.

Saya juga, mengucapkan berbanyak terima kasih atas sokongan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas atas peruntukan ini, dan di sini saya ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kementerian saya adalah sentiasa berikhtiar untuk menambah lagi

pegawai-pegawai pengangkutan atau pegawai-pegawai dalam Pejabat Pengangkutan untuk menjadi Pegawai Penguatkuasa dalam Pejabat itu. Dengan cara itu, saya harap kerja-kerja yang ditugaskan kepada Pejabat Pengangkutan ini dapatlah kita jalankan dengan licin dari semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas juga telah membawa perhatian supaya jalan-jalanraya yang telah ditutup kerana pembinaan lapanganterbang di Pulau Pinang akan diambil perhatian. Di sini saya ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu perkara ini adalah dalam perhatian Kementerian saya dan segala tindakan akan diambil untuk mengatasi masaalah yang telah disebutkan itu.

Tuan Pengerusi, saya fikir itulah sahaja yang saya ingin menjawab tentang teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah diberikan oleh mereka kepada Kementerian saya, dan di mana-mana teguran ataupun cadangan yang difikirkan perlu diambil tindakan yang saya belum jawab di sini, akan saya ambil perhatian dan tindakan mana-mana yang perlu.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $66,711,650 untuk Kepala B. 64 dan $5,681,900 untuk Kepala B. 65 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak $341,039,066 untuk Kepala P. 64 dan $1,712,487 untuk Kepala P. 65 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

*Kepala B. 66 (Jadual)—*

*Kepala P. 66 (Anggaran Pembangunan, 1975)—*

*7.14 mlm.*

**Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda):** Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan anggaran perbelanjaan bagi Kementerian Tanah, Galian dan Hutan di bawah Kepala:

| | | |
|---|---|---|
| B. 66 | ... ... | $ 31,649,440 |
| P. 66 | ... ... | $306,201,938 |
| | Jumlah | $337,851,378 |

ANGGARAN BELANJA MENGURUS

Peruntukan yang berjumlah $31,649,440 di bawah Kepala B. 66 adalah dibahagikan di bawah kegiatan Kementerian saya seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| (i) Pentadbiran Am | ... | $ 460,500 |
| (ii) Jabatan Ukur | ... | $17,316,600 |
| (iii) Pejabat Tanah dan Galian Persekutuan ... | ... | $ 1,921,700 |
| (iv) Jabatan Perhutanan | ... | $ 4,605,940 |
| (v) Jabatan Galian ... | ... | $ 2,335,700 |
| (vi) Jabatan Penyiasatan Kajibumi ... | ... | $ 3,589,800 |
| (vii) Jabatan Mergastua | ... | $ 1,419,200 |

Tiga Jabatan iaitu Perhutanan, Galian dan Penyiasatan Kajibumi dahulunya di bawah Kementerian Perusahaan Utama dan satu lagi Jabatan Mergastua yang dahulunya di bawah Kementerian Pertanian dan Perikanan telahpun dipindahkan di bawah Kementerian saya sejak 5hb September, 1974. Dengan itu, peruntukan berjumlah $31,649,440 yang dikehendaki bagi Anggaran Mengurus tahun 1975 adalah bertambah sebanyak $4,810,585 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1974.

Di bawah Pecahan-kepala 1100—Gaji dan Upahan, peruntukan sebanyak $22,320,079 adalah diperlukan untuk membiayai gaji kepada pegawai-pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian ini. Peruntukan ini jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1974, adalah menunjukkan tambahan sebanyak $2,135,259. Tambahan ini adalah diperlukan untuk menemui bayaran kenaikan gaji tahunan, pembayaran bonus dan bagi 135 jawatan baharu di bawah Kementerian seperti yang ditunjukkan dalam Anggaran Persekutuan 1975.

Peruntukan sebanyak $1,523,540 di bawah Pecahan-kepala 1200—Elaun-elaun dan lain-lain Habuan Wang bertambah sebanyak $1,165,090 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1974. Tambahan ini adalah diperlukan untuk membiayai Elaun Bantuan Khas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang menerima gaji bulanan $500 dan ke bawah.

Sebanyak $2,831,000 yang diuntukkan di bawah Pecahan-kepala 2100 adalah dikehendaki untuk bayaran tuntutan perjalanan pegawai-pegawai.

Di bawah Pecahan-kepala 2500—Sewa Tambahan sebanyak $91,900 adalah dikehendaki untuk membayar cukai tanah bagi bangunan-bangunan Kerajaan.

Di bawah Pecahan-kepala 2700—Peruntukan sebanyak $1,113,050 bagi tahun 1975 jika dibandingkan dengan tahun yang lepas adalah menunjukkan tambahan sebanyak $131,950. Tambahan ini adalah dikehendaki untuk membeli bahan-bahan bagi Jabatan Ukur dan Jabatan Penyiasatan Kajibumi.

Untuk menjimatkan masa tidak payahlah saya memberitahu Dewan ini dengan panjang lebar mengenai tambahan-tambahan kecil yang dikehendaki di bawah lain-lain Pecahan-kepala bagi belanja mengurus, kerana semuanya telah dijelaskan dengan sendirinya dalam Kertas Perintah yang telah dikemukakan dalam Dewan ini.

ANGGARAN PEMBANGUNAN

Peruntukan sebanyak $306,201,938 di bawah Kepala P. 66 adalah diperlukan untuk menemui perbelanjaan mengenai pengurusan dan pembangunan mengikut Pecahan-kepala yang tertentu. Anggaran ini adalah bertambah sebanyak $76,035,724 lebih daripada anggaran tahun 1974.

*Pecahan-kepala 1 dan 4—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)—$247,460,094.*

*Pembangunan Tanah dan Tanaman*

Di dalam tahun 1975 FELDA bercadang membuka 92,657 ekar tanah untuk tanaman seperti berikut:

| | *Ekar* |
|---|---|
| Getah ... ... ... | 26,405 |
| Sawit ... ... ... | 63,802 |
| Tebu ... ... ... | 1,450 |
| Koko ... ... ... | 1,000 |
| | 92,657 |

Jumlah luas kawasan tanaman yang akan dimajukan antara tahun 1971 hingga tahun 1975 ialah 403,708 ekar. Jumlah ini tidak termasuk kawasan 9,767 ekar di Kemahang, Kelantan. Ini adalah mengikut pembangunan yang dicadangkan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Kedua seperti berikut:

| *Tahun* | *Ekar* |
|---|---|
| 1971 (yang sebenar) ... ... | 47,729 |
| 1972 „ „ ... ... | 73,044 |
| 1973 „ „ ... ... | 102,567 |
| 1974 „ „ ... ... | 87,711 |
| 1975 „ „ ... ... | 92,657 |
| | 403,708 |

Pembiayaan FELDA bagi projek-projek tanaman adalah seperti berikut:

(i) *Rancangan Getah:* Perbelanjaan atas pembangunan tanah, tanaman dan penjagaan ladang sehingga permulaan menoreh adalah dibiayai dengan wang pinjaman.

(ii) *Rancangan Kelapa Sawit:* Perbelanjaan atas pembangunan tanah, tanaman dan penjagaan ladang sehingga ke peringkat pulang modal (break even point) di-biayai dengan wang pinjaman.

(iii) *Rancangan Tebu:* Perbelanjaan atas pembangunan tanah, tanam dan penjagaan ladang tanaman yang pertama (first crop) dibiayai dengan wang pinjaman.

(iv) *Rancangan Koko:* Perbelanjaan atas pembangunan tanah, tanaman dan penjagaan ladang sehingga pengeluaran dan perbelanjaan mencapai taraf keuntungan dibiayai dengan wang secara langsung.

Peruntukan yang dikehendaki untuk 1975 bagi menyelenggarakan rancangan-rancangan tersebut ialah sebanyak $142,900,343 iaitu:

*Pinjaman*

| | |
|---|---|
| (i) Rancangan-rancangan Getah: | |
| Kerja-kerja pembangunan ... ... | $ 14,109,006 |
| Kerja-kerja penjagaan | $ 16,470,861 |
| (ii) Rancangan-rancangan Kelapa Sawit: | |
| Kerja-kerja pembangunan ... ... ... | $ 46,520,268 |
| Kerja-kerja penjagaan | $ 64,194,690 |
| (iii) Projek Tebu: | |
| Kerja-kerja pembangunan dan penjagaan | $ 505,500 |
| | $141,800,343 |

*Secara Langsung*

(i) Projek Koko:

| | |
|---|---|
| Kerja-kerja pembangunan dan penjagaan terpaksa ditanggung oleh FELDA memandangkan ini adalah tanaman baharu kepada peneroka. Projek ini di anggap sebagai dalam peringkat percubaan ... | $1,100,000 |

*Pembangunan Perkampungan*

10,640 ekar akan dimajukan dalam tahun 1975 untuk tapak-tapak perumahan, pejabat-pejabat, sekolah-sekolah, kelinik-kelinik dan sebagainya 3,724 ekar daripadanya akan digunakan untuk tapak-tapak rumah peneroka dan perbelanjaan atas ini akan dibiayai dengan wang pinjaman. Peruntukan yang dikehendaki untuk tahun 1975 adalah untuk kawasan tersebut dan sebahagian untuk pembayaran balik wang tahanan untuk 3,050 ekar dan sebahagiannya untuk tebang-tebas, 5,780 ekar untuk progrem 1975/76. Peruntukan yang dikehendaki untuk tahun 1975 adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Wang Pinjaman ... ... | $ 987,812 |
| Wang Secara Langsung ... | $1,400,000 |
| | $2,387,812 |

*Pembinaan Rumah-rumah Peneroka*

7,785 buah rumah peneroka akan siap dibina di dalam tahun 1975. Kontrek-kontrek akan diberi untuk membina 3,390 buah rumah dijangka siap pada tahun 1976.

Anggaran perbelanjaan bagi tahun 1975 adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| (i) Pembayaran balik wang tahanan bagi 2,909 buah rumah yang akan siap pada akhir tahun 1974 | $ 290,000 |
| (ii) Pembayaran 60% bagi 5,335 buah rumah yang akan siap dibina dalam awal tahun 1975 ... | 6,402,000 |
| (iii) Pembayaran 55% bagi 2,450 buah rumah yang akan siap dibina dalam akhir tahun 1975 ... | 2,695,000 |
| (iv) Pembayaran 40% bagi 3,390 buah rumah yang akan siap dibina dalam tahun 1976 ... ... | 2,712,000 |
| | $12,099,000 |

*Pinjaman Kepada Peneroka*

Peneroka-peneroka di rancangan-rancangan FELDA juga di beri pinjaman seperti berikut:

(i) Pinjaman sara hidup untuk menambahkan pendapatan peneroka-peneroka daripada kawasan ladang supaya pendapatan bulanan mereka meningkat ke $84 dan mulai bulan Disember 1974 ini telah dinaikkan kepada $100. Pinjaman ini diberi kepada peneroka-peneroka rancangan dimana ladang-ladang mereka belum mencapai ke peringkat penghasilan.

(ii) Pinjaman untuk membeli alat-alat perkebunan, penorehan dan menuai.

*Kemudahan-kemudahan Memproses*

$44,154,000 adalah dikehendaki untuk membiayai pembinaan kemudahan-kemudahan memproses di dalam tahun 1975. Pada penghujung tahun 1974, adalah di jangka bahawa FELDA akan mempunyai kesemuanya 12 buah kilang kelapa sawit. Dalam tahun 1975, 3 buah lagi kilang kelapa sawit akan siap dibina oleh FELDA.

*Perbelanjaan Mengurus*

Dianggarkan bahawa $40,039,000 akan dibelanjakan untuk belanja mengurus tahun 1975. Belanja mengurus adalah dibiayai oleh Kerajaan dengan secara langsung. Peruntukan belanja mengurus adalah digunakan untuk membiayai perkara-perkara seperti berikut:

(i) Gaji untuk semua kakitangan-kakitangan melainkan kakitangan-kakitangan kilang-kilang getah dan kelapa sawit yang mana gaji kakitangan dibiayai oleh bayaran memproses.

(ii) Semua perkhidmatan dan bekalan untuk pentadbiran kecuali di kilang-kilang dan installasi di pelabuhan.

(iii) Semua bayaran tetap untuk kegiatan pentadbiran kecuali di kilang-kilang dan installasi di pelabuhan.

(iv) Semua perbelanjaan kemajuan berkaitan dengan penyelidikan pertanian seperti pembersihan tanah, pembelian

benih dan anak-anak pokok, penjagaan dan baja. Pecahan perbelanjaan 1975 adalah seperti berikut:

| | $ 1975 |
|---|---|
| Gaji ... ... ... | 22,000,000 |
| Perkhidmatan dan Bekalan ... ... ... | 6,500,000 |
| Pembelian Harta Modal | 8,500,000 |
| Pembelian dan Bayaran Tetap ... ... ... | 539,000 |
| Lain-lain Perbelanjaan | 2,500,000 |
| | $40,039,000 |

Anggaran perbelanjaan tahun 1975 atas pembelian harta modal ialah $8,500,000. Peruntukan ini akan digunakan bagi:

(i) Pembinaan bangunan-bangunan pejabat bagi rancangan-rancangan baru dan pejabat-pejabat wilayah.

(ii) Perumahan-perumahan kakitangan di rancangan.

(iii) Pembelian kenderaan-kenderaan dan trektor-trektor untuk wilayah dan rancangan yang telah dibuka dan akan dibuka.

*Pecahan-kepala 3—Rancangan Kemajuan Sungai Tong, Trengganu—$4,900,000.*

Rancangan Sungai Tong di Trengganu ini telah dimulakan pada tahun 1966 oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Trengganu dengan mendapat bantuan dari Kerajaan Pusat. Projek ini meliputi 25,000 ekar tanah di mana 20,000 ekar adalah untuk tanaman kelapa sawit dan 5,000 ekar untuk tanaman getah. Sehingga sekarang, jumlah keluasan tanah yang telah dimajukan dan ditanam dengan kelapa sawit dan getah ialah 19,893 ekar. Peruntukan sebanyak $4.9 juta adalah diperlukan untuk menyambung tanaman-tanaman itu sehingga akhir penutupan Rancangan Malaysia Kedua.

*Pecahan-kepala 6 dan 8—Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA)—$14,956,100*

Sejak FELCRA ditubuhkan pada tahun 1967 hingga 1970 FELCRA telah memulih memajukan 15,282 ekar tanah, terdiri dari Rancangan Pemulihan seluas 14,782 ekar dan Rancangan Pinggir 500 ekar. Dalam Rancangan Malaysia Kedua FELCRA telah ditugaskan memulih/memajukan 116,000 ekar terdiri dari Rancangan Pemulihan (16,000) ekar), Rancangan Pinggir (40,000) ekar dan Rancangan Belia 60,000 ekar. Untuk mencapai matlamat ini organisasi FELCRA telah diperbesarkan dan disusun semula pada tahun 1971. Setakat ini FELCRA mempunyai 523 kakitangan, iaitu 132 orang bertugas di Ibu pejabat dan 391 orang bertugas di rancangan-rancangan.

Jumlah keluasan tanah yang dipulih/dimajukan dalam Rancangan Malaysia Kedua hingga sekarang (1974) ialah 60,441 ekar, iaitu 52.1% dari 116,000 ekar matlamat yang telah ditentukan. Ini menjadikan luas rancangan-rancangan kelolaan FELCRA sejak ditubuhkan hingga sekarang ialah 75,723 ekar terdiri dari 23,885 ekar Rancangan Pemulihan, 33,819 ekar Rancangan Pinggir dan 18,019 ekar Rancangan Belia.

Setakat ini sebanyak 17 Rancangan Pemulihan telah mengeluarkan hasil iaitu 16 rancangan getah yang meliputi kawasan seluas 12,138 ekar, dan 1 rancangan kelapa sawit meliputi kawasan seluas 1,054 ekar. Sehingga kini jumlah peserta-peserta rancangan kelolaan FELCRA ialah 5,212 orang, dan dari segi pembahagian mengikut jenis rancangan ialah 3,559 orang Rancangan Pemulihan, 889 orang Rancangan Pinggir dan 764 orang Rancangan Belia.

FELCRA telah juga ditugas bagi menjalankan satu kajian yang teliti mengenai masaalah-masaalah pemilikan tanah di kawasan perairan Kemubu di Kelantan. Kajian ini sedang dijalankan oleh FELCRA dengan pesatnya.

Bagi tahun 1975 FELCRA akan memulih/memajukan 7 Rancangan Tanah Pinggir seluas 8,065 ekar dan kesemuanya akan ditanam dengan getah. Peruntukan untuk rancangan-rancangan tahun 1975 ini berjumlah $14,956,100 iaitu $5,105,100 bagi pengurusan (secara langsung) dan $9,852,000 pinjaman (perbelanjaan pembangunan). Bagi Perancangan Rancangan Malaysia Ketiga matlamat dari segi keluasan memulih/membuka tanah dan kebolehan mendapat tanah adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Rancangan Pemulihan Tanah | 15,000 ekar |
| Rancangan Tanah Pinggir | 30,000 ekar |
| Rancangan Tanah Belia ... | 20,000 ekar |
| | 65,000 ekar |

Usaha-usaha untuk mendapatkan kawasan yang sesuai sedang dijalankan oleh FELCRA dan setakat ini kawasan seluas 44,300 ekar telah diperolehi bagi maksud ini. FELCRA dijangka dapat membuka 65,000 ekar tanah dalam Rancangan Malaysia Ketiga berasaskan kepada luas kawasan yang dimajukan dalam Rancangan Malaysia Kedua.

*Pecahan-kepala 7—Ladang-ladang Awam—$9,450,000*

Tiga projek ladang awam telah dimajukan dalam Rancangan Malaysia Kedua di kawasan Bukit Besi Trengganu meliputi 15,400 ekar tanah, Laka Temin, Kedah (8,000 ekar) dan Sungai Terah, Kelantan (11,500 ekar). Tujuan rancangan pembukaan ladang-ladang ini ialah untuk memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk tempatan dan juga menambahkan sumber hasil Kerajaan Negeri masing-masing.

Sehingga akhir tahun 1974 kemajuan yang telah dicapai ialah:

| | |
|---|---|
| Ladang Bukit Besi ... | 14,480 ekar; |
| Ladang Rakyat Laka Temin ... ... | 5,457 ekar; dan |
| Ladang Sungai Terah | 2,480 ekar. |

Peruntukan berjumlah $31 juta telah diluluskan bagi projek-projek ini dalam Rancangan Malaysia Kedua dan peruntukan sebanyak $9,450,000 adalah diperlukan untuk menyambung projek-projek tersebut sehingga akhir penutupan Rancangan Malaysia Kedua.

*Pecahan-kepala 9 Penentuan Tanda Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia/Indonesia di Sarawak dan Sabah—$500,000*

Perjanjian telah dibuat antara Kerajaan Republik Indonesia dan Kerajaan Malaysia bagi menjalankan projek ukuran dan penentuan Sampadan Antarabangsa antara Malaysia di Sabah dan Sarawak dan Republik Indonesia di Kalimantan dan Kalimantan Barat.

Sempadan-sempadan antarabangsa antara Malaysia dan Indonesia telah ditentukan dan diterangkan dalam perjanjian-perjanjian dan konvensyen-konvensyen (Treaties and Conventions) yang telah dibuat di antara Kerajaan British dan Kerajaan Belanda akan tetapi sempadan-sempadan ini belum lagi ditentukan secara terang dan rasmi dipermukaan bumi, melainkan di satu kawasan lebih kurang 18 batu di Sarawak dan di Pulau Sebatik di Sabah.

Oleh kerana beberapa kemajuan yang sedang diusahakan di sepanjang sempadan kedua-dua buah negara maka adalah mustahak bahawa sempadan-sempadan ini ditentukan dengan terangnya dan ditandakan dipermukaan bumi. Projek ini akan berterusan selama beberapa tahun.

Peruntukan sebanyak $500,000 adalah diperlukan untuk membeli alat-alat ukuran dan membiayai upahan.

Suka juga saya jelaskan di sini bahawa satu projek ukuran perbatasan Malaysia/Thailand yang bermula pada bulan Julai tahun 1973 sekarang ini sedang berjalan mengikut jadualnya. Kerja-kerja yang telah siap 80% dan dijangka selesai pada bulan Februari, 1975. Perbelanjaan sebanyak $800,000 untuk elaun-elaun dan pembelian bahan-bahan (materials) telahpun dijalankan.

*Pecahan-kepala 11—Kemajuan Taman Negara—$467,360*

Peruntukan sebanyak $467,360 adalah dikehendaki untuk membina sebuah Rumah Tumpangan yang memakan belanja sebanyak $360,000 sebuah Generator berharga $100,000 dan bakinya sebanyak $7,360 untuk menyelenggarakan padang-padang ataupun taman-taman. Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini lebih ramai lagi pelancung-pelancung akan dapat melawat ke Taman Negara.

*Pecahan-kepala 15—Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak—$16,597,800*

Peruntukan berjumlah $32,056,800 telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua bagi Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak untuk memajukan tanah-tanah dan menempatkan orang-orang luar bandar. Lembaga tersebut telah ditubuhkan pada awal 1972 dengan tujuan mengambil alih semua projek-projek tanah yang dahulunya diuruskan oleh Sarawak Development Finance Corporation selain daripada melaksanakan projek-projek baharu. Sejak penubuhan Lembaga itu, tanah seluas 20,232 ekar telah dimajukan, 13,482 ekar telah ditanam dengan getah dan 6,750 ekar dengan kelapa sawit. Lembaga telah menetapkan matlamatnya 47,950 ekar untuk dimajukan dengan kelapa sawit. Kawasan ini akan meliputi Komplex Subia (32,950 ekar) dan Komplex Mukah Balingian (15,000 ekar.) Projek ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Peruntukan sebanyak $16,597,800 adalah dikehendaki untuk membolehkan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak membiayai harga pengambilan tanah dan pampasan, melaksanakan projek-projek penempatan dan mengadakan kilang-kilang untuk memproses getah sehingga hujung Rancangan Malaysia Kedua ini.

*Pecahan-kepala 18—Lembaga Kemajuan Tanah Sabah—$7,000,000*

Peruntukan berjumlah $15 juta telah disediakan dalam Rancangan Malaysia Kedua untuk membolehkan Lembaga Kemajuan Tanah Sabah menguruskan projek-projek pembangunan tanah bagi tampoh 1974-1975. $8 juta adalah diuntukkan bagi tahun 1974 dan $7 juta bagi tahun 1975. Seluas 6,000 ekar tanah akan dimajukan dalam tahun 1975 untuk tanaman kelapa sawit. Rancangan-rancangan tanah yang hendak dimajukan adalah dalam kawasan-kawasan Anas Balung, Pengagau, Suan Lemba Silabukan, Sungai Manila dan Nangoh. Seratus ekar rancangan Lihak-lihak adalah untuk menanam koko.

*Pecahan-kepala 22 dan 23, 41-43—Jabatan Ukur—Semenanjung Malaysia dan Sabah—$314,600*

Peruntukan sebanyak $30,000 di bawah Pecahan-kepala 22 adalah dikehendaki bagi projek sukatan air pasang yang dijadualkan dalam tahun 1974 dan tidak dapat dibelanjakan dalam tahun tersebut oleh kerana kawasan-kawasan yang sesuai untuk menyukat air pasang, angin dan sebagainya tidak dapat diperolehi. Oleh itu peruntukan yang sama adalah diperlukan untuk menyambung projek ini dalam tahun 1975.

Peruntukan sebanyak $148,000 di bawah Pecahan-kepala 23 adalah diperlukan bagi pembekalan dan pemasangan bangunan mesin foto sukat yang tidak dapat juga dilaksanakan dalam tahun ini. Tender telahpun dipanggil dan tawaran akan ditawarkan tidak lama lagi.

Sebanyak $75,000 yang diuntukkan di bawah Pecahan-kepala 41 adalah untuk membolehkan kerja-kerja terhadap ukur rupabumi dijalankan/diusahakan dengan licin dan sempurna dalam tahun hadapan.

Peruntukan sebanyak $40,000 di bawah Pecahan-kepala 42 adalah untuk menemui segala perbelanjaan atas pembinaan Stesyen-stesyen Air Pasang di Sabah yang tidak jangka siap dalam tahun 1974 dan juga untuk membeli alat-alat bagi kelengkapan sukatan air pasang. Sebanyak $21,000 di bawah Pecahan-kepala 43 adalah untuk membekalkan kelengkapan-kelengkapan dan penyelenggaraan bagi projek pengawal ukur.

*Pacahan-kepala 50-60, 65-67 dan 75—Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah—$4,440,564*

Untuk membolehkan kerja-kerja pembangunan dilaksanakan pada tahun 1975 jumlah peruntukan sebanyak $3,720,621 di bawah Pecahan-kepala 50-60 adalah dikehendaki:

(i) Untuk membina rumah-rumah kelas H di Institiut Penyelidikan Perhutanan, Kepong.

(ii) Untuk manyambung penyenggaraan ladang panduan dan tanaman mengaya.

(iii) Untuk penubuhan petak kajian tumbesar dan pengeluaran di negeri Johor dan Perak seluas lebih kurang 1,000 ekar dan bancian semula pitak inventori. ...

(iv) Untuk menyambung kerja inventori hutan di kawasan hutan yang dibalak/rosak seluas lebih kurang 2 juta ekar.

(v) Untuk manyelidikan Kayu Lumat, Kertas dan Papan.

(vi) Untuk menyambung kerja-kerja yang dijalankan dalam tahun 1974.

(vii) Untuk menguruskan pembelian alat-alat ukur jalan hutan.

(viii) Untuk menyambung projek-projek yang dimulakan dalam tahun 1974.

(ix) Untuk menyambung kerja penubuhan kebun benih, pembinaan dan membeli alat-alat yang diperlukan untuk kebun benih.

(x) Untuk menyambung kerja pembinaan stesyen kecil dan pembelian alat-alat yang diperlukan; dan

(xi) Untuk menyambung kerja pembinaan yang dimulakan dalam tahun 1974.

Di bawah Pecahan-kepala 65, peruntukan sebanyak $190,000 adalah dikehendaki untuk memperbaiki kamudahan-kemudahan latihan yang sedia ada, terutama sekali tentang alat-alatan perkilangan kayu, sawdo tring dan woodworking. Projek penyelidikan kayu-kayan dan rumah murah kayu balak akan dilaksanakan.

Peruntukan sebanyak $439,943 di bawah Pecahan-kepala 66 adalah untuk projek Penyelidikan Hutan. Projek ini bertujuan mengadakan penyelidikan ke atas semua aspek hutan-hutan di Sarawak supaya cara penggunaan yang paling menguntungkan dapat diperolehi.

Peruntukan sebanyak $90,000 di bawah Pecahan-kepala 67 adalah diperlukan untuk menentukan sumber-sumber hutan yang boleh didapati daripada hutan bukit supaya dapat disediakan exploitasi dalam jangkamasa 20 atau 30 tahun yang akan datang dan juga untuk mengkaji kemungkinan bagi memajukan indastri perkayuan.

*Pecahan-kepala 81, 82, 84, 85 dan 90—Jabatan Penyiasatan Kajibumi—$115,420*

Peruntukan berjumlah $115,420 adalah dikehendaki untuk membeli alat-alat seperti Atomic Absorption Unit bagi tujuan penentuan kandungan logam di dalam kerja-kerja Penyiasatan Penentuan kandungan logam dan alat mengkaji batu-batu dan lain-lain. Alat-alat ini adalah diperlukan untuk suatu penyiasatan yang akan dijalankan di dua kawasan di Trengganu Tengah. Tujuan Penyiasatan ini ialah untuk disahkan ke-ujudan sebarang kandungan logam sebelum kawasan-kawasan itu boleh digunakan bagi pertanian dan lain-lain.

Penyiasatan-penyiasatan logam dan pembuatan peta secara terperinci akan juga diteruskan di kawasan-kawasan Semporna, Tawau, Telupid dan Ranau di Sabah dalam tahun 1975.

Sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, Jabatan Galian telah juga mengambil langkah-langkah menentukan 30% bumiputra akan menyertai perusahaan perlombongan dalam masa 20 tahun akan datang. Antara langkah-langkah yang dijalankan bagi mempergiatkan aktiviti ini ialah dengan mengadakan Tabung Pinjaman. Setakat ini Tabung Pinjaman ini telah dijalankan di Perak dan Selangor. Di samping itu Jabatan Galian juga sedang menyusun satu Unit Khas bagi menasihatkan bumiputra dalam perusahaan ini mengenai soal pengurusan. Lapuran itu akan dikemukakan kepada Kerajaan apabila siap kelak.

Dengan ini, saya mohon izin supaya peruntukan di bawah Kepala Bekalan B. 66 dan Pembangunan P. 66 dalam Anggaran Belanjawan Persekutuan. 1975 bagi Kementerian Tanah dan Galian yang berjumlah $337,851,378 diluluskan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bercadang menguntukkan lebih kurang satu jam untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Pada pukul 8.45 saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

*7.42 mlm.*

**Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop (Padang Rengas):** Tuan Pengerusi, saya bercakap berkaitan dengan Kepala B. 66 dan P. 66 berkaitan dengan perlaksanaan khasnya berkaitan dengan hal-ehwal tanah.

Tuan Pengerusi, saya faham tanah mengikut Perlembagaan adalah perkara Negeri. Oleh sebab itu, adalah menjadi kewajipan kepada saya menyampaikan pandangan-pandangan daripada rakyat khasnya daripada kawasan saya sendiri, Padang Rengas, beberapa perkara berkaitan dengan perlaksanaan tugas-tugas yang dijalankan oleh pegawai-pegawai Kerajaan berkenaan dengan tanah yang saya pandang adalah penting pada sisi negara dan bangsa. Saya hadapkan pandangan-pandangan saya ini kepada Kementerian ini dan kepada National Land Council yang saya faham bertanggungjawab menyelaraskan dasar-dasar tanah dan juga perlaksanaan tugas-tugas berkenaan dengan tanah dengan harapan dengan kebijaksanaan dan jasa baik Kementerian ini dan National Land Council akan dapat kerjasama daripada Kerajaan-kerajaan Negeri.

Bukannya tujuan saya mengkritik, tetapi saya suka sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa semenjak beberapa tahun selalu kita kedengaran orang-orang komplen bahawa layanan-layanan yang diberi kepada orang ramai oleh Pejabat-pejabat Tanah tidak begitu memuaskan hati dan jawapan-jawapan lambat benar diberi. Negeri ini ekonominya bergantung lebih kepada tanaman-tanaman dan tanah. Oleh itu, kepada rakyat Negeri-negeri ini tugas-tugas yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Tanah dan di Pejabat-pejabat Tanah adalah tersangat penting dan menjadi hasrat segala daya-usaha Kerajaan, segala daya-usaha kakitangan Kerajaan yang lain di dalam daerah

di dalam negeri-negeri kita, terutamanya daerah-daerah di kawasan-kawasan luar bandar.

Saya sebenarnya tidak dapat pasti dengan jelasnya apakah sebab kita masih dapati kedengaran komplen-komplen ini dibuat oleh orang ramai, tetapi saya syorkan bahawa tanggungjawab memberi layanan yang baik dan menyempurnakan tugas-tugas berkaitan dengan hal ehwal tanah dengan lebih berkesan adalah terletak kepada Kementerian ini, kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Oleh itu, saya syorkan bahawa kerja-kerja berkenaan dengan tanah dijadikan tugas yang terpenting dan terutama dalam pentadbiran Negeri dan pentadbiran daerah-daerah dalam Negeri. Ini mustahak benar di pejabat-pejabat, di daerah-daerah, kawasan-kawasan luar bandar kerana di sinilah nampaknya dengan nyata hasil tugas-tugas dan peranan kakitangan Kerajaan kepada rakyat dan kepada orang ramai.

Hari-hari orang-orang kita berduyun-duyun ke Pejabat Daerah dan ke Pejabat-pejabat Tanah dan urusan mereka selebihnya kerana tanah; hendak meminta tanah, hendak membayar hasil tanah, hendak bicara kuasa dan sebagainya. Boleh jadi akan ada perubahan, tetapi telah menjadi kebiasaan dalam negeri dan saya pun ada bertugas dalam Pejabat Tanah beberapa tahun dahulu sebagai Penolong Pegawai Daerah yang terkanan dalam sesuatu daerah itu menjadi Pemungut Hasil Tanah dan dengan itu khas bertanggungjawab kerana tanah.

Pejabat Tanah Daerah selalunya sungguhpun berasingan adalah dalam satu bangunan atau satu komplek bangunan sahaja dengan Pejabat Daerah dan pejabat-pejabat yang lain. Pegawai-pegawai Daerah selalunya sungguhpun mereka juga menjadi Pemungut Hasil Tanah lebih menjalankan tugas-tugas yang lain misalnya mengenai hal ehwal awam/am dan hal ehwal masyarakat, serta juga hal-hal lain seperti pertubuhan sukarela dalam bidang sukan, Red Cross, St. John dan sebagainya. Semuanya ini penting dan mustahak untuk kebahagian dan kebaikan masyarakat kita, tetapi mengikut aliran masa dan priority yang dihadapi oleh kita pada masa ini boleh juga dikatakan krisis yang dihadapi oleh kita pada masa ini.

Saya syorkan bahawa pegawai yang terkanan sekali di dalam sesuatu daerah itu iaitu Pegawai Daerah hendaklah diberi tugas seperti tugasnya yang utama—hal ehwal tanah. Di samping itu, ianya juga diberi tanggungjawab tugas-tugas lain, tetapi tugas-tugasnya yang terpenting ialah tanah; kutipan hasil tanah, bicara kuasa, pendaftaran tukar nama, gadaian dan sebagainya.

Pegawai-pegawai Daerah, saya faham adalah sekarang terlibat sebagai tugas utama dalam soal dan perkara pembangunan dan menjadi Pengerusi Lembaga-lembaga Pembangunan Luar Bandar. Ini adalah perkara yang terpenting sekali pada masa ini dan selain daripada tanah, saya syorkan hal ini terus juga menjadi tugasnya yang utama. Dengan Pegawai Daerah sendiri menjadi pegawai dalam daerah yang diberi tugas-tugas yang dua ini akan nampaklah kepada rakyat keutamaan yang diberi kepada kedua-dua perkara ini. Kerjanya pun menjadi senang, sebab dalam soal yang berkaitan dengan pembangunan di luar bandar, semuanya saya berani berkata berkaitan dengan tanah dan ianya sendiri dengan itu akan dapat merancang dan mengawasi rancangan-rancangan pembangunan dalam kawasan-kawasan luar bandar dengan lebih licin dan dengan lebih berkesan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya suka ambil peluang sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah berkenaan dengan kutipan hasil tanah dan bicara kuasa. Saya syorkan supaya kita ikut balik cara-cara bertugas seperti yang pernah dibuat semasa belum perang dahulu, iaitu kakitangan daripada Pejabat-pejabat Tanah dengan diketuai oleh pegawai yang menjadi Penolong Pemungut Hasil Tanah atau Pemungut Hasil Tanah sendiri keluar ke mukim-mukim mengutip hasil tanah. Masa dahulu pegawai-pegawai dan kakitangan keluar kadang-kadang sampai enam tujuh hari melawat ke mukim-mukim dan kampung-kampung yang jauh. Jikalau mukim-mukim yang di tepi sungai, naik dan tidur dalam house boat sepanjang enam atau tujuh hari masa-masa satu lawatan ini.

Di samping itu mereka boleh juga membuat kerja tanah yang lain seperti bicara kuasa dan sebagainya. Dengan jalan ini negara bukan sahaja mendapat banyak hasil tanah dikutip dan menjadi kurang arrears hasil yang tidak dikutip tiap-tiap tahun, tetapi juga orang-orang kita dalam kampung-kampung lebih-lebih lagi dari kampung-kampung yang jauh tidaklah bersusah-payah

terpaksa membelanjai wang datang ke bandar-bandar untuk pergi ke Pejabat Tanah. Jika terpaksa pergi ke bandar mereka tinggal kerja satu dua hari dan wang yang terpaksa mereka belanjakan untuk lawatan itu boleh digunakan untuk kepentingan akan datang.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup Ahli Yang Berhormat.

*7.51 mlm.*

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Pengerusi, saya menyokong Anggaran Belanjawan Kementerian Tanah, Galian dan Hutan di bawah Kepala B. 66 dan Kepala Pembangunan P. 66.

Saya juga mengalu-alukan perlaksanaan yang telah dijalankan oleh Kementerian Tanah, Galian dan Hutan yang telah membuka rancangan-rancangan tanah seperti di Pahang dan Johor. Tetapi, rancangan pembukaan tanah yang begini besar tidak pula terdapat di Negeri Kelantan oleh kerana di Kelantan tidak ada tanah lagi, seperti juga di Perlis, Pulau Pinang dan Melaka yang mana peruntukkan bagi pembukaan tanah itu yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan yang pendapatannya daripada hasil-hasil rakyat di dalam Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, di dalam perlaksanaan pembahagian tanah-tanah itu, sukalah saya menyeru di dalam Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan-kerajaan Negeri mengambil sikap yang liberal. Saya berharap janganlah ada perasaan ke negeri-negerian, sebab kita semua ialah rakyat Malaysia hari ini. Kalaulah kita mengkaji rancangan-rancangan tanah seperti di Johor dan Selangor kebanyakan peserta-pesertanya adalah terdiri daripada saudara-saudara jiran kita yang datang daripada Indonesia, ingin menjadi rakyat Malaysia yang sudahpun lama bermastautin di sini. Jadi saya rasa sepatutnyalah juga diberi kepada peserta-peserta daripada Negeri Perlis, Melaka dan Pulau Pinang, begitu juga kepada orang-orang Kelantan yang dahagakan tanah pada hari ini.

Sungguhpun hari ini ada terdapat orang-orang Kelantan yang mengambil tanah di Pahang dan Trengganu tidaklah begitu besar bilangannya, tetapi mana-mana tanah yang telah diberi kepada orang-orang Kelantan hari ini telahpun membuktikan kerajinan dan kejayaan yang memuaskan kepada perlaksanaan rancangan tanah hari ini.

Tuan Pengerusi, mengenai penceraian di kalangan peserta-peserta di dalam rancangan tanah FELDA, yang mana pihak Yang Berhormat Menteri telahpun bersetuju supaya harta sepencarian mereka itu diberikan kepada isteri-isteri mereka yang dicerai. Di sini sukalah saya mengemukakan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, setakat manakah perlaksanaan itu dijalankan oleh pegawai-pegawai yang berkenaan hari ini. Sebab ada sungutan-sungutan daripada isteri-isteri yang tidak dapat pembahagian harta sepenceraian itu dan saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya penyiasatan di dalam hal ini dapat dilaksanakan dengan segera.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan perkelahian di antara perserta dengan peserta dan di antara peserta dengan pegawai-pegawai yang mana terdapat pada hari ini. Sekiranya berlaku perkelahian itu pada peserta-peserta, maka peserta-peserta itu dihalau bersama-sama dengan anak isteri mereka yang tidak bersalah itu. Di sini saya berpendapat tidaklah patut isteri-isteri dan anak-anak yang tidak bersalah itu menerima nasib yang malang. Oleh itu sukalah saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya tanah itu diberi milik kepada isteri yang tidak berdosa itu, oleh kerana mereka telah lama bekerja dan berusaha dan tidaklah patut sekiranya tanah itu diambil balik dan tidak diberi kepada mereka. Di dalam hal ini saya berharap pihak Kementerian supaya mengkaji dengan sedalam-dalamnya sebelum dibuat apa-apa keputusan.

*7.55 mlm.*

**Tuan Jaafar bin Hamzah (Johor Bahru):** Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini mengalu-alukan serta memberikan ucapan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang baharu sahaja membentangkan Belanjawannya sebagaimana yang telah diterangkan satu-persatu oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi. Tetapi walau macammanapun, inginlah saya mengambil kesempatan di sini untuk menyentuh beberapa perkara khususnya bagi perlaksanaan tugas-tugas di Pejabat-pejabat Tanah yang di dalam negara kita pada masa ini.

Tuan Pengerusi, di antara tugas-tugas di Pejabat-pejabat Tanah ialah penyelarasan tugas-tugas antara Pejabat Tanah yang memproseskan permohonan-permohonan tanah itu. Sebagaimana semua Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, telah terdapat beberapa banyak sungutan-sungutan yang boleh diperolehi di kalangan rakyat bagi menentukan serta mendapat layanan yang baik daripada pegawai-pegawai yang menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dikalangan pegawai-pegawai yang ada di Pejabat Tanah itu. Ini, Tuan Pengerusi, bagi daerah Johor Baharu sana, terdapat di antara permohonan-permohonan yang telah begitu lama terpendam dan ada di antaranya sampai enam hingga tujuh tahun masih belum diselesaikan lagi oleh Pejabat Tanah yang berkenaan. Ini sangatlah mengeciwakan rakyat khasnya di kawasan pilihanraya saya sendiri yang telah berkali-kali selain daripada membuat satu permohonan demi satu permohonan, daripada satu kawasan demi satu kawasan masih juga jawapannya tidak diperolehi. Oleh yang demikian, saya sangat-sangatlah berharap agar Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat mengkaji di atas kesilapan-kesilapan yang sedang berlaku dan memanglah menjadi harapan saya agar perkara ini tidak akan berlarut-larutan sehinggalah tidak ada matlamatnya.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara ialah penyelarasan tugas-tugas bagi menentukan ubah syarat (conversion of lands) daripada satu syarat kepada satu syarat lain yang diselenggarakan samada di Pejabat Tanah mahupun di Pejabat Kemajuan Negeri. Ini terdapat, ada di antara Pejabat-pejabat Tanah tidak ketahui apakah tugas yang sebenarnya apabila mereka ini memproseskan ubah syarat yang saya maksudkan tadi. Saya terdapat satu permohonan apabila dimajukan ke Pejabat Tanah, Pejabat tersebut telah memproseskan permohonan ubah syarat ini.

Setelah sekian lama memakan masa hampir setahun maka permohonan itu dimajukan pula ke Pejabat Kemajuan Nageri. Apabila sampai sahaja permohonan itu ke Pejabat Kemajuan maka pegawai yang bertanggungjawab di Pejabat Kemajuan Negeri sendiri berasa hairan mengapa dan kenapa Pejabat Tanah memproseskan permohonan ubah syarat itu. Sedangkan ubah syarat sepatutnya sebagaimana kata pegawai-pegawai di Pejabat Kemajuan Negeri adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Pejabat Kemajuan Negeri sendiri. Oleh yang demikian, ini adalah melengah-lengahkan tugas dan tanggungjawab samada di Pejabat Tanah mahupun di Pejabat Kemajuan Negeri sendiri, dan dengan keadaan yang begitu pihak Pejabat Kemajuan Negeri terpaksa pula memproseskan permohonan ubah syarat itu dengan menghantarkan lebih kurang ketiga belas buah pejabat yang lain untuk mendapatkan komen daripada jabatan-jabatan yang berkenaan. Ini juga terpaksa memakan masa berbulan-bulan lamanya. Jadi oleh yang demikian, saya sangat-sangatlah berharap apalah kiranya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memerhatikan supaya perkara ini tidak akan berlaku lagi dan seterusnya memberi satu latihan yang tertentu supaya perkara-perkara yang seumpama ini, perbezaan di antara tugas-tugas di Pejabat Tanah dan juga tugas-tugas di Pejabat Kemajuan Negeri tidak bercanggah di antara satu sama lain.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan L.K.T.P., saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telah bersama-sama menitikberatkan serta memerhatikan perlaksanaannya agar dapat berjalan dengan sempurna mengikut aliran dan juga Dasar Ekonomi Baru kita. Dan di samping itu juga, saya sangat-sangat berharap apalah kiranya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberikan segala perhatian dan kemudahan kapada pihak peneroka-peneroka yang ada di dalam negara kita ini khasnya di kawasan pilihanraya saya sendiri. Saya dapati di dalam kawasan pilihanraya saya sendiri. Saya dapati di dalam kawasan pilihanraya saya iaitu kawasan FELDA Cahaya Baharu yang begitu indah namanya.

Pada mulanya penduduk tidaklah begitu ramai, tetapi setelah sekian lama mereka bertambah. Mereka mempunyai anak, selepas itu besar, maka anaknya pun mendirikan rumahtangga dan mempunyai cucu pula dan sebagainya. Penduduk-penduduk bertambah dari semasa ke semasa, dan di dalam keadaan ini terdapatlah kesulitan-kesulitan yang dialami oleh pihak peneroka di FELDA Cahaya Baharu itu, iaitu berhubung dengan Sekolah-sekolah Ugama, masjid dan juga lain-lain kamudahan. Tetapi walau bagaimanapun pihak saya telah dapat kerjasama dengan pihak Kerajaan Negeri Johor sendiri

yang telah dapat memberi satu peruntukan khas sebanyak $114,000 bagi mendirikan Sekolah Ugama di Rancangan FELDA Cahaya Baharu di Masai.

Walau bagaimanapun saya sangat-sangat berharap kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang berkanaan agar dapat memberi satu peruntukan khas di kawasan saya bagi membesarkan masjid yang sepatutnya pada masa ini hanya boleh menampung sebanyak 200 orang sahaja sedangkan penduduk di kawasan itu melebihi daripada 2,000 orang. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkanaan agar dapat mengambil perhatian di dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perceraian yang berlaku di FELDA, di kawasan saya banyak penceraian-penceraian sedang dan telah berlaku, dan ini adalah menjadi satu perkara yang sangat-sangat rumit bagi saya apabila isteri-isteri peneroka FELDA menemui saya untuk mendapatkan pertolongan agar mereka ini diberi perhatian yang begitu baik dan sempurna. Saya kata begitu oleh kerana pada waktu mula-mula mereka meneroka tanah itu, masing-masing masih muda belaka dan hasil daripada usahanya mereka telah mendapat hasil lumayan. Keadaan mereka semakin lama semakin tua, uzur dan sebagainya. Di dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, saya menyokong pandangan yang dibangkitkan oleh wakil wanita Yang Berhormat dari Tumpat yang telah menyuarakan perkara ini dan berharap supaya perkara ini dapat diambil perhatian yang berat.

*8.05 mlm.*

**Tuan Leo Moggie (Kanowit):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, in speaking on the Estimates for the Ministry of Lands and Mines, I shall try to be very brief, and I just want to touch on three short items.

One is in regard to Head P. 66 Sub-head 15, on page 495, which is in connection with the allocation to the Sarawak Land Development Board. I should like to echo the view which has been expressed by the Honourable Member for Tumpat where she has said that our own citizens should also be given due consideration in allocating jobs and in settling in land development schemes. I am referring in particular, Mr Chairman, Sir, to the Land Development Board Scheme in Miri where I know that a number of workers of other nationalities are taken in, whereas a number of our own citizens who are looking for jobs, are not being taken in. The reason for this, as far as I have been made to know, is that these people are a little bit reluctant to settle down. Apparently, this is the reason given by the Land Development Board. Now, if this is so, then there could be other reasons why they are reluctant to settle down. It could be that land settlement schemes to this community of people is a new thing. It could be that it takes time to persuade people to settle in land development schemes. What I am trying to suggest, Mr Chairman, is that land development schemes must not be looked at in terms of the Gross National Product. It has also to be looked at very importantly in terms of the social issues and, I think, it is necessary that deeper studies be conducted as to the reasons why some people might be reluctant to settle at this time. The reason could be that they are not being given ownership to land or it could be that they are not given a share in the ownership of the oil palm scheme. And to our society, I think that property ownership, and especially land ownership, is an important issue.

Now, proceeding from that, also on page 495, Sub-head 16, which is in connection with emergency resettlement and regrouping schemes, I wish to touch on three main areas. These areas are in the constituency that I represent . . . . .

**Tuan Pengerusi:** I see that no money is provided for this item for next year.

**Tuan Leo Moggie:** No money is provided, and that is what I am trying to comment on.

**Tuan Pengerusi:** Oh, I see.

**Tuan Leo Moggie:** There is no allocation given under that item. No allocation has been given because perhaps it is felt that these people are already resettled. They were first resettled because of the emergency recently; because of security reasons it was felt necessary that people from the longhouses nearby should be grouped into three main areas—these are at Lamak areas. The names of the places are Nganga Ngungun, Nganga Jagau and Nganga Tada. Now, as at

this moment, they are being given relief in terms of one gantang of rice per person per month. In addition, they were originally provided with some help by way of building materials for temporary settlement. A total of about 900 families are involved in these three schemes. What I am suggesting here, Sir, is that in view of the improvement of the security situation, it might be necessary to review the position whether these people should remain resettled in the areas where they are now. To leave them at the present settlement, where the land area is already fairly occupied with rubber estates of the original settlers—people who had been there originally—to me, would mean to condemn these families to perpetual dependence and welfare help. No citizens with any self-respect, and I am sure no Government, can afford to provide welfare help indefinitely. What I am trying to suggest here is that if it is intended that these people should be resettled, then they should be resettled in areas where there is sufficient empty land for them to earn their living. If it is not intended that they should be resettled permanently, then it is probably about time that we consider whether they ought not to be asked to return back to their original homes, because by leaving them where they are, we cannot afford to give charity all the time much as we ought to be giving charity, neither ought they be left to expect charity all the time. What they need is obviously opportunities to earn a decent living.

Now, my last point is also on the Sarawak Land Development Board, Sir, and just one minor comment on that one. I hope that the Sarawak Land Development Board, in terms of other agencies of Government, is not going to duplicate various items of work. I refer to one particular instance—the cattle scheme. I know that the National Livestock Corporation is trying to implement a cattle scheme in one place in Sarawak. At the same time I am informed—this is the information I have received—that the Sarawak Land Development Board is also thinking of implementing a cattle scheme at some place in Mukah District. I hope this information is not true because if it is, it is duplicaton of work and unnecessary wastage of our scarce resources.

Now, the last item I would touch on, Mr. Chairman. . . . .

**Tuan Pengerusi:** You have one minute more.

**Tuan Leo Moggie:** One more minute? I shall try to be very short. This is in connection with Head B. 66, item 1100, Aktiviti (4) (a) Forestry—Policy and Administration. Just briefly, Mr Chairman, what I am trying to say is that in terms of the New Economic Policy, it has always been intended that the bumiputras who wish to participate be given a fair share in the economic life. In terms of Sarawak, forestry is one of the main items. At this moment, any information that anybody attempts to get on this will show that the bulk of the timber industry, the bulk of the licences, are still in non-bumiputra hands. Now, I am suggesting that we ought to try and remedy the situation. If it is felt that the bumiputras do not have necessary capital to participate in the timber industry, then it ought to be possible that employees of bumiputra origin in timber firms might be given originally free shares then they might be asked to pay from their bonuses at the end of the year.

Mr Chairman, I think it is an important issue to be tackled because it is one of the main revenue earning items we ought to concentrate on.

*8.13 mlm.*

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa):** Tuan Pengerusi, cuma ada satu perkara sahaja yang saya hendak sebutkan di sini di bawah Kepala B. 66.

Di waktu akhir-akhir ini kita banyak dengar cerita mayat-mayat telah dibakar kerana kekurangan tanah perkuburan. Di Indonesia khususnya Jakarta dan di setengah negara jiran kita sedang menyediakan berjuta-juta ringgit untuk menyiapkan tempat pembakaran mayat. Semuanya ini berpunca daripada kekurangan tanah perkuburan. Perkara ini walaupun tidak berlaku lagi di negeri kita ini, tetapi suatu langkah yang positif mesti diambil daripada sekarang kerana dibimbangkan tidak berlaku lagi pembakaran mayat ketika khususnya mayat orang Islam.

Tuan Pengerusi, mengikut pendapat saya setidak-tidaknya kita mesti mengadakan peraturan-peraturan atau undang-undang

melarang waris-waris ini membina keranda-keranda yang tetap atau bangunan-bangunan yang dibina dengan tetap daripada simin di atas kubur-kubur yang ditanam itu. Bagi kita orang Islam khususnya kalau kita rojok kepada buku perundangan Islam kita sebutkan fikah, kita telah berjumpa hukum ini, iaitu melarang waris-waris daripada membuat bangunan tetap; baik bangunan, baik keranda atau binaan-binaan tetap yang tidak dapat dialih. Hal ini agaknya kebijaksanaan mereka itu dapat memikirkan sejak dari dahulu lagi bahawa pada suatu masa kelak kalau dibiarkan keranda-keranda atau bangunan itu dibina di kubur tentu tanah menjadi sempit, kerana tidak dapat lagi kubur itu digunakan untuk orang lain, sedangkan Islam membenarkan sesuatu kubur itu setelah sampai masanya 40-50 tahun misalnya, setelah dianggap mayat itu telah reput kita boleh gunakan. Kita boleh gali semua kubur itu untuk ditanam mayat orang lain. Sekiranya keranda simin ini dibuat maka dengan sendirinya tidak dapat digunakan untuk orang lain. Oleh yang demikian, saya berharap benar pada Kementerian ini berfikir dari sekarang, dibimbangkan perkara ini berlaku dan mengadakan undang-undang atau melarang orang-orang yang hidup ini membuat bangunan-bangunan yang besar. Hal ini sama sahaja samada kubur orang Islam ataupun kubur yang bukan orang Islam. Dan jikalau kita berjalan di tepi-tepi jalanraya daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur, daripada Kuala Lumpur ke Johor Bahru misalnya, kita dapati di tepi-tepi jalan itu banyak kubur-kubur orang-orang yang bukan Islam memakan kawasan yang luas bagi seseorang yang mati—5 depa padu persegi misalnya dibuat dengan simin yang kukuh yang dianggapkan tidak dapatlah orang lain hendak menggunakannya. Hal ini memang kalau dibiarkan berlanjutan maka suatu masa kelak akan sampai saat dan tanah perkuburan akan habis dan mayat-mayat terpaksa dibakar khususnya mayat-mayat orang Islam. Oleh yang demikian, saya minta perhatian besar daripada Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Minta pendekkan ucapan kerana ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap—kalau dapat 5 minit.

*8.15 mlm.*

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh di bawah Kepala P. 66, Pecahan-kepala 1—khusus kepada aktiviti sahaja.

Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan supaya banyak lagi pembukaan tanah FELDA ini dijalankan sungguhpun Yang Berhormat Menteri telah menerangkan ada banyak rancangan-rancangan tanah baharu dibuka untuk FELDA, tetapi saya rasa dari setahun ke setahun rancangan FELDA patutlah diperbanyakkan di negara kita ini. Kerana pada masa 10 tahun yang lampau orang-orang kita terutama sekali orang-orang di luar bandar tidak begitu gemar memasuki FELDA dan kita menggunakan kempen secara besar-besaran sehingga pada hari ini mereka itu berlumba-lumba bertumpu hendak memasuki rancangan-rancangan FELDA dan kita pun tidak dapat menerima mereka ataupun menampung kehendak mereka sehingga pada tiap-tiap tahun berpuluh-puluh ribu, kalau tidak salah saya, pemohon-pemohon untuk memasuki rancangan-rancangan tanah FELDA ini terpaksa ditolak. Pada masa sekarang ini, saya rasa FELDA inilah satu caranya yang boleh diberi peluang untuk penduduk-penduduk luar bandar menentukan cara hidupnya yang lebih sempurna daripada yang ada sekarang dan juga barangkali mengurangkan pengangguran dan saya suka mencadangkan supaya rancangan FELDA diperbanyakkan lagi, diperbagaikan lagi jenis-jenis tanamannya selain daripada getah, kelapa sawit, tebu dan koko. Saya rasa ada banyak lagi bahan-bahan yang boleh diexport dan diprocess untuk export seperti nangka, cengkeh, kekabu untuk membuat tilam dan sebagainya, kapas dan juga pokok-pokok mulberry untuk perusahaan ulat sutra. Dan saya rasa boleh juga FELDA ini mengadakan penanaman rumput-rumput rampai khususnya untuk ternakan secara besar-besaran. Sungguhpun perkara ini barangkali di bawah Jabatan Haiwan tetapi FELDA saya rasa boleh mengambil initiative, mengadakan penanaman rumput secara besar-besaran bagi ternakan lembu, kambing dan sebagainya untuk mencukupi bahan-bahan protein, bahan-bahan makanan untuk negara kita ini.

Yang kedua, berkaitan dengan FELDA juga. Saya suka menyentuh tentang sistem pemilihan peserta-peserta yang dijalankan sekarang. Saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan yang khususnya untuk menjalankan

pemilihan ini dan saya tahu sekarang ini telah menggunakan komputer dan dapat mengeluarkan keputusan-keputusannya dengan begitu cepat sekali jika dibandingkan kepada beberapa tahun yang lepas. Tetapi saya sukalah memberi pandangan sedikit tentang point system atau markah yang digunakan iaitu markah yang diberi kepada umur. Kalau tidak salah saya had umur dibenarkan bagi pemohon-pemohon untuk memasuki L.K.T.P. ini ialah 35 tahun. Tetapi pemohon-pemohon yang berumur 35 tahun itu diberi markah yang paling kecil sekali iaitu satu markah sahaja. Ini saya rasa tidak lojik dan tidak adil. Kerana pemohon itu hanya itulah sahaja kali yang akhir yang mereka dapat bermohon, bermakna kalau mereka tidak dapat peluang tahun ini sewaktu mereka berumur 35 tahun pada tahun hadapan mereka tidak ada peluang lagi hendak membuat permohonan dan ini merusakkan masa hidupnya barangkali 40 tahun lagi pada masa yang akan datang. Sepatutnya pemohon-pemohon yang berumur 35 tahun diberi markah yang paling tinggi sedikit, sebab barangkali pemohon-pemohon yang berumur 25 tahun mereka ada peluang lagi memintanya pada masa yang akan datang.

Dan yang akhir sekali, saya menyentuh mengenai disiplin peserta-peserta di dalam rancangan L.K.T.P. Kita percaya Kerajaan kita tidak hendak berlaku zalim kepada rakyatnya sendiri dan kita percaya kebanyakan peserta-peserta yang memasuki mana-mana rancangan tanah ini adalah hendak mengubah cara hidup mereka dan mereka hendak cuba hidup dengan cara yang lebih sempurna. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa ada seorang dua barangkali yang memasuki rancangan ini bukan kerana hendak mengubah cara hidup mereka, cara hidup yang baharu di dalam Rancangan L.K.T.P. Mereka ini barangkali dihantar oleh setengah-setengah golongan barangkali, setengah-setengah parti politik dan mereka ini adalah menjadi petualang-petualang yang memimpin penentangan terhadap Kerajaan. Ini membahayakan negara dan saya rasa patutlah pihak Kementerian ini mengambil satu langkah yang tegas supaya satu dua orang mereka ini tidak merosakkan yang banyak, tidaklah kata orang: sebab nila setitik, rosak susu sebelanga. Lebih baik mereka ini ditendang keluar lebih awal sedikit.

*8.21 mlm.*

**Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi):** Tuan Pengerusi, saya bangun bagi menyokong permohonan Kementerian Tanah, Galian dan Hutan untuk memperolehi wang sebanyak $337,851,378 untuk pembangunan bagi Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, akhir-akhir ini rayuan rakyat bagi memperolehi tanah makin bertambah, lebih-lebih lagi manakala Kerajaan sendiri telahpun mula motivate secara aggressive supaya revolusi bumi hijau ini diperhebatkan dan dipercepatkan. Tetapi malangnya di setengah-setengah tempat di mana Kerajaan Negeri sendiri tidak mempunyai tanah, seruan Kerajaan ini tidak dapat disambut baik oleh rakyat kerana ketiadaan tempat dan tanah untuk dimajukan, sehingga seruan Kerajaan ini dapat dipermain-mainkan oleh rakyat, kata rakyat; alangkah baik kiranya setengah-setengah mereka kalau pihak-pihak bapak-bapak Menteri kita sendiri dapat mengorbankan halaman-halaman kawasan rumah mereka untuk dicucuk tanam oleh rakyat.

Perkara ini bertambah rumit lagi di kawasan-kawasan di mana Kerajaan Negeri tidak ada tanah untuk dibahagikan kepada rakyat di setengah-setengah tempat kerana di sekeliling dan sekitar kawasan-kawasan itu tanah-tanahnya yang ada sudahpun dimiliki oleh orang ramai atau oleh estet-estet yang besar-besar. Tetapi apa yang menjadi tanda tanya pula ialah kenapa kawasan-kawasan hutan (forest) yang direservekan untuk catchman, tetapi tidak lagi digunakan pada masa sekarang dibahagikan kepada rakyat untuk bercucuk tanam. Begitu juga kawasan-kawasan forest reserve yang tidak banyak lagi yang berdekatan dengan kawasan-kawasan bandar di mana kayu-kayunya yang berharga tidak lagi ada dan juga Pejabat Hutan sendiri tidak ada rancangan untuk tanaman semula, dicabut keluar untuk kegunaan Kerajaan Negeri supaya kawasan-kawasan ini boleh dijadikan estet-estet rakyat bagi tanaman sayur atau buah-buahan yang lebih berfaedah untuk kegunaan rakyat dan pembangunan negara. Maka saya harap perkara ini dapat Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengkaji semula supaya satu formula yang sesuai bagi mengatasi masaalah ini.

*8.24 mlm.*

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun):** Tuan Pengerusi, saya bercakap di bawah Kepala P. 66—Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Saya bersama juga dengan rakan saya iaitu wakil daripada Besut menyatakan dan meminta supaya peruntukan yang lebih banyak lagi dan pembukaan tanah dibesarkan lagi memandangkan kepada kehendak-kehendak oleh rakyat kita.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ialah berkait dengan kontrektor-kontrektor bumiputra yang menjalankan kerja di Rancangan-rancangan L.K.T.P., banyak benar yang mengalami kesulitan dan kerugian. Saya harap Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian agar kontrektor-kontrektor bumiputra dapat mencari peluang-peluang perniagaan dengan baik di dalam rancangan-rancangan L.K.T.P. Dalam perkara L.K.T.P. juga berkait dengan kedudukan minyak. Saya dapat tahu bahawa minyak L.K.T.P. ini banyak juga yang hilang, malah kadang-kadang satu lori hilang sebagaimana yang dilapurkan dalam akhbar baru-baru ini. Saya berharap perkara ini diambil perhatian agar pemandu-pemandu ataupun pegawai-pegawai yang mengawasi minyak ini biarlah benar-benar menjaga harta peserta-peserta. Selain daripada itu berkenaan dengan minyak kotor. Selalunya minyak kotor ini diberi kepada satu pihak untuk menjalankan perniagaan dan yang dijalankan bukan minyak kotornya, tetapi minyak yang bersih, dan dijual dengan harga yang mahal, sedangkan bayaran yang dibayar kepada pihak L.K.T.P. ialah dengan harga yang murah mengikut nilaian-nilaian yang tertentu yang ditetapkan oleh L.K.T.P. Ini harus Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil perhatian.

Perkara yang kedua, berkait dengan Pecahan-kepala 6—FELCRA. Saya nampak peruntukan yang diberi kepada FELCRA ialah sebanyak $7 juta. Saya bersetuju benar dengan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh FELCRA ini, cuma masaalah yang saya lihat ialah FELCRA ini sekarang mengambil alih kerja-kerja yang dijalankan oleh Perbadanan Negeri di masa yang lalu iaitu di dalam Rancangan-rancangan Tanah Pinggir yang mana saya dapati setengah-setengah Negeri tidak berjaya menjalankan tugasnya dan oleh kerana pihak Kementerian ini telah dapat menjalankan kerjanya yang baik dalam FELDA, maka tanah-tanah ini diserahkan kepada FELCRA untuk diselenggarakan dengan baik. Perkara ini saya bersetuju, cuma pada saya ialah berkait dengan orang-orang yang ada tanah bersendirian tetapi mereka tidak dapat mengendalikan dengan betul. Saya meminta supaya FELCRA menjalankan satu penyusunan agar orang-orang yang ada mempunyai tanah sendiri dan mereka dapat mengumpulkan satu kumpulan (group), maka orang ini menyerahkan tanah mereka kepada FELCRA untuk diselenggarakan oleh pihak Perbadanan FELCRA. Saya rasa ini satu perkara yang baik dengan sebab kejayaan mereka menjalankan kerja sendiri tidak begitu berhasil di masa yang lalu.

Tuan Pengerusi, masaalah Tanah Belia. Saya nampak peruntukan yang diberi terlampau sedikit hanya $2,444,000 sahaja, sedangkan sekarang ini saya rasa lebih banyak tanah belia ini yang mesti dibuka dengan sebab negeri kita telah 60% terdiri dari orang-orang belia dan yang selalu membuat kacau dalam negeri pun orang-orang belia. Jadi, sebaik-baiknya kita ambil belia ini membuka tanah secara besar-besaran supaya dapat ditempatkan belia-belia ini. Jadi mereka tidak boleh membuat kacau lagi, sebab belia-belia yang ada peluang kerja, mereka dapat kerja, dapat tanah, maka sudah tentu mereka berasa puas hati. Oleh itu saya minta supaya peruntukan diberi lebih banyak lagi.

Berkaitan dengan ini, saya ingin mengingatkan berkenaan dengan orang tua. Sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Besut tadi, orang tua yang sudah berumur 35, 40-45 tahun ke atas, payah benar diterima untuk menjadi peserta dalam FELDA, sedangkan orang inipun hendakkan kerja juga. Saya cadangkan supaya orang tua ini diambil perhatian benar-benar agar diberi peruntukan juga walaupun umurnya sudah 40 tahun. Sebab kalau 40 tahun dia masih kuat lagi. Boleh bekerja selama 10 tahun lagi dan dapat menghasilkan tanah, sedangkan di dalam Parlimen inipun ramai orang yang telah berumur 50 tahun tetapi dapat menjalankan kerja dengan baik. Saya rasa dan saya cadangkan supaya orang yang telah berumur 40 tahun ini diterima demi untuk keperluan mereka di masa hadapan.

Yang akhir sekali saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berkait dengan satu rancangan

iaitu satu projek di Padang Kubu, Kemaman, Trengganu di mana pihak swasta ada menjalankan pembukaan tanah dan Kerajaan Negeri Trengganu ada melibatkan diri di sana dan ditambah dengan saham-saham dijual kepada orang ramai masa itu. Setahu saya sehingga hari ini sahamnya beku, tidak tahu untung, dan kedudukan Kerajaan Negeri pun nampaknya tidak dapat mengawal kedudukan tanah di situ, hanya pihak swasta sahaja. Saya rasa ini kurang puas hati, kalau boleh pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang berkait dengan hal tanah ini mengambil perhatian, hubungkan dengan Kerajaan Negeri Trengganu bagaimana nasib tanah di Padang Kubu ini, apakah akan diserahkan kepada swasta 100% dan bagaimana cara perkiraan mengikut perjanjian yang telah dibuat di antara Kerajaan Negeri Trengganu dengan pihak swasta itu. Apakah dia dilaksanakan atau tidak mengikut yang sewajarnya. Jika tidak maka kalau peruntukan yang diberi oleh pihak swasta kepada Kerajaan Negeri Trengganu ini masih belum diambil alih oleh Kerajaan Negeri Trengganu, maka sebaik-baiknya FELDA, FELCRA atau apa badan sekalipun ambil peruntukan ini bagi diberi kepada orang lain yang memerlukan peruntukan yang diuntukkan oleh swasta itu kepada Kerajaan Negeri mengikut perjanjian asalnya.

*8.30 mlm.*

**Tuan Oh Keng Seng (Petaling):** Tuan Pengerusi, saya ada dua perkara sahaja, dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, I would like to touch on FELDA. FELDA was established 18 years ago, and today it has become the biggest land development agency in the country. FELDA has so far opened up more than 700,000 acres of land and has settled some 28,000 families involving about 200,000 people. The aims and objectives of FELDA are good. What I wish to comment is in regard to the implementation. Sir, at the end of 1973 there were 100,000 acres of rubber in tapping and 146,000 acres of palm oil in harvest, but the gross sales proceeds on these two commodities for the year 1973 were \$51.7 million and \$81.5 million respectively. If we compare the gross sales proceeds with the total acreage yield or returns and if we take into consideration the favourable commodity prices prevailing in 1973, then it would be very much out of proportion in terms of proceeds and production. Sir, it is hoped that firm action and strict control will be introduced in the FELDA schemes in the near future to avoid any loss in production. Sir, the process of the emplacement of settlers in the schemes is very low. If 700,000 acres of land are opened, then we should anticipate some 70,000 families to participate in the schemes. It is hoped that the authority will expedite the construction of more settlers' houses, so that an increased number of people would benefit.

Sir, I come to understand that each settler, besides the allocation of 8 acres of land for rubber or oil palm, is also allocated two acres of land for orchard planting. But I regret to say that in some schemes these two acres of land are not opened up, and this is definitely against the policy of FELDA, and I hope that at this time, in view of the stagflation and of the Prime Minister's call for increased food production, the Ministry concerned will open up this additional acreage of land not only for the planting of orchard but also for the cultivation of other food crops, so that we can tide over this time of crisis.

Sir, FELDA schemes do not reflect the multi-racial composition of our country. This is regrettable. For example, out of a total of 28,000 settlers in 1973, 26,781 are Malays, 639 are Chinese and 594 are Indians and other races. So, in percentage-wise, it works out to be 95.6% for Malays, 2.3% for Chinese, and 2.1% for Indians and other races. Sir, I would strongly urge the Minister concerned to stop this discrimination in land distribution to disregard a racialist outlook and to adopt a more progressive attitude in land development. I also like to urge the Minister concerned to adopt an "open-door" policy to allow more Chinese and Indians to take part in FELDA schemes. I believe that this, if implemented, will pave the way for a united and happy multi-racial society where Malays, Indians and Chinese can work together, sweat together, and create a multi-racial and *muhibbah* atmosphere.

Sir, on land administration, I would like to call on the Minister concerned to modernise the Land Offices in the country. This is very important, so that maximum efficiency on land administration could be achieved. Last

week, I have had the opportunity to visit the Land Office in Kuala Lumpur and, to my surprise, I have been told that there are about 5,000 applications for a few vacant lots of houses in the Serdang New Village. This itself shows that the problem of land shortage is very serious in the country, and I wish to ask the Minister to state what concrete action will be taken to speed up the distribution of land to the landless.

Sir, lastly, I would like to call on the Minister concerned to revise the National Land Code and make provisions to enable the poor people residing in new villages to pay the premium on the land allotted to them by instalments. Sir, I also wish to call on the Minister to extend the short term leases of land titles in the new villages to long-term ones of 99 years. I think this has been considered by the Ministry of Housing and New Villages, and I hope the Ministry of Land, which is in charge of land co-ordination will be in a position to revise these lease terms to benefit the people in the new villages.

*8.36 mlm.*

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh B. 66, muka surat 494 berkenaan dengan penilaian tanah di luar bandar. Saya mengesyorkan kepada Kementerian berkenaan berhubung dengan Kerajaan Negeri menilaikan tanah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk sesuatu projek pembangunan seboleh-bolehnya hendaklah dikaji dengan harga yang berpatutan dan yang sebaik-baiknya hendaklah dinaikkan dengan setengah daripada harga yang asal ataupun harga pasaran. Saya berkata begitu, kerana tanah sebagaimana kita sama tahu setahun demi setahun telah dinaikkan. Oleh sebab tanah tersebut terpaksa diambil oleh Kerajaan dan tak dapat tidak, maka patutlah dibagi harga yang lebih daripada harga pasaran, sekurang-kurangnya setengah.

Saya berharap tanah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk tujuan-tujuan tersebut tadi patutlah dikaji seboleh-bolehnya tanah-tanah kepunyaan orang yang kaya yang ada dibeberapa tempat, jangan seperti biasa yang berlaku seorang hamba Allah tanahnya yang akan diambil untuk dibuat rancangan Kerajaan seperti letrik dan sebagainya. Dia berasa sedih kerana itulah sahaja tempatnya yang akan diduduki, tetapi apa boleh buat disebabkan keadaan tak dapat dielakkan, dan menurut pihak yang berkenaan ada tempat-tempat lain yang boleh diambil tetapi tak diambil oleh pihak berkenaan. Itu biasa berlaku di Perlis sehingga mereka memaki wakil-wakil rakyat termasuk saya sendiri dan Datuk Menteri Besar, dengan kata-kata yang tak payah saya sebutkan di sini. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan tolonglah ambil tempat-tempat yang saya katakan tadi, kalau boleh dapat dielakkan.

Saya juga perhatikan sebagaimana yang dikatakan oleh wakil Padang Rengas tadi banyak perkara-perkara tanah tak dapat diatasi apatah lagi tanah-tanah pesaka yang setengahnya sampai 20 tahun tak dapat diselesaikan oleh Pejabat Tanah. Hal ini saya tidak fikir berlaku di Perlis sahaja bahkan diseluruh negeri tetapi masaalah di Perlis ini untuk satu negeri Perlis pegawai Pejabat tanah selain daripada keraninya ialah sebanyak 4 orang, salah seorang daripadanya Pesuruhjaya Tanah sendiri yang sekarang pergi ke Mekah menunaikan Fardu Haji, cuma tinggal 3 orang. Saya nyatakan ini kerana saya sendiri biasa bercakap dari hati ke hati dengan pegawai berkenaan. Mengapakah projek-projek tanah yang tuan-tuan buat tak boleh diselesaikan? Mereka menyatakan dengan saya dengan secara ikhlas. Bagaimana kami hendak buat sedangkan sebuah negeri Perlis kami bertigalah yang hendak buat itu dan ini. Saya berharap kepada Menteri yang berkenaan walaupun tanah itu hak Kerajaan, tetapi oleh sebab Perlis sebuah negeri yang kecil dan kekurangan wang, berilah keistimewaan supaya di tambah pegawai-pegawai berkenaan, insya Allah ianya dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, kita sama-sama pandang tentang kedudukan setengah pembeli-pembeli tanah cara jual janji makan riba cara haram. Saya berharap Kementerian berkenaan dapat mengambil daya usaha bersungguh-sungguh kalaulah ada pihak yang membuat geran sehingga beratus relung yang kita tahu dapat harga murah sangat, ini cara makan haram, kalaulah didapati kenyataannya ada, saya berharap patut Kementerian berkenaan mengambil tindakan dan kalaulah juga tak dapat dielakkan cara hendak mengambil wang, buatlah cara yang sah dari segi undang-undang dan faedah yang tidak begitu melampaui batas.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada B. 66.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Baik. Mengenai Rancangan FELDA. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang mana saya tahu rancangan FELDA ini sangat mendapat sanjungan ataupun berfaedah kepada rakyat jelata. Tetapi malangnya bagi saya di Negeri Perlis, negeri yang mempunyai 310 batu persegi, Wakil Rakyat Parlimen inipun ada dua orang sama-sama kita tahu, panjangnya 35 batu daripada utara ke selatan. Jadi kalau hendak buat di mana pun tak ada tempat, ada tak adapun satu rancangan kilang tebu, kita mengucapkan terima kasih dan kalau boleh adakanlah di tempat-tempat lain seperti kata wakil dari Tumpat tadi, utamakanlah sedikit orang Perlis. Saya dapat tahu satu rombongan yang diketuai oleh Datuk Menteri Besar Perlis pergi ke Johor dengan sebuah bas untuk mendapatkan tanah yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Johor. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan seboleh-bolehnya ikhtiarkanlah juga kepada Negeri Perlis sebagaimana yang diberi oleh Menteri Besar Johor itu.

Yang akhirnya, izinkan saya bercakap dalam satu minit sahaja lagi.

**Tuan Pengerusi:** Berapa kali akhir?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ini yang akhir sekali, tentang apa yang disungutkan oleh wakil dari Tumpat tadi mengenai rancangan FELDA walaupun ada benda yang kita hendak buat tetapi kita dapati ada juga benda yang tak baik, sebab itu ada rancangan pembangunan, ada rancangan jenayah, ini tak dapat dielakkan. Apa yang tak baik dilakukan oleh rancangan FELDA, misalnya persatuan-persatuannya tidak taat setia, dengan sebab itu tak dapat diambil tindakan yang sewajarnya sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Saya mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan dan saya yakin beliau bersetuju dengan pendapat saya iaitu ikutlah aturan faraidh. Kalau perkara seseorang itu tak dapat dielakkan—kena tinggal—kalau bayaran sepencarian itu belum selesai sekalipun dibayar sama-sama (suami isteri), ia sepatutnya diberi kepada anak, atau mengikut mana yang berpatutan. Saya yakin Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bersetuju 100% dengan pendapat saya bahawa cara ini adalah jalan yang lebih baik.

*8.43 mlm.*

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang):** Tuan Pengerusi, dengan izin saya suka mengesyorkan supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengenakan ataupun mengadakan had maksima dan had minima yang mana seseorang itu boleh memiliki tanah, baik tanah galian, tanah getah ataupun tanah-tanah yang lain.

Mengikut undang-undang pada hari ini tidak ada had minima seseorang itu boleh memiliki tanah, apa juga interest di atas tanah boleh diregister; berapa kecil, baikpun 1/1 million dari segi teorinya boleh diregisterkan mengikut undang-undang. Ini tentulah akan menimbulkan beberapa akibat yang buruk, seumpama wujudnya dan adanya keadaan uneconomic holdings ataupun pegangan-pegangan yang tidak ekonomik. Mengikut undang-undang pada hari ini juga tidak ada seseorang had maksima yang boleh ia memiliki tanah dan apa-apa bentuk sekalipun dan ini juga boleh menimbulkan keadaan yang kurang sihat, iaitu kurang distribution of wealth di dalam negara kita dari segi bentuk tanah. Saya suka mengesyorkan supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menimbangkan menerusi National Land Council ataupun menerusi sumber-sumber yang lain di atas kemungkinan mengadakan undang-undang menghadkan seseorang boleh memegang minima dan juga maksima tanah dalam semua bentuk.

Yang kedua, mengikut Kertas Perintah 22 Tahun 1974 ini matlamat minima sebanyak 116,000 ekar di bawah Rancangan Malaysia Kedua untuk dibuat oleh FELCRA tidak tercapai oleh sebab rancangan-rancangan tanah belia, pertukaran dasar oleh Majlis Tindakan Negara terhadap kemajuan rancangan-rancangan tanah belia yang mengarahkan FELCRA supaya jangan membuka tanah untuk belia di negeri yang mana badan-badan negeri telah menjalankan rancangan-rancangan yang tersebut. Dengan yang demikian, membataskan fungsi-fungsi

FELCRA dalam pembukaan tanah untuk belia-belia kepada Negeri-negeri Kedah, Trengganu dan Kelantan sahaja.

Saya suka mencadangkan supaya dasar itu diubah untuk meliputi bukan sahaja 3 buah negeri tadi, tetapi semua negeri-negeri yang ada di dalam negara Malaysia kita ini. Saya suka mencadangkan juga oleh kerana bukan semua belia-belia ini yang boleh menjadi peladang sepenuh masa, diharap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menimbangkan kemungkinan mengadakan satu pusat latihan ataupun satu pusat ujian untuk belia-belia yang ingin menyertai rancangan tanah belia ini diuji terlebih dahulu. Daripada ujian ini barulah kita boleh melihat samada mereka ini benar-benar boleh mengikuti rancangan tanah belia ini ataupun tidak, lebih-lebih lagi di dalam keadaan stagflasi yang mana mungkin pengangguran banyak dan apabila permohonan untuk menyertai rancangan tanah ini dibuka, semua belia-belia datang hendak memohon. Barangkali ada banyak daripada bilangan yang memohon itu hanya untuk sementara waktu sahaja, untuk menampung sementara waktu semasa mereka tidak dapat kerja hendak masuk dalam rancangan tanah, apabila mereka dapat kerja akan meninggalkan rancangan tanah itu. Untuk mengelakkan keadaan seperti itu berlaku, itulah sebabnya saya suka hendak mengesyorkan belia-belia sebelum dimasukkan di dalam rancangan tanah ini diuji dahulu dan untuk demikian diadakan pusat pengujian.

Saya juga telah difahamkan, bahawa di dalam rancangan-rancangan tanah belia yang ada sekarang satu konsep saham dilaksanakan, bukannya kepada hakmilik individu. Ini adalah satu perkara yang baik, tetapi pada pendapat saya masanya belum tiba lagi bagi kita mengamalkan konsep sharing dari segi saham di antara belia-belia ini. Mungkin pada masa yang akan datang perkara ini boleh dilaksanakan seolah-olah cara perlaksanaan rancangan tanah belia sekarang ialah secara collective farming menerusi saham-saham. Saya fikir ini belum lagi sampai masanya.

Saya suka mencadangkan untuk matlamat minima sebanyak 116,000 ekar tadi dapat dilaksanakan dan kalau boleh dapat pihak Kementerian menimbangkan supaya mengadakan joint-venture dengan badan-badan sukarela seperti mana yang telah dibuat oleh setengah-setengah Kerajaan Negeri, seumpamanya Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan kerjasama dengan Gerakan Belia 4B Malaysia untuk membuka rancangan tanah belia dan ini telahpun berjalan dengan baik dan mendatangkan hasil dan faedah yang baik kepada pergerakan belia.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Matang yang akhir sekali, selepas itu saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

*8.48 mlm.*

**Tuan Hashim bin Ghazali (Matang):** Tuan Pengerusi, saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Kepala B. 66 dan P. 66. Hanya dua perkara sahaja yang saya hendak sebutkan di dalam Dewan ini.

Yang pertama, berkenaan dengan perhutanan. Di dalam negara kita ini hasil hutan ialah satu daripada hasil utama, dan hutan di dalam negara kita ini boleh dianggapkan hutan yang luas dan mendapat hasil yang banyak, sungguhpun pada akhir-akhir ini harga kayu telah turun sedikit. Hutan-hutan ini telah dijagai di bawah Jabatan Hutan, yakni Pegawai-pegawai Hutan dan kita dapati Pegawai-pegawai Hutan ini telahpun menjalankan tugasnya dengan begitu baik menjagakan hasil negara kita yang begitu besar dan dapat pula mengeluarkan hasil negara kita.

Apa yang saya hendak sebutkan di sini, ialah berkenaan dengan Pegawai-pegawai Hutan. Sungguhpun layanan telah diberi oleh Kerajaan banyak perkara yang baik kepada mereka tetapi bila sahaja kita pandang rumah-rumah yang disediakan oleh Kerajaan kepada mereka ini ada perbezaan sangat daripada rumah-rumah Pegawai-pegawai Kerajaan yang lain. Misalnya, di dalam negara kita ini rumah-rumah polis, askar, rumah-rumah guru dan rumah-rumah pegawai-pegawai yang lain sudahpun diganti dengan rumah-rumah yang baru, yang baik, yang begitu sempurna bagi keluarga pegawai-pegawai tersebut. Tetapi kepada Pegawai-pegawai Hutan ini boleh kita pandang di mana-mana juga masih terdapat dan boleh dikatakan keseluruhannya agak saya ada di

antara rumah-rumah ini tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang. Oleh itu, saya suka mengesyorkan supaya rumah-rumah Pegawai-pegawai Hutan ini dapat dikaji semula dan jika dipersetujui dapatlah dibuat dengan begitu sempurna dan dibesarkan mengikut peraturan-peraturan yang diberi kepada pegawai-pegawai yang lain.

Tuan Pengerusi, yang kedua, berkenaan dengan galian. Pada hari ini apabila disebut sahaja galian tentulah kita ternampak hasil bijih timah dan keseluruhannya bijih timah ini telahpun kita tahu di Negeri Peraklah yang paling banyak sekali.

Di kawasan saya sendiri yakni kawasan Matang terdapat banyak lombong bijih timah, lombong tembak misalnya dan kawasan itu ada sawah, kebun getah dan tanaman-tanaman yang lain, ada perkampungan dan sebagainya. Oleh itu, apabila ada sahaja lombong-lombong ini kadang-kadang menyebabkan malapetaka yang disebabkan oleh lombong ini kepada kawasan di kelilingnya. Kerana boleh dikatakan bila ada sahaja lombong berhampiran dengannya ada sungai dan sungai ini biasanya digunakan oleh penduduk-penduduk yang di kiri kanan sungai tersebut, dan di kiri kanan sungai-sungai ini ada tanaman-tanaman penduduk-penduduk di tempat tersebut.

Selain daripada itu, ada bangunan sekolah dan sebagainya. Ada terdapat setengah daripada lombong-lombong ini apabila sahaja sampai musim hujan, lombong ini dibuka untuk dibuang air lombong itu melalui sungai-sungai tadi, tetapi oleh kerana terlalu banyak menyebabkan banjir. Ada terdapat sebuah sekolah yang selalu dibanjiri oleh air lombong dan ada juga terdapat tanaman-tanaman di kiri kanan sungai menyebabkan mati disebabkan oleh air lombong.

Tuan Pengerusi, hal ini sudah diadukan kepada pihak yang berkenaan berkali-kali dan didapati pegawai-pegawai yang berkenaan telahpun melawat, memerhati dan sebagainya. Tetapi kejadian seperti ini belum dapat diatasi yang boleh dan menyelamatkan penduduk-penduduk yang tidak berdosa dan yang tidak dapat faedah pula daripada perlombongan ini. Dengan sebab itu, saya suka mengesyorkan kepada Kementerian berkenaan supaya dapat mengawasi ataupun dapat mengkaji bagaimana cara yang sesuai supaya pegawai-pegawai daripada pihak Kerajaan ini dapat memerhatikan lombong-lombong ini bagaimana mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan, kerana ada terdapat misalnya di kawasan saya sendiri pegawai yang berkenaan duduk jauh lebih dari 100 batu. Kalau diberitahu kepadanya lombong ini jadi begini oleh kerana kawasannya terlalu luas, tambahan pula pegawainya kurang menyebabkan hal ini tidak dapat diatasi dengan segera. Oleh sebab itu, saya merayulah sangat kepada Kementerian yang berkenaan mengambil perhatian berat supaya penduduk-penduduk yang ada di kawasan-kawasan ini, kawasan getah padi dan sebagainya tidak mendapat mala petaka daripada pihak-pihak pelombongan yang tidak bertanggungjawab.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

*8.54 mlm.*

**Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda:** Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan berhubung dengan jabatan-jabatan dalam Kementerian saya, dan pada amnya pandangan-pandangan yang telah diberikan itu ada baiknya dan boleh kita kaji dengan sebaik-baiknya, mana yang dapat, kita laksanakan untuk kepentingan kemajuan negara dan rakyat kita.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat, Johor Bahru, Kanowit dan juga dari beberapa kawasan lain lagi seperti Besut, Langkawi, Dungun bercakap banyak berkenaan dengan perkara FELDA. Perkara besar yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini terutama Ahli Yang Berhormat dari Tumpat dan juga dari Kangar ialah berkenaan dengan penerimaan peneroka di dalam Negeri-negeri yang membuka rancangan FELDA itu sendiri. Beliau berharap supaya negeri-negeri yang tidak mempunyai tanah yang banyak dapat memberi peluang kepada rakyat untuk memasuki kawasan-kawasan di negeri-negeri yang banyak tanah. Perkara ini telah lama timbul dan memanglah apa yang dilaksanakan oleh FELDA sekarang ini ialah memindahkan rakyat yang tidak bertanah tetapi berkehendakkan tanah daripada negeri-negeri yang tidak mempunyai tanah ke dalam kawasan-kawasan yang telah dibuka di negeri-negeri yang banyak tanah itu sendiri. Tetapi masaalah yang timbul atau

yang sering timbul ialah ada negeri-negeri yang telah menentukan sikap dan dasarnya sendiri. Seperti Negeri Pahang memang banyak kawasan dibuka di Negeri Pahang itu. Tetapi telah diperuntukkan bahawa 50% daripada peneroka yang hendak dimasukkan ke dalam rancangan FELDA Negeri Pahang itu mestilah anak Negeri Pahang itu sendiri dan yang 50% itu terbuka kepada peneroka-peneroka daripada negeri-negeri yang lain. Dan ada juga negeri seperti Negeri Johor; Negeri Johor ini walaupun tidak ada polisinya yang tegas ataupun yang terang atau nyata tetapi yang jelasnya boleh dikatakan hampir 100% peneroka di Negeri Johor adalah rakyat Negeri Johor sendiri.

Soal yang berbangkit ialah oleh kerana ada negeri-negeri yang banyak tanah dan banyak pula rakyat yang tidak mempunyai tanah maka tentulah mereka terpaksa mengutamakan rakyat daripada negeri mereka itu sendiri. Ada negeri-negeri yang banyak tanah tetapi rakyatnya kurang seperti Negeri Pahang dapatlah diuntukkan 50% daripadanya. Walau bagaimana sekalipun saya bercadang akan melawat beberapa buah negeri yang banyak tanah yang akan dibuka ini untuk berbincang dengan Kerajaan-kerajaan Negeri itu supaya dapat menerima beberapa persen daripada rakyat negeri-negeri lain, dengan demikian mereka dapat peluang bekerja dan ikut serta dalam rancangan pembukaan tanah di negeri itu sendiri.

Di Negeri Kelantan sendiri sebenarnya memang masih ada kawasan yang boleh dibuka. Tetapi infrastructure atau prasarananya belum siap dan perkara ini barangkali memakan waktu sedikit. Sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan telahpun menyiasat kawasan di Ulu Kelantan, didapati ada 60,000 ekar sesuai untuk pertanian. Perkara ini telahpun dirundingkan antara pihak Kementerian saya dengan pihak Negeri dan ada kemungkinan kawasan itu akan dibuka melalui FELDA atau mana-mana ajensi daripada Kerajaan Pusat. Tetapi inipun memakan waktu juga. Walau bagaimana sekalipun, saya sependapatlah dengan Ahli Yang Berhormat dari Tumpat bahawa sehingga masa ini ada rakyat dari Kelantan yang keluar terutama ke Negeri Pahang untuk menjadi peneroka dalam Negeri Pahang itu sendiri dan sepanjang yang mereka telah lakukan, mereka telah mendapat kejayaan bersama-sama dengan rakyat negeri lain, lebih kurang, agak saya.

Berkenaan dengan perkara perceraian yang timbul dikalangan peserta, perkara ini kalau Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, saya telah pernah membuat satu pengumuman di dalam satu mesyuarat di Dewan yang berbahagia ini iaitu tentang bagaimana caranya FELDA hendak mengatasi supaya dapat diberikan pembelaan yang sewajarnya kepada janda-janda peserta yakni isteri yang telah diceraikan oleh peserta di mana isteri itu ikut sama semenjak awal pembukaan tanah hingga akhirnya, kemudian oleh sesuatu sebab yang tertentu kerana jodoh pertemuannya sudah pendek mungkin, maka berlakulah perceraian. Perkara ini sudahpun kita tetapkan mengikut kaedah-kaedah kita sendiri. Akan tetapi walau bagaimana sekalipun, keputusan ini tidak boleh dilaksanakan dengan begitu sahaja melainkan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan satu-satu keputusan daripada Pejabat-pejabat Ugama atau Jabatan-jabatan Ugama di tiap-tiap negeri.

Bagi Negeri Johor sampai sekarang ini belum lagi kita dapat menerima sebarang keputusan yang tepat. Oleh yang demikian, amatlah sulit untuk dilaksanakan keputusan yang dibuat oleh FELDA itu.

Adapun bagi negeri-negeri lain seperti Negri Sembilan dan Melaka perkara ini sudah pun dapat dibereskan, sudah selesai, dapat kita atasi. Pada masa akan datang apabila kawasan baharu dibuka dan peneroka-peneroka baharu dipilih masuk soal mengenai kedudukan janda atau isteri yang diceraikan ini akan dimasukkan serta di dalam perjanjian antara pihak FELDA dengan pihak peneroka itu sendiri.

Adapun berkenaan dengan perkelahian yang timbul di dalam Rancangan FELDA, perkara ini boleh dikatakan selalu berlaku, tetapi tidaklah banyak. Sebab, di mana sahaja manusia ada, soal berkelahi itu tidak dapat dielakkan. Kadang-kadang gigi dengan lidah pun tergigit. Kadang-kadang yang berkelahi antara peserta-peserta, kadang-kadang antara peserta dengan pegawai. Tindakan disiplin yang diambil oleh FELDA terhadap peserta-peserta dengan sebab-sebab tertentu termasuk sebab berkelahi ini dibuat sesudah dikaji dan dijalankan penyiasatan dengan sehabis cermatnya. Kadang-kadang oleh kerana seseorang tidak puashati misalnya dengan manager atau pengurus rancangan itu, bukan sahaja dipukulnya, ada setengah tempatnya pernah berlaku dahulu—dikurungnya manager itu

sampai sehari suntuk tidak diberi makan. Manager seorang, peserta beratus-ratus, jadi memang boleh dibuat dengan cara begitu.

Perkara seperti inilah yang selalu diberi perhatian berat oleh FELDA supaya tidak timbul perkelahian seperti itu dan kalaulah berlaku kejadian yang ditimbulkan oleh anasir-anasir yang tidak sihat oleh kerana sifat-sifat samsengnya daripada awal umpamanya, tabiat lama yang dibawa daripada kampung lama masuk kawasan baharu, tabiat itu tidak jadi baharu, masih kekal menjadi tabiat lama. Maka kadang-kadang kalau sesudah diberi amaran dan nasihat tidak dapat diterima juga oleh orang itu maka tindakan disiplin diambil. Kadang-kadang tindakan disiplin itu sampailah kepada memecatnya daripada kawasan itu. Maka apabila dia dipecat soal hendak gantikan isteri mengambil tempat itu, inipun satu kerumitan juga yang timbul, sebab dalam pemilihan dahulu bukan isteri yang dipilih, tetapi dia yang dipilih, maka dia datang bersama-sama dengan isterinya.

Walau bagaimanapun, di dalam tindakan FELDA pada masa-masa yang lepas, saya telah pernah menimbangkan beberapa kes yang tertentu, sebab sebahagian daripada peneroka apabila dia dipilih masuk ke dalam rancangan dia sudah menjual segala lembu-kerbaunya, pondok buruknya sudah dijual. Kalau dia dipecat dengan begitu sahaja ke manalah dia hendak bawa dirinya sebatang karah, tidak ada tempat hendak mencari makan lagi, sedangkan tujuan Kerajaan membuka Rancangan FELDA ialah hendak menolong rakyat yang susah, tetapi membuangnya menyebabkan dia menjadi lebih susah daripada sebelum dia masuk Rancangan FELDA, tetapi inilah dua kedudukan. Kalau dibiar dia dalam rancangan itu dia menyusahkan orang lain. Kalau ditolak dia keluar, dia akan lebih susah daripada sebelum dia masuk ke Rancangan FELDA. Ini ialah soal kemanusiaan, soal kemanusiaan yang mesti diselesaikan. Ada cara kita mengambil tindakan dengan jalan memberikan hak itu kepada isterinya dan dipindahkan ke tempat rancangan yang lain supaya berubah lagi tabiatnya. Ada cara kita buat seperti ini. Ini bergantunglah kepada kes ataupun perkara-perkara yang timbul pada ketika itu. Tidaklah dapat kita membuat satu peraturan apabila seseorang peneroka dipecat maka tanah itu diberi kepada isterinya. Kalau isterinya dapat tanah itu suaminya pun duduk di situ bersama. Suami itu kadang-kadang jadi miang keladi dalam kawasan itu sendiri menyebabkan orang lain ikut gatal sama. (*Ketawa*) Ini hendaklah dijaga, jadi tergaru-garulah orang lain kerana dia seorang. Seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru membangkitkan perkara kemudahan peneroka, iaitu berkenaan sekolah ugama dan masjid. Waktu saya melawat Negeri Johor dan melawat beberapa rancangan, terutama sekali di dalam gugusan Taib Andak, di Johor Tenggara dan sebagainya ada timbul perkara berkenaan dengan sekolah ugama ini misalnya. Sebenarnya dalam FELDA sendiri tidak ada peruntukan untuk membuat sekolah ugama ini, bahkan sekolah biasa pun peruntukan tapaknya ada. Sekolah biasa dibangunkan oleh Kementerian sendiri dan sekolah ugama adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Saya rasa patutlah saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Johor yang telah menghulurkan $114,000 kepada Rancangan Cahaya Baharu kerana mendirikan sekolah ugama seperti apa yang telah dilapurkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru tadi.

Berhubung dengan soal masjid, memang ada peruntukan di dalam FELDA, tetapi peruntukan itu terbatas. Kita lebih mengutamakan kepada tempat yang belum ada masjid daripada membesarkan masjid yang sedia ada, melainkan apabila semua rancangan sudah ada masjid baharulah sampai pada peringkat kedua, membesarkan masjid. Walau bagaimanapun jika sekiranya kita dapat peruntukan yang lebih perkara yang seperti ini dapat diberi pertimbangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kanowit, Sarawak, banyak perkara yang dibangkitkan. Perkara-perkara yang besarnya ialah terdapat ramai orang yang tidak suka masuk ke dalam rancangan tanah. Katanya ini patut diadakan suatu study bagaimana dan kenapa sebabnya. Sebenarnya peraturan mengambil peneroka di Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sarawak lebih kurang sama sahaja dengan peraturan pengambilan peneroka dalam Rancangan Tanah FELDA. Orang yang tidak suka masuk itu boleh jadi kerana ada beberapa sebab. Ada sebab kerana mereka tak faham, ada sebab kerana mereka tidak hendak berpindah daripada tempat asal, terutamanya di kalangan penduduk-penduduk rumah panjang yang tidak biasa berpindah meninggalkan

masyarakat rumah panjangnya maka mereka tidak mahu berpindah, tetapi ada yang suka berpindah.

Saya pernah melawat satu kawasan Lembaga Kemajuan Tanah di Sekarang dalam Negeri Sarawak dan didapati orang-orang dayak Iban itu dapat hidup dengan baik dalam satu kawasan yang telah diberi kehidupan cara lebih moden daripada kehidupan di rumah panjang, tetapi memang adalah diakui bahawa ramai orang yang tidak suka berpindah dan tidak menerima Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sarawak ini. Hal ini, saya rasa pemimpin-pemimpin politik sepatutnya dapat memberikan sumbangan, memberikan fahaman kepada rakyat di kawasannya itu sendiri terutama sekali wakil-wakil rakyat. Ahli Yang Berhormat dari Kanowit sendiri sepatutnya dapat mengorbankan masanya melawat kawasannya dan memujuk rakyat dan pengundi-pengundi kawasannya supaya dapat memahami dasar Kerajaan yang baik supaya rakyat kawasannya suka berpindah dan menerima Rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sarawak itu sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Besut mencadangkan supaya dibuka lebih banyak Rancangan FELDA. Sebenarnya FELDA bercadang hendak membuka banyak, tetapi ini bergantung kepada beberapa perkara. Yang besar sekali ialah tanah. Kita boleh buka seberapa banyak yang boleh jika sekiranya ada tanah dan tanah ini bergantung kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Kalau Kerajaan Negeri dapat memberikan seberapa banyak tanah maka sebanyak itu kita boleh buka, dengan syarat lagi dapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat, daripada Kerajaan kita memberi peruntukan yang lebih dan biasanya peruntukan yang diberi itu berdasarkan kepada tanah yang kita dapat. Inilah makanya rancangan itu kadang-kadang pada gambarannya tidak dapat membuka lebih banyak.

Yang kedua, walaupun tanah itu dibuka dengan banyak seperti masaalah sekarang ini, perkara ini dibangkitkan juga oleh Ahli Yang Berhormat yang lain, iaitu tanah yang dibuka oleh FELDA banyak, tetapi peneroka yang dapat masuk sedikit. Ini adalah berhubung dengan soal perumahan bagi peneroka dan infrastraktur seperti jalanraya dan sebagainya. Selama ini kita telah memberi kontrek, menyelia beberapa kontrekter-kontrekter dengan jalan tender untuk membangunkan rumah-rumah bagi peneroka-penoraka. Sebagai contoh misalnya tahun 1973 ini FELDA hanya dapat menempatkan lebih kurang 2,100 orang peneroka sahaja dan pada tahun ini kita dapat menempatkan lebih kurang 2,500 peneroka. Pada hal kalau melihat kepada kawasan yang dibuka pada tiap-tiap tahun kita boleh membawa peneroka sekali ganda lebih daripada ini, tetapi kita tidak dapat berbuat demikian ialah oleh kerana tidak dapat menyediakan infrastraktur secukupnya seimbang dengan kemajuan tanaman yang kita telah buat, kerana yang pertama sekali ialah masaalah kontrektor. Kontrektor-kontrektor boleh dikatakan sebahagian besarnya gagal daripada menunaikan tanggungjawabnya dengan sebab tekanan inflasi dan kesulitan-kesulitan mendapatkan bahan-bahan kayu dan bahan-bahan untuk membuat rumah dan sebagainya.

Bagi mengatasi masaalah ini Jabatan Hutan telahpun diarah untuk memberi bantuan kepada pemborong-pemborong pembina rumah-rumah peneroka yang kebanyakannya terdiri daripada bumiputra dengan meminta kilang-kilang papan memberikan bekalan kayu kepada pemborong-pemborong setelah mendapat jaminan pembayaran daripada pihak FELDA sendiri.

Ada pula satu penyakit lagi, sebahagian, tidak semuanya daripada kontrektor-kontrektor bumiputra ini oleh kerana dia berkehendakkan sangat kontrek atau tender itu dapat ke tangannya, maka diletakkannya murah. Dengan kurang memperhitungkan dan kadang-kadang pula jemaah yang memilih tadi berpendapat kalau hendak memilih yang mahal nanti orang tuduh dia pula apa-apa hal. Jadi pilih yang murah yang dirasa menasabah pada masa itu. Dengan tidak memperhitungkan hal-hal yang lain maka apabila mereka membuat kerja-kerja separuh jalan akhirnya gulung tikar.

Pada masa sekarang di Kementerian ini telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Galian sendiri untuk mengkaji dan memberikan perhatian serta bantuan yang sewajarnya kepada kontrektor-kontrektor bumiputra yang mengadakan kontrek dengan FELDA, FELCRA ataupun apa-apa sahaja yang ada hubungannya dengan Kementerian Tanah dan Galian ini sendiri. Saya percaya masaalah kontrektor-kontrektor itu akan dapat kita atasi apabila jawatankuasa ini dapat menjalankan tugasnya dengan baik dan apabila pihak

kontrektor itu sendiri dapat memberikan sebab-sebab yang menasabah kenapa dia gagal dan bagaimana sepatutnya atau caranya yang boleh pihak FELDA memberi pertolongan supaya kegagalan seperti itu dapat diperbaiki ataupun dibetulkan semula.

Tuan Pengerusi, masaalah sistem point (point system) dalam pemilihan peneroka-peneroka seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut iaitu di antara umur 18 hingga 35 tahun. Markah yang paling rendah sekali dalam perkiraan FELDA sekarang ini ialah yang berumur 35 tahun atau yang paling rendah 18 tahun manakala yang paling tinggi ialah markah yang ditengah-tengahnya. Sebenarnya bukanlah point pada umur ini sahaja yang boleh menentukan seseorang itu terpilih menjadi peneroka. Ada beberapa point lagi seperti masaalah kelayakan yang lain, misalnya tentang isteri, tentang anak, tentang harta-punya miliknya serta pengalamannya dalam-bidang pertanian. Satu lagi ialah soal kelakukan, adat tertibnya yang dapat kita pandang itu pun menjadi point juga. Walau bagaimanapun, perkara ini pihak FELDA sedang mengkaji pada keseluruhannya. Mungkin barangkali masaalah umur pun kita akan timbangkan semula. Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan supaya had umur dinaikkan ke empat puluh tahun seperti kata Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

Yang sebenarnya sekarang ini kajian sedang dibuat dan mungkin kita akan cuba supaya had umur 35 tahun jika menasabah dinaikkan atau tidak. Soalnya dikenakan had umur begini, kerana apabila seseorang itu masuk Rancangan FELDA dia terpaksa berhutang dan hutang itu mesti dibayar dalam tempoh 18 tahun. Kalau had umur dinaikkan sampai 50 tahun dan dicampur 18 tahun lagi baru habis hutang jadi bermaknalah 68 tahun. Enam puluh lapan tahun itu sudah bongkok tiga belakangnya dan tidak boleh membuat kerja serta tidak sempat merasakan bumi itu hak milik dia sebenarnya sehingga sesudah hutang itu dibayar. Maka dibuatlah had umur seperti itu supaya seimbang dengan tempoh jarak waktu yang dia hendak bayar hutang itu balik. Jadi itulah kata saya walau bagaimanapun kita sedang mengkaji had umur ini dengan telitinya termasuklah juga had umur bekas-bekas Anggota Pasukan Keselamatan yang sekarang ini 40 tahun sahaja had umurnya dan barangkali akan diberi pertimbangan yang lebih baik tentang had umur ini dan juga soal point system dalam pemilihan itu.

Masaalah minyak mengikut apa yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun bahawa ada selori katanya minyak kelapa sawit telah dilapurkan hilang dan masaalah minyak kotor pula dibahagikan kepada beberapa pihak dan selalunya termasuk minyak bersih sama. Sedangkan bayarannya mengikut harga minyak kotor. Ini sebenarnya, ada pernah berlaku kejadian mengenai kehilangan minyak ini dan perkara ini sudahpun dilapurkan dan penyiasatan sedang berjalan dengan tegasnya sekarang ini dan satu tindakan akan diambil terhadap satu dua kes sahaja, tidak banyak. Memang sebagai satu organisasi yang besar seperti FELDA ini dia akan berjumpalah kisah-kisah seperti ini. Tetapi kehilangan sampai satu kilang atau berpuluh-puluh lori kalau ada pun berlaku hanya sekali dua sahaja.

Yang keduanya, berkenaan minyak kotor. Minyak kotor ini sebenarnya adalah di bawah jagaan Jawatankuasa Kemajuan Rancangan itu sendiri, dan memang kita telah memberikan penelitian yang cermatnya supaya tidak berlaku lagi sebarang penyelewengan. Kita terpaksa menerangkan kepada peneroka itu sendiri sebarang penyelewengan, umpamanya minyak kotor apabila kita buka satu minit sahaja paip daripada minyak bersih dan bercampur dengan minyak kotor ini akan menyebabkan kehilangan beratus-ratus ringgit. Yang ruginya bukan FELDA, tetapi peneroka itu sendiri. Apabila peneroka-peneroka itu dapat memahami hakikat ini, dia sendiri akan menjadi pengawal daripada larinya minyak bersih ke dalam minyak kotor. Sebab bila bertambah banyak minyak bersih lari ke dalam minyak kotor akan bertambah banyak wangnya lari. Soalnya bergantung kepada kesedaran peneroka itu sendiri. Alhamdullillah, nampaknya keadaan sekarang ini sudah beransur-ansur baik sebab peneroka-peneroka sudah mengerti hakikat kedudukan yang sebenarnya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Petaling menarik perhatian kita dengan seriousnya dengan membuat satu tuduhan bahawa FELDA telah menjalankan satu dasar diskriminasi yang begitu tajam di

dalam pemilihan peneroka-peneroka. Sehingga dia telah membandingkan hanya beberapa peratus sahaja orang-orang yang bukan Melayu seperti China dan India yang menjadi peserta-peserta FELDA. Sebenarnya, saya menafikan dengan sekeras-kerasnya dan tidak pernah timbul satu dasar diskriminasi ataupun tidak pernah ujud satu dasar diskriminasi di dalam FELDA ini. Sebab FELDA dalam memilih peneroka-penerokanya tidak berdasarkan kepada quota. Kita tidak pernah mengadakan quota. Pemilihannya, dia ialah rakyat Malaysia dan warganegara Malaysia yang mempunyai kemahuan dan kelayakan. Sepanjang masa yang telah lalu, mengikut rekod yang saya telah perhatikan dan ini pernah saya jawab di dalam Dewan ini, pernah berlaku bahawa ada peserta-peserta daripada kaum yang bukan Melayu seperti China yang sudah terpilih tidak sampai enam bulan cabut lari keluar. Soalnya mereka tidak mempunyai penyesuaian dengan peraturan-peraturan dan disiplin yang ada di dalam rancangan itu sendiri. Tetapi bagi mereka yang tahan menghadapi peraturan dan disiplin, mereka taat maka mereka kekal sampai sekarang, seperti di Rancangan Kemendor dalam Negeri Melaka khasnya yang mana saya perhatikan hampir sama banyak peserta-pesertanya di antara Melayu dan bukan Melayu. Mereka hidup dengan muhibbah, dan bergaul dengan baiknya manakala Jawatankuasa ada yang Melayu dan bukan Melayu dimana ada mereka menjadi peserta dapat hidup dengan baik. Tetapi banyak daripada orang bukan Melayu tidak tahan. Sampai sekarang ini pun saya telah memberitahu FELDA dalam cara pemilihannya janganlah berlaku sebarang diskriminasi. Memang tidak berlaku sebarang diskriminasi. Kalau ada orang bukan Melayu yang mempunyai kemahuan dan cukup syaratnya akan diberikan pertimbangan yang wajar dan mereka akan dapat diterima untuk memasuki FELDA.

Berkenaan dengan kehairanan Ahli Yang Berhormat dari Petaling kenapa hasil yang didapati di dalam rancangan FELDA ini tidak seimbang dengan keluasan rancangannya. Ini berlaku terutamanya dalam kawasan getah. Kita akui dalam kawasan getah memang tidak seimbang, kerana selama ini pernah berlaku bahawa penjualan getah secara haram telah berlaku dalam rancangan-rancangan itu sendiri. Sekarang ini kita sedang cuba mencari satu jalan untuk mengatasinya dan pihak Kerajaan telah meluluskan satu dasar baru berkenaan dengan kawasan-kawasan getah dalam rancangan FELDA iaitu peserta yang mendapat kawasan getah enam ekar, tujuh ekar dan lapan ekar, Kerajaan telah pun membuat satu dasar baharu bahawa mereka tidak lagi dihitung tentang hutang-hutang yang lama tetapi diberikan nilai atau nilaian tanah atas harga kawasan itu sendiri. Ini akan saya isytiharkan kemudian sesudah pengkajian dibuat untuk penyesuaian oleh pihak pegawai-pegawai FELDA sendiri. Cuma apa yang dapat dinyatakan bahawa dengan cara seperti demikian suatu kelonggaran yang besar dapat diterima peserta-peserta FELDA di dalam rancangan getah ini dan mereka di jamin tentang pendapatan bulanannya sebanyak $125 paling kurang dan mereka juga hendaklah menjamin diri mereka bahawa getah-getah itu tidak akan dijual keluar daripada rancangan. Kalau berlaku penjualan getah keluar, maka mereka tidak akan mendapat hak ini, hak kurangnya harga terhadap rancangan-rancangan getah itu sendiri.

Tuan Pengerusi, sekarang saya masuk kepada masaalah FELCRA.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun juga mengatakan bahawa FELCRA telah mengambil alih Rancangan-rancangan Tanah Pinggir yang dibuat oleh Kerajaan Negeri, yang setengah-setengah menempoh kegagalan, maka dia telah menyarankan supaya tanah-tanah persendirian kalau dapat dikumpulkan secara beramai-ramai patut juga diserahkan kepada FELCRA. Hal ini saya rasa satu perkara baharu dan patutlah kita membuat kajian yang sewajarnya. Soal yang besar ialah tanah itu tanah jenis apa? Adakah tanah getah, atau kelapa sawit, atau dusun buah-buahan? Sebab kalau dengan cara berkumpul seperti ini sekiranya tanah getah hendak ditukar menjadi tanah kelapa sawit dan sebagainya, barangkali selain daripada FELCRA ada badan-badan yang lain yang boleh membuat perhitungan dan pertimbangan dalam perkara ini seperti RISDA atau sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang membangkitkan masaalah matlamat luas tanah belia tidak tercapai. Ini saya rasa tidak payah dijawab kerana Yang Berhormat telah membaca Buku Anggaran Belanjawan, 1975 yang

telah diterangkan dengan nyata dan jelas. Walau bagaimanapun pada masa sekarang ini, matlamat itu akan dapat kita capai dengan cara beransur apabila didapati Rancangan Tanah Belia yang dijalankan oleh FELCRA ini mencapai kejayaan yang cukup memuaskan.

Masaalah konsep saham (sharing system) seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang itu memang pada dasarnya sedang dicuba dan dilaksanakan di dalam Rancangan Tanah Belia yang di bawah anjuran FELCRA pada masa sekarang ini. Saya baru sahaja melawat Rancangan Tanah Belia di Ramuan China. Saya dapati cara sistem yang dibuat seolah-olah seperti satu sistem collectivism umpamanya, tetapi bukan collectivism seperti di Commune System. Collectivism mengikut pengertian kita dapat dijalankan dengan cara seperti ini bukan sahaja soal wang dapat dikumpulkan dengan cara yang baik, tetapi mewujudkan sifat-sifat persaudaraan di kalangan belia itu sendiri. Cuma kalau belia itu hendak minta kerjasama dengan Belia 4B, timbul pula M.A.Y.C., A.B.I.M. dan sebagainya. Sebenarnya tidak usahlah kita kaitkan dengan masaalah persatuan belia sebab kita buat mengikut ukuran kira sendiri.

Yang pertama, yang pentingnya Rancangan Tanah Belia ini ialah kerjasama Kerajaan Negeri dan kalau Kerajaan Negeri tidak beri tanah, kita tidak dapat mengadakan rancangan belia. Dan kadang-kadang Kerajaan Negeri memberikan syarat yang tegas sekiranya hendak membuka tanah di Negerinya untuk Rancangan Tanah Belia maka belia di Negeri itulah yang diambilnya. Ini supaya mengelakkan dari timbulnya masaalah pilih kasih maka biarlah kita buat rancangan seperti yang berjalan pada masa sekarang ini. Saya cukup optimis tentang Rancangan Tanah Belia yang dibuat oleh FELCRA ini akan mendapat kejayaan yang gemilang pada masa akan datang.

Sekarang saya masuk dalam perkara pentadbiran tanah. Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas, Johor Bahru, Pengkalan Chepa, Petaling, Kangar dan Sepang ada membangkitkan banyak perkara terutama dalam masaalah pentadbiran tanah. Satu perkara yang harus kita akui bersama bahawa pentadbiran tanah di negara kita ini merupakan satu pentadbiran yang paling tua dalam Malaysia ini, jika dibandingkan dengan pentadbiran yang lain. Yang lain banyak yang baru wujud. Semenjak umurnya yang sebegitu tua itu pakaiannya tidak pernah bersalin, masih memakai pakaian yang lama sehingga pakaian itu cumpang-camping dan dijahit-jahit, iaitu dengan pengertiannya bahawa sistem yang digunakan sekarang ini masih menggunakan sistem lama pada dasarnya. Hal ini telahpun dikaji oleh Majlis Tanah Negara dengan cermatnya. Sekarang ini perundingan sedang dilakukan antara Majlis Tanah Negara dan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya dapat memodenkan bentuk pentadbiran tanah di negara kita ini. Memodenkan di dalam satu pengertian untuk mengatasi masaalah-masaalah yang selama ini ditemui, samada kelambatan penukaran tanah dan sebagainya. Walaupun memang ada sebab-sebab yang tertentu yang pernah saya memberi jawapan pada Majlis ini, tetapi soal yang sebenar yang timbul itu adalah satu hal yang patut kita fikirkan. Kita tidak boleh bandingkan pentadbiran tanah sekarang yang kita hadapi ini dibandingkan dengan pentadbiran tanah zaman penjajah iaitu 20 tahun dahulu. Orang 20 tahun dahulu tidak seramai orang sekarang. Tanah yang dimiliki oleh orang 20 tahun dahulu tidak sebanyak dengan tanah yang dimiliki orang sekarang. Projek pembangunan tidak ada zaman dahulu, maka masaalah menyelesaikan pertukaran nama tanah, lot dan sebagainya dapat diselesaikan dengan begitu mudah oleh D.O. seorang sahaja atau dengan dibantu oleh A.D.O. tetapi sekarang ini tanah telah berlipat ganda, maka sistem yang lebih moden mestilah dikaji dengan teliti dan cermatnya, kalau tidak harus tergendala semua kerja-kerja pembangunan. Ini memang disedari oleh pihak Kerajaan sendiri dan juga kita bersama.

Saya menerima baik di atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perkara masaalah-masaalah yang dihadapi oleh pentadbiran tanah di seluruh negara kita ini. Saya sedar bahawa soal tanah adalah soal Kerajaan Negeri, bagi Kerajaan Pusat kita hanya cuba membentuk suatu sistem penyelarasan yang baik dan memberi pandangan-pandangan serta kaedah-kaedah yang lebih baik dan ini dilakukan melalui Majlis Tanah Negara.

Saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah banyak menyentuh perkara pentadbiran

tanah ini. Kita telah terima banyak pandangan-pandangan dari Kerajaan Negeri juga tentang cara-cara kita hendak mengatasi pekerja-pekerja dalam pentadbiran tanah ini.

Saya cuma hendak menjawab masaalah yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa yang membangkitkan masaalah tanah kubur. Sebenarnya tanah kubur ini adalah terletak di bawah pentadbiran Majlis-majlis Ugama Islam, atau Jabatan Ugama Negeri. Biasanya jenis tanah kubur ini termasuk jenis tanah wakaaf. Saya rasa perkara ini bolehlah kita hubungi dengan Kerajaan Negeri dan juga Pejabat Ugama supaya mengkaji maasalah-masaalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa itu sendiri. Saya sependapat dengan beliau bahawa adalah tidak baik bahkan salah di segi pandangan ugama kalau kita buat binaan kekal di atas kubur ini. Sekiranya kita pergi ke Mekah kita tidak kenal di mana batu nesan ayah kita. Soal ini adalah soal yang menyentuh perasaan masyarakat kita dan haruslah dikaji dengan cermatnya antara pihak Kerajaan Negeri dan pihak Majlis Ugama Islam di tiap-tiap Negeri itu sendiri supaya menentukan tanah kubur dan bagaimana cara atau kaedah mewujudkan penanaman mayat orang Islam di kubur itu sendiri.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling sambil menyentuh beberapa perkara yang lain, telah menyebutkan juga supaya Kerajaan menyemak semula Kanun Tanah Negara supaya orang miskin dapat bayaran secara beransur primium tanah. Hal ini sudah ada, dia patutlah membaca Kanun Tanah Negara itu dengan cermatnya. Dan dalam Kanun Tanah Negara itu ada banyak mempunyai kuasa juga badan-badan tertentu dan ini terpulanglah kepada kebijaksanaan pentadbir-pentadbir tanah itu untuk memberi pertimbangan bayaran secara beransur atau sebagainya. Soalnya ialah kena bayar. Kalau tidak bayar tidak akan dapat tanah itu sendiri walaupun di kampung baru.

Soal memanjang tempoh pajakan, ini adalah polisi Kerajaan Negeri. Saya tidak berani menyentuhnya. Ada Kerajaan Negeri memberi tempoh pajakan 30 tahun, 60 tahun dan ada juga sampai selama 99 tahun. Soal hendak menyelaraskan panjang masa lease ini harus memakan waktu yang agak lama sedikit. Kita kena cermat dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar membangkitkan penilaian tanah untuk projek pembangunan supaya tanah-tanah untuk pembangunan diambil oleh Kerajaan dan dibayar dengan harga yang mahal. Keadah Kerajaan membayar harga tanah rakyat yang diambil daripada berdasarkan kepada harga pasaran pada ketika itu. Biasanya harga pasaran itu diambil ukurannya kepada tanah yang terdekat yang dijual dalam waktu yang terdekat, mengikut yang didaftarkan di Stamp Office. Ini menyebabkan kadang-kadang setengah-setengah orang itu apabila hendak menjual-beli tanah itu kerana hendak lari dari stamp dia pun murahkan harga tanah. Jadi, apabila sampai masa Kerajaan hendak ambil dia membayar harga itu mengikut harga yang dijual mengikut Stamp Office. Ini pernah berlaku, tetapi perkara ini dapat dielakkan. Sebenarnya Kerajaan-kerajaan Negeri mengikut apa yang saya faham Kerajaan menyedari sangat hakikat ini dan cuba untuk mengatasinya. Tetapi hendak membayar lebih daripada harga pasaran, itu salah. Naiknya harga tanah itu kemudian kerana projek itu dibuat. Kalau Kerajaan Negeri tidak ambil untuk buat projek, maka tanah tidak naik harga.

Yang kedua, ialah soal jual-janji. Inipun soal Kerajaan Negeri yang boleh diselesaikan. Ada Negeri yang sudah menghapuskan sistem jual-janji ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang membangkitkan suatu perkara yang juga merupakan perkara yang begitu sensitif—bukan sensitif undang-undang—tidak, menyentuh sedikit perasaan kita itu mengenakan had minima dan had maksima terhadap pemilikan tanah dan ianya sudah merupakan soal reformasi tanah secara menyeluruh. Ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara ini dalam soal-jawab pada masa-masa yang lalu iaitu bagaimana hendak mengwujudkan suatu sistem reformasi tanah yang baharu yang lebih progressive terhadap rakyat negeri ini. Saya rasa akan tiba masanya kepada soal yang seperti ini tetapi tidak sekarang. Sekarang ini reformasi tanah menunjukkan kita ke arah hendak membetulkan kedudukan kaum tani dan langkah awal seperti yang pernah saya katakan ialah diadakan suatu pengkajian di dalam Rancangan Kemubu dan dalam Rancangan Muda, bagaimanakah cara kita hendak mengatasi masaalah ini. Ini masaalah yang

begitu besar dan saya rasa kajiannya mestilah menyeluruh pada masa yang akan datang—akan tiba juga masanya, insya Allah tidak sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah membangkitkan perkara masaalah galian lombong yang berhampiran dengan kampung dan berhampiran dengan sungai. Perkara ini saya rasa elok Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan pihak Jabatan Galian ataupun menghantar surat terus kepada saya. Saya akan tengok case itu yang sebenarnya. Di luar tadi pun Ahli Yang Berhormat telah menyatakan kepada saya, saya berterima kasih kerana telah membangkitkan perkara ini dalam Dewan ini, sebab sepatutnya perkara yang seperti ini tidak patut berlaku dan Kementerian saya akan memberi perhatian berat apabila mendapat makluman yang sebenar berkenaan dengan kejadian itu.

Ahli Yang Berhormat dari Jerlun-Langkawi ada membangkitkan perkara hutan simpan patut dikeluarkan untuk rancangan. Saya rasa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah masaalah kawasan tadahan air yang sering ada dalam hutan-hutan simpanan. Sebenarnya pembukaan kawasan tanah untuk pertanian ini bukanlah suatu hal yang begitu mudah dan terpaksa di kaji dengan lebih teliti kepada beberapa faktor. Faktor yang besar sekali ialah jenis tanah dan sesuai tanah itu dengan jenis pertanian yang akan diwujudkan. Biasanya kawasan tadahan air ini duduknya di pinggir tanah tinggi di pinggir gunung. Tanah yang seperti ini tidak begitu sesuai untuk dibuatkan kawasan rancangan, lagipun kalau tanah tadahan air itu ditiadakan, ini akan merosakkan, akan menimbulkan masaalah erosion yang besar atau hakisan yang besar dan ini juga akan mengubahkan, menimbulkan soal-soal alam sekitar yang tidak sepatutnya timbul dalam masyarakat kita sekarang.

Walau bagaimanapun, saya rasa Kerajaan-kerajaan Negeri mempunyai perhatian yang cukup tajam terhadap persoalan hutan-hutan simpan ini sendiri. Banyak Kerajaan Negeri memberi perhatian bahawa hutan simpan patut setengah-setengahnya digantikan menjadi kawasan-kawasan pertanian. Tetapi ini menimbulkan juga soal pertelagahan dengan kehendak hutan itu sendiri. Sebab sistem membentuk hutan baharu, cara moden sekarang ini juga merupakan sistem pertanian. Melalui sistem hutan cara baru sekarang ini boleh menimbulkan suatu sistem pertanian juga yang boleh memberikan nilai ekonomi yang tidak kurang pentingnya dengan cara pertanian yang hendak dibuat, dibuka secara rancangan tanah yang sekarang ini sedang dalam kajian. Sebab negara kita ini memerlukan juga hutan, jangan pula apabila sampai pada suatu masa kelak tidak ada pun sebatang pokok kayu, bila hendak dibuat rumah, akhirnya hendak buat tongkat kita pun kena beli kayu dengan harga beratus ringgit kerana sudah habis hutan kita. Insya Allah mudah-mudahan tidak berlaku di negara kita ini, tetapi walau bagaimanapun kita adalah bercermat dalam masaalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah membangkitkan masaalah rumah pegawai-pegawai hutan. Saya ucapkan terima kasih dan ini akan diberi perhatian yang wajar.

Akhirnya Ahli Yang Berhormat dari Dungun telah membangkitkan perkara pembukaan tanah oleh pihak swasta di Padang Kubu. Sampai sekarang ini tidak tentu hujung pangkalnya dan begitu complicated, kata Yang Berhormat itu. Saya rasa perkara ini adalah perkara urusan Kerajaan Negeri sendiri dan sepatutnya perhubungan dengan Kerajaan Negeri patut dibuat terlebih dahulu untuk mengetahui kedudukan yang sebenar atas perkara ini.

Tuan Pengerusi, demikianlah sahaja jawapan saya dan akhirnya saya mohon supaya peruntukan di bawah Kepala B. 66 dan Kepala P. 66 diluluskan.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak $31,649,440 untuk Kepala B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak $306,201,938 untuk Kepala P. 66 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada $2,406,598,777 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan

bagi tahun 1975, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1975 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1974, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujukan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbangkan usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada $2,406,598,777 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1975, dan bagi maksud kepala dan pecahan-pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1975 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1974, adalah diuntukkan di bawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.

**Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada $2,406,598,777 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1975, dan bagi maksud kepala dan pecahan pecahan kepala perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Kepala Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1975 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 22 tahun 1974, adalah diuntukkan dibawah kepala-kepala yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan pecahan-pecahan kepala itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 19hb Disember, 1974.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 9.40 malam.*